# PARLIMEN

# MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUABELAS 2012**

## Jawapan-Jawapan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan [Bertulis] Dewan Rakyat Daripada Kementerian-Kementerian

**12 MAC HINGGA12 APRIL 2012 SOALAN NO : 1 HINGGA 100**

CAWAIMGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.

# KANDUNGAN

## JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

## (SOALANNO. 1 HINGGA 100)

**AISHAH 2012**
**CAWANGAN PERUNDANGAN**
**PARLIMEN MALAYSIA**

SOALAN NO. 1

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARI PAD A YB DATUK DR. MARCUS MOJIGOH (PUTATAN)

TARIKH 13 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

**YB Datuk Dr. Marcus Mojigoh** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:-

(a) statistik keganasan domestik sejak tahun 2000 serta pecahan menurut tahun dan negeri; dan

(b) tindakan yang telah diambil bagi mengatasi masalah ini, serta jumlah kes yang telah didakwa dan disabit kesalahan.



**Jawapan ini telah disemak oleh Y.Brs, TKSU(S), Segala pindaan perlu dirujuk semtila kepada pihak Urusetia bagi memastikan kesahihan makiumat**

JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan mengambil berat terhadap kes keganasan rumah tangga yang berlaku di negara ini. Sesungguhnya sebarang konflik dan cabaran rumah tangga perlu diselesaikan dengan berhemah dan bijak tanpa melibatkan keganasan berbentuk fizikal, psikologi, emosi dan mental sama ada kepada suami, isteri, anak-anak ataupun keluarga.

Berdasarkan statistik yang diperolehi daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kes keganasan rumah tangga mengikut negeri dari tahun 2000 hingga bulan Februari 2012 adalah sebanyak 39,467 kes. Pecahan kes mengikut negeri dan tahun adalah seperti berikut:


**Jawapan ini teiah disamak ofeh Y.Brs. TKSU(S). Segals pindaan periu clirujuk semufa kepada pihak Urusetia bagi metnastikan kesahthan maklumat**

### Bilangan Kes Keganasan Rumah Tangga Mengikut Negeri, Tahun 2000 hingga Februari 2012

| KONTINGEN | 2000 | 2001 | 2002 | 2003 | 2004 | 2005 | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Selangor | 877 | 855 | 942 | 805 | 932 | 845 | 795 | 811 | 1,102 | 1,015 | 626 | 572 | 79 | 10,256 |
| Johor | 377 | 379 | 187 | 234 | 465 | 320 | 377 | 315 | 273 | 231 | 300 | 256 | 27 | 3,741 |
| Pulau Pinang | 399 | 431 | 269 | 231 | 255 | 272 | 307 | 338 | 279 | 286 | 282 | 300 | 32 | 3,681 |
| Negeri Sembilan | 349 | 318 | 242 | 301 | 262 | 253 | 281 | 289 | 252 | 274 | 239 | 250 | 41 | 3,351 |
| Sarawak | 316 | 203 | 222 | 201 | 208 | 254 | 303 | 416 | 298 | 340 | 260 | 247 | 57 | 3,325 |
| Kedah | 177 | 179 | 177 | 179 | 264 | 328 | 261 | 378 | 387 | 288 | 135 | 173 | 27 | 2,953 |
| Perak | 269 | 185 | 135 | 123 | 85 | 186 | 261 | 261 | 241 | 290 | 345 | 353 | 46 | 2,780 |
| Pahang | 150 | 161 | 202 | 188 | 206 | 167 | 171 | 197 | 186 | 149 | 164 | 190 | 44 | 2,175 |
| Sabah | 102 | 86 | 85 | 69 | 124 | 114 | 81 | 144 | 218 | 342 | 301 | 280 | 37 | 1,983 |
| Kuala Lumpur | 264 | 162 | 131 | 96 | 95 | 71 | 88 | 189 | 92 | 71 | 123 | 224 | 28 | 1,634 |
| Kelantan | 33 | 36 | 47 | 19 | 27 | 80 | 88 | 184 | 252 | 173 | 242 | 229 | 52 | 1,462 |
| Melaka | 92 | 56 | 67 | 68 | 104 | 159 | 176 | 106 | 89 | 62 | 64 | 74 | 11 | 1,128 |
| Terengganu | 24 | 29 | 10 | 9 | 21 | 23 | 33 | 82 | 90 | 68 | 45 | 65 | 17 | 516 |
| Perlis | 39 | 27 | 39 | 32 | 53 | 21 | 42 | 46 | 10 | 54 | 47 | 64 | 8 | 482 |
| JUMLAH | 3,468 | 3,107 | 2,755 | 2,555 | 3,101 | 3,093 | 3,264 | 3,756 | 3,769 | 3,643 | 3,173 | 3,277 | 506 | 39,467 |



Jawapan ini islah whh Y.S-rs. 7HSU;s?j, Ssjai& a csm.*&n. I ' -
r . , v . c ' a «
**makiumat**

Berdasarkan jadual di atas, bagi tempoh 2000 hingga Februari 2012, lima (5) negeri yang mencatatkan bilangan kes keganasan rumah tangga tertinggi adalah Selangor (10,256 kes), Johor (3,741 kes), Pulau Pinang (3,681 kes), Negeri Sembilan (3,351 kes) dan Sarawak (3,325 kes).

Berdasarkan statistik PDRM, bilangan kes keganasan rumah tangga yang - didakwa dan disabitkan kesalahan oleh mahkamah dari tahun 2005 hingga 2011 adalah seperti berikut:

| **Tahun** | **2005** | **2006** | **2007** | **2008** | **2009** | 2010 | 2011 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Jumlah Kes** | 3,093 | 3,264 | 3,756 | 3,769 | 3,643 | 3,173 | 3,277 |
| **Tuduh** | 196 | 259 | 105 | 71 | 31 | **211** | 47 |
| **Jatuh Hukum** | 123 | 169 | 32 | **1** | 3 | 185 | 3 |

Sementara itu, berdasarkan maklumat kerja kes yang dijalankan oleh JKM, lima (5) sebab utama berlaku kes keganasan rumah tangga ialah perselisihan faham (33.29%), penagihan dadah (9.33%), masalah kewangan (9.33%), mempunyai perhubungan di luar nikah (9.18%) dan kaki

botol (6.88%). Sebagai Kementerian yang prihatin terhadap isu-isu keganasan rumah tangga, KPWKM telah mengambil beberapa inisiatif bagi menangani isu ini. Antaranya ialah:

Membuat pindaan kepada Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Pindaan ini telah diluluskan di Parlimen pada 21 Disember 2012 dan dikuatkuasakan pada 20 Februari 2012. Antara pindaan utama adalah seperti berikut:

a. memperluaskan takrifan keganasan rumah tangga bagi meliputi penderaan emosi, mental dan psikologi, penggunaan bahan yang memabukkan dan bahan yang menyebabkan delusi kepada mangsa dan mangsa kanak-kanak;
b. menjamin mangsa mendapat perlindungan tambahan bagi melarang pelaku keganasan rumah tangga menghampiri mangsa pada jarak sekurang-kurangnya 50 meter atau pada apa-apa jarak yang difikirkan munasabah oleh mahkamah;
c. memudahkan urusan mendapatkan perintah perlindungan sama ada perintah perlindungan (PO) atau perintah perlindungan interim (IPO).

Dalam hal ini, IPO dan PO boleh difailkan di mana- mana mahkamah dan boleh dikeluarkan oleh mana-mana

pegawai mahkamah dan tidak terhad kepada Pendaftar Mahkamah sahaja;

d. IPO boieh dibuat melalui permohonan secara *ex-parte* sama ada oleh pemohon; peguam pemohon atau seorang pegawai kebajikan bagi pihak pemohon;

e. membenarkan penyampaian IPO dan PO dibuat melalui penyampaian ganti iaitu dengan meninggalkan satu salinan perintah di alamat terakhir diketahui; menampalkan satu salinan perintah di papan notis mahkamah atau dengan cara lain yang diarahkan oleh mahkamah; dan

f. kesalahan keganasan rumah tangga merupakan satu kesalahan yang boleh ditangkap *(seizable offence).*

KPWKM melalui agensi-agensi di bawahnya seperti JPW dan LPPKN telah melaksanakan pelbagai program advokasi untuk memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya wanita. Program advokasi ini dilaksanakan di peringkat kanak-kanak, pelajar institusi pengajian tinggi, keluarga dan

komuniti. Antara program yang telah dilaksanakan ialah:

a. Seminar Kepekaan Gender;
b. Kelab *Youth Orbit (YO)- Circle of Influence;*
c. Seminar Literasi Undang-undang;
d. Seminar Menangani Keganasan Terhadap Wanita;
e. Bengkel Selamatkan Diri Anda (SeDiA);
f. Program Pengurusan Emosi;
g. Kursus Praperkahwinan SMARTSTART LPPKN; dan
h. Program pengurusan kewangan keluarga SMARTbelanja@LPPKN.

Prog ram-prog ram yang dinyatakan di atas dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, Polis Diraja Malaysia, Unit *One Stop Crisis Centre* (OSCC) di hospital dan pertubuhan bukan Kerajaan seperti *Women's Aid Organisation* (WAO), *Women Crisis Centre* (WCC), Majlis Kebangsaan Pertubuhan- pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) dan *All Women Action*

*Society Malaysia* (AWAM).

KPWKM turut menyediakan perkhidmatan bagi membantu mangsa keganasan rumah tangga seperti berikut:

a. khidmat bimbingan dan kaunseling bagi mengukuhkan emosi dan psikologi mangsa keganasan rumah tangga. Sebanyak 192 kes bagi tahun 2010 dan 130 kes sepanjang tahun 2011 telah diberi perkhidmatan kaunseling oleh JKM dan JPW; dan

b. Perkhidmatan Talian Nur 15999 diperkenalkan pada 5 Disember 2007 bagi memudahkan orang awam termasuk mangsa keganasan rumah tangga membuat aduan atau pun membuat pertanyaan yang berkaitan. Sepanjang tahun 2010, sebanyak 118 aduan mangsa keganasan rumah tangga diterima melalui Talian Nur 15999 dan diberi intervensi oleh JKM. Bagi tahun 2011 pula sebanyak 163 aduan mangsa keganasan rumah tangga diterima melalui Talian Nur 15999 dan diberi intervensi oleh JKM.

**NO. SOALAN : 02**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]

RUJUKAN 4566

SOALAN :

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan** ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan

(a) tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah penyalahgunaan pas kerja, visa peiajaran dan visa pelawat yang kian berleluasa; dan

(b) tindakan yang telah diambil kepada mana-mana pihak yang terlibat dalam aktiviti pemerdagangan orang melalui penyalahgunaan di atas.

JAWAPAN :

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Putatan yang mengemukakan pertanyaan.

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN)

telah memperketatkan mekanisme bagi mengawal dan memantau kemasukan warga asing bagi mengelakkan penyalahgunaan pas. KDN sentiasa mengemaskini dan menambahbaik prosedur pengeluaran pas kepada semua warga asing bagi memastikan hanya warga asing yang layak sahaja mendapat kemudahan pas.

Mulai 1 Jun 2011 Kerajaan telah menguatkuasakan pengambilan biometrik warganegara asing di pintu-pintu masuk negara. Pengambilan biometrik ini adalah melalui *National Enforcement and Registration (Biometric) System* (NERS), bagi tujuan menyokong agenda nasional dalam memantapkan pengurusan, pemantauan dan penguatkuasaan warganegara asing yang masuk, berada dan berlepas dari Malaysia. Pengambilan biometrik ini berupaya meningkatkan keberkesanan kawalan dan pemeriksaan warga asing dengan proses pengecaman terhadap data biometrik yang telah direkodkan sebagai senarai syak Jabatan di samping mengenal pasti ketulenan identiti individu berdasarkan semakan silang dengan maklumat biometrik yang terkandung dalam pangkalan data NERS.

Selain daripada itu, Perlaksanaan operasi **penguatkuasaan secara bersepadu dan berkala** juga dijalankan di antara Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Sumber Manusia secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warga asing yang melanggar peruntukan undang- undang negara.

KDN juga sentiasa menguatkuasakan undang-undang dengan tegas bagi mempastikan warga asing yang melakukan kesalahan tidak mengulanginya di samping memberi pengajaran kepada yang lain. Dalam hal ini, warga asing yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 akan didenda, disenaraihitamkan. dan dihantar pulanq ke negara asal mereka.

Bagi majikan yang didapati bersalah di bawah Seksyen 55B Akta Imigresen 1959/63 iaitu kesalahan menggaji warga asing yang tidak memiliki pas yang sah boleh disabitkan kesalahan dan dihukum denda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau dipeniara bagi tempoh tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanva bagi setiap seorang yang diambil bekerja.

Penyalahgunaan visa merupakan kesalahan di bawah Akta Imigresen. Walau bagaimanapun, jika terdapat sebarang unsur eksploitasi, penyiasatan boleh dilaksanakan di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670).

Akta ini telah dikuatkuasakan pada 28 Februari 2008 dan pindaannya pada 15 November 2010 bagi menghukum pesalah-pesalah yang terlibat di dalam memperdagangkan orang bagi maksud eksploitasi. Eksploitasi ini termasuklah segala bentuk eksploitasi seks, kerja atau perkhidmatan paksa, perhambaan atau amalan yang menyerupai perhambaan, pengabdian, apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau permindahan organ manusia. Jika sabit kesalahan pesalah berhadapan dengan hukuman yang berat iaitu kadar penalti sehingga tidak melebihi RM1 juta dan juga penjara sehingga maksimum 20 tahun.

Untuk makluman, bagi tempoh 2008 sehingga Januari 2012, sebanyak 382 pertuduhan telah dibuat melibatkan kes memperdagangkan orang. Daripada jumlah tersebut 49 pertuduhan telah disabitkan kesalahan. Di antara hukuman yang telah dijatuhkan oleh pihak Mahkamah adalah 10 tahun penjara dan juga denda.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH

[PUTATAN]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [ PUTATAN ] minta Menteri Pelajaran menyatakan

(a) bilangan guru-guru yang bukan berasal dari negeri Sabah yang mengajar di negeri Sabah; dan

(b) bilangan guru-guru yang berasai dari negeri Sabah yang mengajar di luar negeri Sabah.

JAWAPAN

(a) dan (b)

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Mengikut data pendidikan terkini, bilangan guru sekolah menengah (SM) yang berasal dari negeri Sabah ialah seramai 10,864 orang manakala sejumlah 4,362 orang bukan berasal dari negeri Sabah. Bagi sekolah rendah (SR), sejumlah 20,775 orang guru berasal dari negeri Sabah dan 4,632 orang lagi bukan berasal dari negeri tersebut.

SOALAN NO: 4

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARI PADA: Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH

SOALAN:

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan

(a) jumlah rakyat Sabah yang tidak mempunyai pekerjaan tetap; dan

(b) rancangan dan tindakan pihak Kementerian untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada mereka ini yang terdiri daripada orang-orang miskin.

PR-1251-T47217

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah rakyat Sabah pada tahun 2010 adalah seramai 3,120,040 juta orang. Mengikut rekod Jabatan Tenaga Kerja, pada tahun 2011 seramai 34,887 pencari kerja di Sabah berdaftar di dalam portal Jobsmalaysia.

Daripada jumlah itu, 4,767 orang adalah siswazah dan 29,654 bukan siswazah. Daripada 34,887 tersebut juga 27,910 orang merupakan pencari kerja daripada peringkat Sekolah hingga Institut Pengajian Tinggi manakala 6,977 orang daripada mereka yang ingin meningkatkan kerjaya .

2. Antara rancangan dan tindakan menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Sabah yang terdiri daripada orang-orang miskin ialah :

a. **Program Penempatan Pekerjaan (3P)**

   Mengadakan Program Penempatan Pekerjaan (3P) melalui Azam Kerja yang diperkenalkan pada tahun 2010. Seramai 111 orang telahpun berjaya ditempatkan dalam pekerjaan. Pada tahun 2011 seramai 113 orang telahpun mendapat pekerjaan.

b. **Program Penjanaan Pendapatan**

   Mengadakan Program Penjanaan Pendapatan iaitu latihan diberikan oleh penyedia latihan kepada para peserta yang terdiri daripada golongan miskin untuk mendapat kemahiran dan seterusnya membantu samada untuk membuka perniagaan sendiri atau terus bekerja dengan majikan. Pada tahun 2011 seramai lebih kurang 400 orang telah menyertai 24 program yang diadakan. Antara program tersebut ialah membuat sos makanan, landskaping, menjahit kasut, andaman, jahitan dan membaiki telefon. Ada diantara mereka

membuka perniagaan sendiri di rumah dan ada yang bekerja dengan majikan.

. Program Penggalakkan Penempatan Pekerjaan Di Ladang Mengadakan Program Penggalakkan Penempatan Pekerjaan Di Ladang. Pada tahun 2011 seramai 629 orang tempatan telah berjaya ditempatkan di sektor perladangan melalui program ini.

JAWAPAN SOALAN PERS1DANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN ]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [ PUTATAN ] minta Menteri Pelajaran menyatakan

(a) adakah pihak Kementerian sedar bahawa graduan UNITAR (Universiti Tun Abdul Razak, Kota Kinabalu - khasnya) dalam jurusan pendidikan tidak ditawarkan kerja; dan

(b) jumlah guru-guru sementara yang berkhidmat di negeri Sabah dan jenis kursus yang ditawarkan kepada bekas guru sementara bagi penyerapan semula dalam perkhidmatan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Penempatan guru di sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) adalah berasaskan kepada kekosongan jawatan mengikut opsyen pengajaran dan graduan yang lulus temu duga pelantikan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP). KPM memberi keutamaan untuk mengambil graduan tajaan KPM, graduan Institut Pendidikan Guru (IPG) dan graduan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) kerana latihan mereka

telah diunjurkan lebih awal oleh KPM dan unjuran yang telah dimaklumkan oleh KPM kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) untuk melatih guru-guru bagi keperluan KPM. Latihan graduan IPTS di
bidang pendidikan tidak diunjurkan oleh KPM. Pada masa ini, tiada keperluan untuk mengambil mereka menjadi guru di sekolah-sekolah KPM.

Merujuk kepada Surat Edaran Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) rujukan KP(PP)0017/122/34/1 Jld.3(59) bertarikh 3 Januari 2012, KPM tidak membenarkan semua Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri melantik Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) dan digantikan dengan Guru Interim. Jabatan Pelajaran Negeri Sabah telah melantik Guru Interim seramai 94 orang untuk Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah (SJKC) seramai 56 orang.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menawarkan latihan perguruan bagi guru sementara/Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) iaitu di bawah Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dan Diploma Perguruan Lepas Ijazah (DPLI) yang dilaksanakan di Institut Pendidikan Guru (IPG) seluruh negara. GSTT yang terlibat turut ditawarkan mengikuti program Diploma Pendidikan (DP) yang dilaksanakan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) melalui Ambilan Khas Disember 2011. Bagi PISMP, calon perlu mengikuti latihan selama satu setengah (1 *VT)* tahun bagi peringkat persediaan dan empat (4) tahun bagi peringkat ijazah pertama. Bagi calon DPLI dan DP pula, latihan yang perlu diikuti adalah selama 1 ½ tahun bagi mendapatkan Diploma Perguruan atau Diploma Pendidikan masing-masing.

NO SOALAN :6

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATUK SERI HAJI ABDUL GHAPUR BIN SALLEH
(KALABAKAN)

PERTANYAAN : BERTULIS

**Y.B. DATUK SERI HAJI ABDUL GHAPUR BIN SALLEH [ KALABAKAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah jualan saham MAS, melalui pertukaran saham dengan Airasia boleh menentukan keuntungan MAS untuk jangka masa yang panjang dan dapat menjamin agar pengangkutan udara menjadi kemampuan semua rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Rangka Kerja Kolaborasi Komprehensif (CCF) yang melibatkan Malaysian Airline System Bhd (MAS), AirAsia Bhd (AirAsia) dan AirAsia X Sdn Bhd (AirAsia X) adalah bertujuan untuk meneroka peluang kerjasama dalam pelbagai bidang dan menyelaraskan kepentingan ekonomi *(aligning economic interest)* syarikat-syarikat berkenaan dan juga kedua-dua pemegang saham utama.

2. Antara prinsip utama CCF adalah setiap syarikat penerbangan yang terlibat akan mendapat faedah daripada perjanjian ini dan tiada pihak akan berada dalam kedudukan yang merugikan berbanding keadaan sebelumnya. Sekiranya sebelum menyertai bidang kolaborasi tertentu ada pihak yang mendapati ia merugikan, kolaborasi dalam bidang tersebut tidak akan diteruskan. Selain itu, setiap bidang kolaborasi adalah tertakluk pada kajian anti-persaingan sebelum ia diteruskan.

3. Langkah-langkah sinergi perniagaan (business synergy) yang telah diambil untuk memastikan kos operasi syarikat diminimumkan adalah melalui perolehan bersama atau dengan izin, *joint procurement,* perkongsian peralatan dan perkhidmatan serta penyatuan aktiviti utama yang boleh membawa kepada kecekapan yang lebih tinggi. Melalui langkah-langkah ini, MAS dijangka mencatatkan penjimatan kos operasi tahunan sebanyak RM100 juta.

4. Pertukaran saham antara Khazanah Nasional Bhd (Khazanah), pemegang saham utama MAS, dan Tune Air Sdn Bhd (Tune Air), pemegang saham utama AirAsia pula adalah bagi memastikan kedua-dua pihak lebih komited terhadap pelaksanaan strategi di bawah CCF. Kerjasama MAS dan AirAsia dijangka dapat memperbaiki kedudukan kewangan MAS, di samping memastikan operasi kedua-dua syarikat, terutamanya MAS dilaksanakan secara efisien dan kos efektif, di mana kesannya turut dinikmati oleh penumpang melalui kadar tambang yang lebih kompetitif.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA Y.B. DATUK SERI HAJI ABDUL GHAPUR BIN SALLEH

(KALABAKAN)

PERTANYAAN : BERTULIS

SOALAN 7

**Y.B. DATUK SERI HAJI ABDUL GHAPUR BIN SALLEH [KALABAKAN]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Sejauh manakah sistem penyampaian bantuan BR1M berjaya dilaksanakan tanpa mengakibatkan suasana *"backfire"* kepada hasrat murni Kerajaan.

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dilaksanakan buat julung kalinya atas usaha Kerajaan yang bertujuan untuk meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah. Bantuan ini diberi secara *one-off* kepada isirumah berpendapatan RMS,000 dan ke bawah. Sehingga kini, pelaksanaan program BR1M berjalan lancar dan usaha murni Kerajaan ini

Tuan Yang di-Pettua,

tel ah mendapat sambutan baik daripada rakyat. Bantuan tunai RM500 bagi setiap isirumah yang layak ini telah dapat membantu meringankan beban belanjja harian mereka. Dallam masa yang sama, pemberian bantuan ini juga dapat merancakkan aktiviti ekonomi domestik.

2. Terdapat tiga peringkat dalam pelaksanaan BR1M iaitu peringkat pengedaran borang BR1M dan pendaftaran; proses semakan serta validasi; dan peringkat pengagihan BR1M. Pengedaran borang serta pendaftaran BR1M telah bermula 10 Disember 2011 sehingga 10 Februari 2012. Pengedaran dan pendaftaran BR1M telah diadakan di lokasi terpilih bagi memudahkan rakyat mendapatkan borang dan mem buat pendaftaran.

3. Kesemua maklumat dalam borang BR1M telah didaftarkan ke dalam sistem BR1M yang berpengkalan di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi menjalani proses semakan dan validasi. Proses validasi dilaksanakan secara menyeluruh dengan semakan bersama data-data dari pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara(JPN), LHDN, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Unit pendaftaran BR1M yang telah diterima adalah sebanyak 4.81 juta permohonan. Penerima yang berjaya adalah seramai 4.2 juta atau hampir 87% daripada keseluruhan permohonan. Jumlah ini adalah tersnasuk kelulusan rayuan. Manakala permohonan yang tidak berjaya adalah

seramai 610 ribu atau 13% daripada keseluruhan pemohonan.

5. Antara alasan bagi permohonan yang tidak berjaya adalah permohonan yang bertindih (over-lapping) atau telah wujud (duplication); maklumat pemohon, pasangan dan tanggungan tidak lengkap; pendapatan isirumah melebihi RMS,000; dan pemohon atau pasangan adalah termasuk dalam kategori pembayar cukai pendapatan.

6. Di samping itu, Kerajaan juga bersetuju untuk melanjutkan tempoh rayuan BR1M sehingga 30 April 2012 dan menetapkan tarikh sahlaku baucar BR1M adalah sehingga 15 Mei 2012.

7. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian BR1M diberikan kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahu pun latar belakang politik. Tidak wujud soal pilih kasih dalam pengagihan BR1M. Dari segi jumlah kelulusan pengagihan mengikut pecahan negeri; Selangor merupakan negeri penerima tertinggi BR1M iaitu hampir 13% daripada keseluruhan jumlah penerima diseluruh negara. Walau bagaimanapun,

dari segi peratusan isi rumah negara, Kelantan merupakan negeri penerima BR1M terbamyak iaitu 92% daripada keselumhan isirumah di negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Sehingga 15 April 2012, secara keseluruhannya, program BR1M melibatkan peruntukan sebanyak RM2.1 bilion dan memanfaatkan 4.2 juta isirumah atau 64% daripada jumlah keseiuruhan isirumah negara. Peruntukan ini menggunakan perbelanjaan mengurus B11 Perkhidmatan Am Perbendaharaan, butiran 020500 yang telah diluluskan di Dewan yang mulia ini. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan adalah ditampung melalui kutipan hasil dan bukanlah daripada sumber pinjaman yang diwar- warkan oleh sesetengah pihak. Kejayaan program BR1M ini adalah hasil kekukuhan ekonomi negara dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada rakyat.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH
[KALABAKAN]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERi PELAJARAN MALAYSIA

**RT 3**

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH [ KALABAKAN ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah benar bantuan sebanyak RM100.00 untuk pelajar sekolah tidak termasuk murid-murid sekolah Agama Rakyat. Jika benar, mengapa.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia menyangkal sama sekali dakwaan yang menyatakan murid-murid Sekolah Agama Rakyat (SAR) tidak diberikan Bantuan Khas Awal Persekolahan RM100. Untuk makluman, Bantuan Khas Awal Persekolahan RM100 Tahun 2012 diberikan kepada semua murid Tahun 1 hingga Tingkatan 5 di Sekolah Kerajaan, Sekolah Bantuan Kerajaan, Sekolah Agama Negeri (SAN), Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Swasta. Sehingga 29 Febuari 2012 sebanyak RM574,173,900.00 telah disalurkan kepada seramai 5,741,739 murid dan pecahannya adalah seperti berikut:

| BIL | JENIS SEKOLAH | BIL, SEKOLAH | ENROLMEN MU RID | JUMLAH BAYARAN (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan | 9,977 | 5,481,938 | 548,193,800.00 |
| 2 | Sekolah SAR dan SAN | 720 | 169,293 | 16,929,300.00 |
| 3 | Sekolah Swasta | 186 | 90,508 | 9,050,800.00 |
| JUMLAH | | 10,883 | 5,741,739 | 574,173,900.00 |

NO SOALAN :9

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATUK SERI HAJI ABDUL GHAPUR BIN SALLEH
(KALABAKAN)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK SERI HAJI ABDUL GHAPUR BIN SALLEH [ KALABAKAN ] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan negeri boleh meminjam wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk projek perumahan kos rendah di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta KWSP 1991, KWSP dibenarkan untuk memberi pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan atau Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri perlu mendapat kelulusan Kerajaan Persekutuan terlebih dahulu.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, objektif pelaburan KWSP ialah untuk memberikan nilai tambah kepada setiap simpanan ahli melalui kadar dividen tahunan. Simpanan KWSP bukan sahaja sentiasa selamat malah menjamin pulangan positif yang konsisten dan stabil untuk jangka masa panjang. Oleh yang demikian, setiap cadangan pelaburan yang diterima oleh KWSP dipertimbangkan secara objektif dan profesional dengan beberapa kriteria tertentu dalam memastikan pelaburan KWSP adalah terjamin dan membawa keuntungan. Antara kriteria-kriteria yang diambil kira adalah seperti

**berikut:**

(i) Risiko pelaburan yang ada ke atas sesuatu projek dapat dimitigasi dengan adanya jaminan, sekuriti dan sebagainya dengan tujuan KWSP tidak mengambil risiko pelaburan yang berlebihan yang boleh memberi impak negatif kepada simpanan ahli dalam jangka masa panjang;

(ii) Proses dokumentasi perundangan yang ketat dan tidak boleh dipertikaikan dengan mewujudkan beberapa waad yang mana kelulusan daripada KWSP adalah perlu sebelum sebarang tindakan boleh diambil yang boleh menjejaskan obligasi
pembayaran balik pinjaman KWSP; dan

(iii) Pemantauan dan pengawasan yang berterusan ke atas prestasi sesuatu projek dan akan melaporkan kepada Panel Pelaburan KWSP dari semasa ke semasa.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH [KALABAKAN]

SOALAN 10

**Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan mengapakah penggunaan cermin gelap pada kenderaan masih berleluasa di negeri Sabah.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui agensi penguatkuasa seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sentiasa menjalankan aktiviti penguatkuasaan terhadap

penggunaan cermin gelap selaras dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis-Jenis Kaca Tertentu) 1991. Berdasarkan rekod JPJ, sebanyak 481 kes telah dikesan dan diambil tindakan di negeri Sabah bagi tempoh 2009 sehingga 2011.

**'SOALAN NO: 11**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS
DARI PADA: Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL

SOALAN:

**Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran** ] minta **MENTERI SUMBER MANUSiA** menyatakan

(a) bilangan penganggur sejak tahun 2008 hingga 2011; dan

(b) jumlah penganggur mengikut kategori pendidikan antara tahun 2008 hingga 2011.

PR-1251-T47517

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

**1.** Mengikut sumber Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat sebanyak 368,500 penganggur di Malaysia pada tahun 2008. Angka ini mencatatkan peningkatan bagi tahun 2009 iaitu sebanyak 418,000 orang.

/Bagi tahun 2010 dan 2011 pula, bilangan pengangguran telah berkurangan masing-masing kepada 387,900 orang dan 383,600

I

orang. Jadual 1 dibawah menunjukkan statistik pengangguran di Malaysia bagi tahun 2008 hingga 2011.

Jadual 1 : Bilangan penganggurdi Malaysia, 2008-2011

| Tahun | Bilangan | | |
|---|---|---|---|
| | Tenaga buruh | Penganggur | Kadar pengangguran (%) |
| | 11,028,100 | 368,500 | 3.3 |
| 2069 | 11,315,300 | 418,000 | 3.7 |
| 2010 | 11,517,200 | 387,900 | 3.4 |
| Q4/2011 | 12,593,500 | 383,600 | 3.0 |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Tuan Yang di-Pertua,

2. Mengikut sumber Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan penganggur mengikut kategori pendidikan di Malaysia adalah seperti Jadual 2 dibawah:

Jadual 2 : Bilangan penganggur mengikut kategori pendidikan di Malaysia, 2008-2010

| Pencapaian Pendidikan | Bilangan Penganggur | | |
|---|---|---|---|
| | 2008 | 2009 | 2010 |
| Tiada Pendidikan Rasmi | 14,300 | 12,900 | 14,700 |
| Rendah | 38,300 | 48,300 | 38,800 |
| Menengah | 224,300 | 253,600 | 233,100 |
| Tertiari | 91,600 | 103,200 | 101,300 |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

*m(12 Mac-12 ApriC 2012)/fias...29.2.12/jusCie[e] T47517*

NO SOALAN :12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATUK JUSLIE AJIROL
(LIBARAN)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK JUSLIE AJIROL [ LIBARAN ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mempunyai pendedahan kepada aset pelaburan luar negara dalam instrumen-instrumen seperti ekuiti, bon, ekuiti persendirian dan hartanah untuk makluman ahli-ahlinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, KWSP mempunyai pendedahan kepada aset pelaburan luar negara dalam instrumen-instrumen seperti ekuiti, bon, ekuiti persendirian (termasuk dana pelaburan) dan hartanah. Setakat 31 Disember 2011, sebanyak USD 16,999 juta dilaburkan dalam instrumen-instrumen seperti berikut:

Jadual 1: Jumlah Peiaburan Luar Negara KWSP Setakat 31 Disember 2011

| | Tahun Dimulakan | Jumlah Peiaburan Terkumpul (Kos) | |
|---|---|---|---|
| | *(Inception)* | (RM) Bilion | (%) daripada Jumlah Aset |
| Ekuiti Luar Negara | 2006 | 46.20 | 10.43 |
| Bon Luar Negara | 2010 | 5.52 | 1.25 |
| Hartanah Luar Negara | 2010 | 5.32 | 1.20 |
| Ekuiti Persendirian Luar Negara | 1998 | 2.15 | 0.49 |
| **Jumlah** | | 59.18 | **13.37** |

Sejak dimulakan *(inception),* jumlah peiaburan luar negara KWSP telah berkembang dan sehingga kini telah mewakili lebih kurang 13 peratus daripada aset keseluruhan KWSP.

SOALAN NO: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARI PADA: Y.B. DATUKJUSLIE BIN AJIROL

SOALAN:

Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan setakat mana prosiding pengambilan pekerja asing menerusi Job Clearance System sebagai langkah mengatasi kebanjiran pekerja asing di negara ini.

PR-1251-T47521

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Y.B Libaran, setiap majikan yang hendak mengambil pekerja asing adalah diwajibkan untuk menawarkan kekosongan jawatan di dalam Portal JobsMalaysia. Sekiranya majikan gagai menggaji pekerja tempatan, surat sokongan akan dikeluarkan kepada majikan melalui Sijil Perakuan Pengesahan

l

Majikan Menggunakan Perkhidmatan Sistem JobsMalaysia (Sijil JobsMalaysia).

2. Ini bertujuan memastikan keutamaan untuk mengisi kekosongan jawatan diberikan kepada rakyat tempatan. Pendekatan ini adalah perlu bagi memastikan tiada penafian terhadap hak rakyat tempatan bagi mendapatkan peluang pekerjaan yang ditawarkan.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Statistik permohonan Pekerja Asing bagi tahun 2011 adalah seperti di Lampiran A. Statistik ini menunjukkan sebanyak 15,287 permohonan telah diterima dan daripada jumlah ini sebanyak 12,518 permohonan telah disokong dan dikeluarkan perakuan Sijil JobsMalaysia dan baki 2,675 permohonan telah disokong.

4. Justeru itu, Sijil JobsMalaysia adalah perlu sebagai prasyarat pengambilan pekerja asing yang akan dapat memastikan peluang pekerjaan yang ditawarkan tidak diberikan sepenuhnya kepada pekerja asing.

STATISTIK PERMOHONAN PEKERJA ASING BAGI TAHUN 2011

LAMPIRAN A

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | ^ , ' | si | SSHSHI | iSS | “ggsm sk' | mm. | 184634 |
| | PERKILANGAN | 6499 | 4949 | 1556 | 404189 i | 219555 | |
| 2 | ' ' PEMBiNAAN | 1822 | 1465 | 357 | 183386 | 141645 | 41801 |
| 3 | PERKHIDMATAN | 2603 | 2168 | 335 | 72342 | 37851 | 34491 |
| 4 | PERLADANGAN | 1680 | 1481 | 199 | 102668 | 80978 | 21690 |
| 5 | PERTANIAN | 2679 | 2455 | 224 | 58155 | 40195 | 17954 |
| 6 | LAIN-LAIN | 4 | 0 | 4 | 130 | 0 | 130 |
| £~ | u:4@5!^iErr.*.r- | ;«w | z.:«5 | P^2675«\|f | | | rniMfjsi/ j |

Sumber: Bahagian Pekerja Asing, JTKSM

*<m(12 Mac-12 jlprit 2012)/Has...29.2.12/JusCieT47S21*

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL (LIBARAN)**

**TARIKH**

**SOALAN : 14**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan pendidikan yang telah diagihkan kepada pelajar negeri Sabah untuk tujuan pembiayaan pendidikan MARA bagi tahun 2008, 2009, 2010 dan 2011.

**Jawapan**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 3,266 orang pelajar anak Sabah telah diberi pembiayaan pendidikan dari tahun 2008 sehingga 2011. Pembiayaan pendidikan adalah dari peringkat diploma sehingga ke PhD di dalam dan luar negara. Bidang pengajian yang ditaja juga meliputi bidang kejuruteraan sehingga senibina.

Butir-butir pembiayaan adalah seperti berikut

**PELAJAR ANAK NEGERI SABAH MULA TAJAAN 2008 SEHINGGA FEB 2012 (MENGIKUT PERINGKAT PENGAJIAN)**

| BIDANG PENGAJIAN | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | JUMLAH PELAJAR |
|---|---|---|---|---|---|
| KEJURUTERAAN | 263 | 189 | 182 | 187 | 821 |
| MATEMATIK, PERANGKAAN DAN SAINS KOMPUTER | 125 | 97 | 36 | 34 | 292 |
| PENDIDIKAN | 29 | 3 | | 6 | 38 |
| PENGURUSAN, PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG | 508 | 253 | 152 | 147 | 1,060 |
| PERAKAUNAN | 139 | 105 | 59 | 75 | 379 |
| SAINS DAN SAINS PERTANIAN | 170 | 78 | 45 | 47 | 340 |
| SAINS PERUBATAN | 65 | 51 | 30 | 43 | 190 |
| SASTERA DAN KEMANUSIAAN | 24 | 12 | 15 | 12 | 63 |
| SENIBINA DAN PERANCANGAN | 27 | 20 | 23 | 13 | 83 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 1,350 | 808 | lilt | 564 | 3,266 |

**PELAJAR ANAK NEGERI SABAH MULA TAJAAN 2008 SEHINGGA FEB 2012 (MENGIKUT PERINGKAT PENGAJIAN)**

| BIDANG PENGAJIAN | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | JUMLAH PELAJAR |
|---|---|---|---|---|---|
| DALAM NEGARA | 1,285 | 732 | 500 | 529 | 3,047 |
| KEJURUTERAAN | 259 | 169 | 169 | 179 | 776 |
| MATEMATIK, PERANGKAAN DAN SAINS KOMPUTER | 124 | 93 | 36 | 34 | 287 |
| PENDIDIKAN | 28 | 2 | | 4 | 34 |
| PENGURUSAN, PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG | 506 | 251 | 148 | 143 | 1,048 |
| PERAKAUNAN | 138 | 105 | 59 | 75 | 378 |
| SAINS DAN SAINS PERTANIAN | 166 | 74 | 44 | 46 | 330 |
| SAINS PERUBATAN | 15 | 8 | 7 | 23 | 53 |
| SASTERA DAN KEMANUSIAAN | 23 | 12 | 15 | 12 | 62 |
| SENIBINA DAN PERANCANGAN | 26 | 18 | 22 | 13 | 79 |
| LUAR NEGARA | 65 | 76 | 42 | 35 | 219 |
| KEJURUTERAAN | 4 | 20 | 13 | 8 | 45 |
| MATEMATIK, PERANGKAAN DAN SAINS KOMPUTER | 1 | 4 | | | 5 |
| PENDIDIKAN | 1 | 1 | | 2 | 4 |
| PENGURUSAN, PENTADBIRAN DAN UNDANG- UNDANG | 2 | 2 | 4 | 4 | 12 |
| PERAKAUNAN | 1 | | | | 1 |
| SAINS DAN SAINS PERTANIAN | 4 | 4 | 1 | 1 | 10 |
| SAINS PERUBATAN | 50 | 43 | 23 | 20 | 137. |
| SASTERA DAN KEMANUSIAAN | 1 | | | | 1 |
| SENIBINA DAN PERANCANGAN | 1 | 2 | 1 | | 4 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 1,350 | 808 | 542 | 564 | 3,266 |

**PELAJAR ANAK NEGERI SABAH MULA TAJAAN 2008 SEHINGGA FEB 2012 (MENGIKUT PERINGKAT PENGAJIAN)**

| PERINGKAT PENGAJIAN | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | JUMLAH PELAJAR |
|---|---|---|---|---|---|
| DIPLOMA | 1,008 | 573 | 365 | 355 | 2,301 |
| IJAZAH | 298 | 223 | 171 | 192 | 885 |
| PhD | 2 | | | | 2 |
| PROFESSIONAL | 14 | 4 | 3 | 10 | 32 |
| SARJANA | 28 | 8 | 3 | 7 | 46 |
| Grand Total | 1,350 | Slit | S:54i: | | 3,266 |

PELAJAR ANAK NEGERI SABAH MULA TAJAAN 2008 SEHINGGA FEB 2012 (MENGIKUT PERINGKAT PENGAJIAN)

| PERINGKAT PENGAJIAN | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | JUMLAH PELAJAR |
|---|---|---|---|---|---|
| DALAM NEGARA | 1,285 | 732 | 500 | 529 | 3,047 |
| DIPLOMA | 1,008 | 573 | 365 | 355 | 2,301 |
| IJAZAH | 237 | 149 | 131 | 160 | 677 |
| PhD | 2 | | | | 2 |
| PROFESSIONAL | 13 | 4 | 3 | 10 | 31 |
| SARJANA | 25 | 6 | 1 | 4 | 36 |
| LUAR NEGARA | 65 | 76 | 42 | 35 | 219 |
| IJAZAH | 61 | 74 | 40 | 32 | 208 |
| PROFESSIONAL | 1 | | | | 1 |
| SARJANA | 3 | 2 | 2 | 3 | 10 |
| Grand Total | 1,350 | 808 | 542 | 564 | 3,266 |

NO. SOALAN : 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[ LIBARAN ]

RUJUKAN 4567

SOALAN :

**Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan nisbah polis kepada penduduk di setiap bahagian Sabah dan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan kecekapan dan prestasi, terutamanya dalam mengurangkan jenayah di Sabah.

JAWAPAN :

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Libaran yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nisbah polis kepada penduduk bagi setiap bahagian di Sabah adalah seperti berikut:

| Bil | Daerah Polis | Jumlah Angota Polis | Jumlah Penduduk | Nisbah Polis kepada penduduk |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kota Kinabalu | 813 | 436,100 | 1:536 |
| 2 | Tawau | 507 | 402,400 | 1:793 |
| 3 | Sandakan | 430 | 453,500 | 1:1054 |
| 4 | Penampang | 241 | 159,600 | 1:1042 |
| 5 | Lahad Datu | 258 | 213,100 | 1:825 |
| 6 | T uaran | 156 | 97,800 | 1:626 |
| 7 | Kudat | 148 | 85,000 | 1:574 |
| 8 | Kota Marudu Pitas | 146 | 72,900<br>41,300 | 1:782 |
| 9 | Kota Belud | 143 | 89,200 | 1: 623 |
| 10 | Ranau | 132 | 88,800 | 1:672 |
| 11 | Beluran | 126 | 105,400 | 1:836 |
| 12 | Kinabatangan<br>Tongod | 111 | 165,600<br>32,000 | 1:1780 |
| 13 | Kunak | 118 | 72,000 | 1:610 |
| 14 | Semporna | 192 | 140,400 | 1:731 |
| 15 | Papar | 144 | 111,400 | 1:773 |
| 16 | Keningau<br>Nabawan<br>Tambunan | 254 | 195,700<br>30,700<br>35,000 | 1:1029 |
| 17 | Beaufort Kuala Penyu | 185 | 75,900<br>20,000 | 1:518 |
| 18 | Tenom | 121 | 54,400 | 1:449 |
| 19 | Sipitang | 108 | 35,500 | 1:328 |
| 20 | W.P Labuan | 281 | 95,500 | 1:339 |
| | Jumlah | 4,614 | 3,214,000* | 1:696 |

***Berdasarkan Bancian penduduk 2010***

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak PDRM Kontinjen Sabah bagi mengurangkan kadar jenayah di negeri tersebut adalah seperti berikut:

1. Melaksanakan *‘Community Policing’]*

2. Melaksanakan *‘High Profile Policing*' iaitu melibatkan Pegawai Kanan Polis peringkat Kontinjen dan Daerah;

3. Mengadakan sesi bertemu masyarakat menerusi program “PDRM bersama pelanggan”;

4. Mengadakan Pameran Pencegahan Jenayah dan Dadah di lokasi yang

sesuai dan sesi ceramah pencegahan jenayah dan dadah;

5. Mengadakan lawatan ke sekolah-sekolah bagi membolehkan pegawai dan anggota polis berhubung rapat dengan guru-guru;

6. Perjumpaan PDRM dengan masyarakat di kawasan *hotspot* dan penyampaian tip-tip dan risalah pencegahan jenayah melalui program *"Feet on Street*';

7. Lawatan sektor oleh anggota Balai Polis;

8. Kempen kesedaran terhadap jenayah kepada masyarakat melalui program *"Crime Awareness Day"* diperingkat Kontinjen dan Daerah;

9. Menggalakan penyertaan masyarakat sebagai Rakan COP;

10. Melaksanakan Skim Rondaan Bersama (SRS) di mana pihak polis dan penduduk membuat rondaan di sekitar taman perumahan serta turut melibatkan anggota RELA dan JPAM;

11. Pelancaran dan perlaksanaan Ops Payung;

12. Perlancaran *‘Crime Awareness Team’* melibatkan belia;

13. Program pelancaran Ops Utama Perdana (NKRA) *"Feet On Street”* PDRM Kontinjen Sabah di Dataran Deasoka pada 13 Oktober 2011; dan

14. Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman Pemantapan Interaksi di antara Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri Sabah dengan PDRM Negeri Sabah.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|---|---|
| PERTANYAAN | **BUKAN LISAN** |
| DARI PADA | **DATO’ DR. HAJI MOHD HAY ATI BIN OTHMAN** |
| SOALAN | |

Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah syarikat yang bakal menjadi pemegang saham pemula di dalam penyenaraian FELDA Global Ventures nanti dan berapakah nilai asetnya.

| | |
|---|---|
| JAWAPAN | **DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**<br>**TIMBALAN MENTERI DI JPM** |

Tuan Yang di-Pertua,

Struktur penyenaraian FGVH masih belum dimuktamadkan. Struktur pemilikan saham FGVH hanya akan dapat didedahkan selepas mendapat kelulusan dari pihak-pihak berkuasa yang terlibat.

NO. SOALAN : 17

oooooooooooooooooo

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

DARIPADA **DATO' DR. HAJI MOHD HAY ATI BIN OTHMAN**

PERTANYAAN **BUKAN LISAN**

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan:

a) Berapakah anak-anak syarikat di bawah FELDA dan;

b) Senaraikan siapakah Pengerusi serta senarai Lembaga Pengarahnya bagi setiap anak syarikat tersebut dan berapakah bayaran imbuhan kepada ALP setiap tahun

JAWAPAN **DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**

**TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

a) Terdapat lebih kurang 90 syarikat aktif di bawah Kumpulan FELDA yang terdiri daripada anak-anak syarikat, syarikat usaha sama dan syarikat bersekutu.

b) Ahli Lembaga Pengarah anak-anak syarikat Kumpulan FELDA adalah terdiri daripada wakil-wakil peneroka, pihak pengurusan, wakil pihak berkepentingan seperti pemegang saham lain serta individu yang mempunyai kepakaran di dalam industri. Bayaran yuran pengarah adalah lebih rendah berbanding dengan yang lazimnya dibayar oleh syarikat-syarikat lain di dalam industri.

oooooooooooooooooo

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **BUKAN LISAN**

DARIPADA **DATO' DR. HAJI MOHD HAY ATI BIN OTHMAN**

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI, menyatakan berapakah anggaran pendapatan FELDA apabila FELDA Global Venture mengambil alih ladang-ladang FELDA Plantation melalui pajakan 99 tahun berbanding pendapatan kalau tidak di ambil alih.

JAWAPAN **DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**
**TIMBALAN MENTERI DI JPM**

**NO. SOALAN: 19**

Tuan Yang di-Pertua,

Program perbelanjaan operasi FELDA dan kebajikan peneroka tidak akan terjejas selepas penyenaraian. Manfaat seperti peruntukan infrastruktur rancangan, bonus Hari Raya, insentif produktiviti dan sebagainya akan terus dikekalkan. FELDA merupakan salah sebuah badan kerajaan, maka ia adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memastikan FELDA mempunyai peruntukan bajet yang cukup.

**oooooooooooooooooo**

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA**
**PARL1MEN KEDUA BELAS (2012)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA YB DATO' DR. HAJI MOHD. HAYATI BIN OTHMAN (PENDANG)

SOALAN

Dato' Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) minta PERDANA MENTERI menyatakan dari manakah sumber kewangan Yayasan Taqwa diperolehi dan berapakah jumlah peruntukan yang telah digunakan di luar Wilayah Persekutuan dan senaraikan tempat di mana ianya diberikan.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan pada tahun 2011 telah menerima

**NO. SOALAN: 20**

peruntukan seperti jadual di bawah

| Perkara | RM |
|---|---|
| Baki peruntukan dibawa dari tahun 2010 | 5,425,757.00 |
| Peruntukan dari MAIWP | 4,002,000.00 |
| Lain-lain pendapatan | 223,329.00 |
| JUMLAH | **9,651,086.00** |

l

Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan telah memperuntukan sebanyak sebanyak RM5,692,751.60 untuk digunakan di luar Wilayah Persekutuan dan senarai tempat seperti jadual di bawah

| No. | Tempat/Negeri | Jumlah **(RM)** |
|---|---|---|
| 1 | Terengganu | 301,314.48 |
| 2 | Perak | 273,177.60 |
| 3 | Johor | 347,892.96 |
| 4 | Selangor | 778,527.99 |
| 5 | Negeri Sembilan | 176,337.28 |
| 6 | Pahang | 249,257.64 |
| 7 | Kelantan | 326,323.06 |
| 8 | Perlis | 141,656.00 |
| 9 | Pulau Pinang | 250,156.00 |
| 10. | Kedah | 536,276.56 |
| 11 | Melaka | 301,721.20 |
| 12 | Sarawak | 119,263.80 |
| 13 | Sabah | 87,112.00 |
| 14 | Kebangsaan | 1,495,687.03 |
| 15 | Luar Negara | 308,048.00 |
| | **JUMLAH** | **5,692,751.60** |

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH

Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

NO. SOALAN: 20

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN [PENDANG]

SOALAN

Dato[1] Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilakah Hospital Pendang akan mula dibina seperti diumumkan oleh bekas PM pada tahun 2006 dan Menteri pada tahun lepas (2011) serta anggaran kos.

Tuan Yang di-Pertua

Hospital Pendang telah dicadangkan untuk dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) tetapi ditangguhkan pelaksanaannya menjelang Kajian Separuh Penggal Pertama dalam RMKe-9 akibat kekangan kedudukan kewangan Kerajaan pada ketika itu. Tapak cadangan bagi pembinaan Hospital Pendang ini adalah berkeluasan 42 ekar dan proses pengambilalihan tanah ini telah bermula sejak RMKe-7 lagi. Cadangan pembinaan Hospital Pendang ini akan mengandungi 108 katil dengan skop-skop perkhidmatan yang terlibat adalah merangkumi

*Outpatient Care Services, In-Patient Care Services, Medical Support Services, Non Medical Support Sen/ices, Staff Facilities, Staff Quarters, Training And Education Facilities* dan *General Amenities.*

Berdasarkan keperluan perkhidmatan dan kemudahan kesihatan yang semakin mendesak di daerah Pendang ini, pihak Kerajaan memutuskan terdapat keperluan bagi menyegerakan projek ini dan mencadangkan supaya projek ini dilaksanakan secara *Public-Private Partnership* (PPP) atau *Private Finance Initiatives* (PFI) melalui kaedah pembiayaan pihak swasta.

NO. SOALAN: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]

SOALAN : Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan dan nama program transformasi dan NKA yang sedang dilaksanakan. Apakah prestasinya.

JAWAPAN : (oleh YB Senator Tan Sr Dr Koh Tsu Koon)

Program Transformasi Kerajaan ataupun GTP, telah giat dilaksanakan sejak Januari tahun 2010 di bawah Gagasan 1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. lanya bertujuan untuk menjadikan penyampaian perkhidmatan awam lebih berkesan lagi melalui program-program konkrit untuk menghasilkan impak atau “outcome” yang besar dan bermakna kepada rakyat Malaysia, dalam bentuk tujuh (7) ‘National Key Result Areas’ atau NKRA iaitu NKRA Jenayah, NKRA Rasuah, NKRA Pendidikan, NKRA Pengangkutan Awam Bandar, NKRA Infrastruktur Asas Luar

Bandar, NRKA Pendapatan Isi Rumah Rendah dan NKRA Kos Sara Hidup.

Dalam tempoh satu tahun, GTP telah menunjukkan hasil yang jelas dan menggalakkan, seperti yang diterbitkan dalam Laporan Tahunan 2010 dan juga Laporan Tahunan 2011 yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini pada 2 April 2012 dengan angka-angka yang disahkan oleh Pricewaterhouse Coopers (PwC) dan 'International Review Panel' (IRP).

Pelaksanaan NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar bagi tahun 2010 dan 2011 telah menyentuh kehidupan 3.2 juta rakyat luar bandar. Bagi tahun 2011, pencapaian termasuk pembinaan jalan-jalan baru sebanyak 1013 km berbanding dengan sasaran 905.12 km, penyambungan bekalan air bersih kepada 73,227 isi rumah berbanding dengan sasaran 58,087 isi rumah dan penyampaian bekalan elektrik kepada 27,004 buah rumah berbanding dengan sasaran 26,882 buah rumah. Tambahan lagi, sebanyak 14,365 buah rumah kos rendah telah dibina atau dibaikpulih berbanding dengan sasaran 9,146 buah rumah.

Selain itu, bagi NKRA Isirumah Berpendapatan Isi Rumah Rendah, kita telah melihat sebanyak 63,147 isi rumah mengambil bahagian dalam Program 1Azam yang merangkumi Azam Tani, Azam Niaga, Azam Kerja dan Azam Khidmat, yang menambahkan pendapatan mereka melalui perniagaan dan pekerjaan supaya dapat keluar daripada perangkap golongan miskin. Di bawah NKRA Kos Sara Hidup, selain daripada pemberian pelbagai subsidi, di antara langkah-langkah Kerajaan ialah memberi bantuan tunai sebanyak RM500 secara one-off kepada anggaran 5.2 juta isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3000 sebulan.

Pada akhir tahun 2011, NKRA Jenayah telah melihat penurunan dalam Indeks Jenayah sebanyak 26% dan jenayah jalanan sebanyak hampir 40% daripada tahun

2009 sejak GTP dilancarkan. NKRA Pendidikan telah melihat hampir 77,225 kanak-kanak yang mendapat faedah dari penambahan 3,089 kelas pra-sekolah di seluruh negara. NKRA Pengangkutan Awam Bandar pula telah melihat peningkatan sebanyak 36% bagi penumpang kereta api dan LRT serta peningkatan sebanyak 22% bagi Bas Ekspres Transit (BET) dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Lembah Kelang.

Bagi NKRA Membanteras Rasuah, antara pencapaian yang telah dicatat adalah penubuhan 14 mahkamah khas rasuah yang telah beroperasi sejak bulan Februari tahun 2011, yang membolehkan 249 kes rasuah dapat diproses sepanjang tahun lalu. Portal MyProcurement juga telah memuatnaik sebanyak 5,157 kontrak tender terbuka secara atas talian. Lebih daripada 132,459 Integrity Pact telah ditandatangani oleh syarikat-syarikat yang terlibat dengan sebarang projek dan perolehan kerajaan. Antara inisiatif lain yang telah dilaksanakan ialah ***'Name and Shame Database'*** atau Pengkalan Data Pesalah Rasuah yang telah memuatnaik lebih daripada 700 maklumat pesalah rasuah.

Secara keseluruhan, GTP telah berjaya mencapai 131 peratus daripada sasaran yang ditetapkan untuk tahun 2011. Jumlah peruntukan bagi program GTP pada tahun 2011 merangkumi sebanyak RM 9.2 billion , di mana sebanyak 92 peratus telah digunakan untuk mencapai implementasi projek-projek di bawah NKRA seperti dihuraikan di atas.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GSAW
(KEPONG)

MO SOALAN :22

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jenis dan amaun hutang negara. Apakah langkah-langkah yang diambil.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2011, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM456.1 bilion atau 53.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah tersebut, sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan merupakan hutang dalam negeri yang berjumlah RM438.0 bilion atau 96.0 peratus daripada jumlah keseluruhan hutang, manakala baki RM18.1 bilion atau 4.0 peratus merupakan hutang luar negeri. Jumlah hutang luar negeri yang rendah adalah selaras dengan dasar Kerajaan yang mengutamakan pinjaman dalam negeri yang mempunyai kecairan yang tinggi, kos pinjaman yang lebih murah serta dapat meminimumkan risiko pertukaran mata wang asing.

2. Mengenai sumber hutang, pinjaman dalam negeri diperolehi melalui terbitan Bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK), Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM), pinjaman Kumpulan Pinjaman Perumahan dan terbitan Sukuk Simpanan Rakyat serta Sukuk IMalaysia. Pemegang instrumen berkenaan

terdiri daripada institusi kewangan, syarikat insurans dan institusi keselamatan sosial seperti KWSP dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

3. Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan pula diperoleh daripada sumber pasaran modal antarabangsa melalui terbitan sukuk global dan pengeluaran pinjaman projek dari institusi multilateral seperti Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan Bank Pembangunan Islam dan pinjaman bilateral dalam mata wang asing iaitu Dolar Amerika Syarikat, Yen, Dolar Euro, Dolar Kanada serta Dinar.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Antara langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan hutang Kerajaan Persekutuan ialah: (i) Memastikan jumlah hasil negara lebih daripada mencukupi bagi menampung perbelanjaan mengurus, dan pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Peningkatan hasil diperolehi melalui perkembangan aktiviti ekonomi serta peningkatan dalam pematuhan, penguatkuasaan dan pentadbiran cukai;

(ii) Mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mengelakkan pembaziran. Pinjaman ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan bagi projek berimpak tinggi yang akan memberi pulangan kepada negara dalam tempoh jangka masa panjang;

(iii) Memperbanyakkan program perkongsian awam-swasta (public-private partnership) terutamanya bagi projek-projek berimpak tinggi seperti projek jalur lebar berkelajuan tinggi, koridor pembangunan wilayah dan infrastruktur pembangunan awam bagi menambahbaik kedudukan fiskal tanpa menjejaskan matlamat pertumbuhan dan pembangunan yang menyeluruh;

(iv) Melaksanakan sistem pemantauan hutang yang komprehensif dengan pihak berkuasa memantau rapi paras dan struktur hutang serta obligasi melunaskan hutang secara keseluruhannya; dan (v) Meneruskan dasarsemasa Kerajaan dalam mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi, dengan mengambil kira mudah tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Kerajaan sentiasa mengamalkan pengurusan hutang yang berhemat bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan terkawal serta diuruskan dengan cekap dan berkesan. Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan akan terus dirancang, dipantau dan dikawai dengan baik dan bertanggungjawab. Kerajaan juga komited dengan konsolidasi fiskal bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat, yang seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

| | |
|---|---|
| Pertanyaan | PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN |
| Daripada | Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ] |
| Soalan | |

**Dr. Tan Seng Giaw [** No. 23 **Kepong** ] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan keadaan komoditi negara ini memandangkan situasi ekonomi dunia. Apakah strategi untuk memelihara komoditi Malaysia.

**JAWAPAN**

Industri komoditi merupakan salah satu penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi negara. Industri ini yang terdiri daripada sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada, tembakau dan kenaf telah memberi sumbangan yang besar kepada pendapatan eksport negara. Eksport komoditi dan produk berasaskan komoditi pada tahun 2011 mencatatkan sebanyak RM141.2 bilion iaitu 20.3% daripada keseluruhan pendapatan eksport negara berjumlah RM694.6 bilion. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 23.7% berbanding RM114.2 bilion pada tahun 2010.

Industri komoditi tidak terkecuali dalam menghadapi cabaran di era globalisasi ini, terutamanya cabaran di dalam liberalisasi perdagangan antarabangsa, persaingan guna tanah, peningkatan kos pengeluaran dan persaingan guna tenaga.

Menyedari akan cabaran tersebut dan kepentingan sektor perladangan dan komoditi kepada pertumbuhan ekonomi negara, Kerajaan telah menggubal satu dasar khusus iaitu Dasar Komoditi Negara (DKN) bagi memastikan pembangunan dan pemerkasaan industri ini mencapai sasaran yang ditetapkan. DKN merangkumi 7 teras utama iaitu:

i. Memperkasa industri komoditi dalam pembangunan ekonomi negara;
ii. Memacu pemodenan industri komoditi;
iii. Mempelbagai penghasilan produk bernilai tinggi;
iv. Menjana sumber pendapatan baru;
v. Meningkatkan daya saing dan memperluas pasaran;
vi. Memajukan pekebun kecil dan usahawan; dan
vii. Membangun dan memperkasa modal insan.

DKN menyediakan kerangka untuk memacu pertumbuhan industri komoditi untuk tempoh 2011 - 2020. Ia meliputi komoditi sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada, kenaf, tembakau dan sagu. Dasar ini dirangka dengan mengambilkira orientasinya yang berasaskan pasaran eksport, pengeluaran produk-produk bernilai tambah dan potensi penjanaan pendapatan ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Pelaksanaannya dijangka dapat meningkatkan pendapatan eksport negara daripada RM114.2 bilion pada tahun 2010 kepada RM242.6 bilion menjelang tahun 2020.

Selain itu, Kementerian juga akan memantau perkembangan pasaran dunia dari masa ke semasa dan mengambil langkah-langkah proaktif bagi memastikan pertumbuhan industri ini tidak terjejas dari perubahan

pasaran dan lain-lain langkah yang dikenakan oleh negara-negara pengimport utama. Ini akan terus memastikan daya saing industri komoditi negara dan pembangunannya akan memanfaatkan negara.

SOALAN NO: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]

SOALAN : 24

Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASi DAN KEBUDAYAAN menyatakan keadaan teknologi maklumat di negara ini. Apakah prestasi pelan untuk memajukan IT.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri merupakan sebuah badan penasihat tertinggi ICT kepada Kerajaan. Sekretariat NITC ialah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). NITC memainkan peranan penting di dalam menetapkan halatuju strategik ICT serta menyusun strategi, program dan inisiatif yang lebih bersepadu kearah memastikan Agenda

ICT Negara adaiah selaras dengan aspirasi Wawasan 2020.

Bagi memacu agenda IT negara, Mesyuarat Jemaah Menteripada 12 November 2010 telah bersetuju supaya MOSTI diberi mandat bagi menubuhkan Sekretariat NITC yang *dedicated* dengan 9 Kumpulan Pakar. Penubuhan Kumpulan Pakar ini adalah berdasarkan 9 teras strategik dan diterajui oleh Kementerian dan agensi yang dipertanggungjawab dan dianggotai oleh pakar-pakar daripada sektor awam, swasta dan komuniti yang memberi perhatian sepenuhnya terhadap semua isu dan cabaran yang dihadapi oleh industri ICT seperti berikut:

a) Sumber Pertumbuhan Baru, diketuai oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU)
b) E-Kedaulatan, diketuai oleh MajlisKeselamatan Negara (MKN)
c) Digital Social Inclusion, diketuai oleh Unit PerancangEkonomi (EPU)
d) Pembangunan Industri ICT, diketuai oleh Multimedia Develoment Corporation (MDeC)
e) Pembangunan Infrastruktur iCT, diketuai oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi danKebudayaan (KPKK)
f) Pembangunan PKS serta Penggunaan ICT, diketuai oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MIT!)
g) Pembangunan Inisiatif ICT Kerajaan, diketuai oleh Unit Permodenan Tadbiran dan Pengurusan Perancangan (MAMPU)
h) Pembangunan Modal Insan ICT, diketuai oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)
i) Pembangunan Teknologi dan Ekosistem Inovasi ICT, diketuai oleh Kementerian SainsTeknologi dan Inovasi (MOSTI).

Setiap Kementerian dan Agensi berkenaan yang mengetuai Kumpulan Pakarakan bertanggungjawab penuh membentuk Kumpulan Kerja

(*'Working Group*) dengan keahlian *multi-sectoral* terdiri daripada wakil-wakil Sektor Kerajaan, Swasta dan Masyarakat di bidang teras masing-masing. Setiap Kumpuian Pakar juga akan memberi cadangan, input dasar dan intervensi di bidang teras masing-masing, serta mencadangkan inisiatif baru yang strategik serta memantau pelaksanaan inisiatif yang telah diluluskan oleh NITC.

Di antara pencapaian kumpuian pakar NITC adalah seperti berikut:-

i. Bagi mempertahankan negara daripada pencerobohan ke atas infrastruktur maklumat kritikal, melaiui Kumpuian Pakar e-Kedauiatan atau *e-Sovereignty* yang diterajui Majlis Keseiamatan Negara, badan-badan penguatkuasa dan organisasi yang bertanggungjawab kepada *Critical National Information Infrastructure* (CNN) telah diminta mematuhi arahan Kerajaan supaya meiaksanakan keperluan standard *MS ISOI\EC27001*:2007 *Information Security Management System (ISMS)* di organisasi masing-masing sebelum Februari 2013. Keperluan ini juga didapati lebih mendesak apabila baru-baru ini ada golongan penggodam seperti *Anonymous* yang melakukan *hacking* ke atas 210 laman web negara.

ii. Di bawah inisiatif pembangunan infrastruktur ICT yang diterajui oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), Kadar penembusan Jalur Lebar Negara kini telah pun melebihi 60% dan pada masa yang sama, di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara - Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur (NKEA-CCI), KPKK telah mengenal pasti 10 Projek Permulaan (EPP) yang dijangka boleh menyumbang sebanyak RM16.6 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2020 serta mewujudkan sebanyak 25

ribu peluang pekerjaan.

iii. Kumpulan Pakar Pembangunan Industri yang diterajui oleh *Multimedia DevelopmentCorporation* (MDeC) teiah berjaya mengusahakan penubuhan Jawatankuasa Bersama MOSTI-MITI bagi menggalak dan membantu syarikat-syarikat untuk melabur di dalam sektor ICT di samping memudahkan pelaksanaan dan operasi projek-projek mereka secara bersama. Pada masa yang sama, bagi menggalakkan sumbangan sektor ICT kepada negara, MDeC telah membangunkan Rangka Kerja *Innovative Digital Economy* yang menjadi asas kepada Program Digital Malaysia yang sedang diusahakan oleh MDeC pada ketika ini.

iv. Bagi meningkatkan lagi pembangunan teknologi dan produk R&D ICT tempatan serta perluasan capaian kepada pasaran ICT tempatan dan luar negara, Kumpulan Pakar Pembangunan Teknologi dan Ekosistem Inovasi ICT yang diketuai oleh MOSTI telah berjaya membangunkan beberapa *Roadmap* Teknologi ICT dan mengenal pasti beberapa bidang keutamaan R&D ICT Negara. Antaranya ialah bidang *Wireless Sensor Networkyang* telah dikenalpasti oleh Kumpulan Pakar Sumber Pertumbuhan Baru sebagai bidang sumber pertumbuhan baru negara. Satu projek *Wireless Sensor Network* yang melibatkan KPKK dan MOSTI kini telahpun dijadikan sebagai salah satu EPP di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara - Elektronik dan Elektrikal (NKEA - E&E).

v. Untuk memastikan negara mempunyai tenaga kerja dan sumber manusia yang kompeten dan bersesuaian, Kumpulan Pakar

Pembangunan Modal Insan yang diterajui oleh Kementerian Pengajian Tinggi telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Pembangunan Mampan Modal insan ICT (Sustainable ICT Talent Development)" dalamMesyuaratJawatankuasaKabinet Pembangunan Modal Insan (JKPMI) pada 10 Februari 2012 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan PerdanaMenteri. Kertas tersebut merangkumi input berkaitan hasil kajian pemintaan dan penawaran kemahiran teknologi maklumat komunikasi *(Suppy and Demand for ICT Talent*) 2010 -2013.

**SOALAN NO: 25**

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. DR. TAN SENG GIAW

SOALAN:
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong** ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan setakat mana sistem gaji minimum dapat dikuatkuasakan. Apakah masalah dan usaha untuk mengatasinya.

PR-1251-T47780

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Buat masa ini sistem gaji minimum belum dikuatkuasakan lagi sehingga satu pengumuman rasmi mengenainya diumumkan oleh

YAB Perdana Menteri. Seterusnya gaji minimum akan dilaksanakan apabila perintah gaji minimum (minimum wage order) diwartakan Kerajaan.

2. Memandangkan ini adalah kali pertama gaji minimum dilaksanakan di peringkat nasional, majikan dalam sektor-sektor tertentu dijangka akan menghadapi masalah dari segi pematuhan

I

terhadap kadar gaji minimum yang dicadangkan. Sehubungan itu, beberapa mekanisme telah dirangka bagi menangani masalah ini seperti:

(a) memberi tempoh peralihan tertentu kepada majikan untuk mematuhi pelaksanaan gaji minimum

(b) sesi penerangan berkenaan pelaksanaan gaji minimum kepada pihak pekerja dan majikan di seluruh negera sebaik sahaja gaji minimum diumumkan YAB Perdana Menteri. Majlis penerangan adalah penting bagi menangani sebarang masalah yang mungkin timbul apabila gaji minimum dilaksanakan.

**SOALAN NO.:**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN :** | **BERTULIS** |
| **DARIPADA** | **YB. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI** |
| **KAWASAN** | **LEDANG** |

**SOALAN:**

**YB. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI (LEDANG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapa kebanyakan papan tanda JKR di Daerah Ledang uzur dan berlumut serta bila boleh dibaiki.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja penyelenggaraan perabot jalan, termasuk papan tanda jalan adalah merupakan antara skop penyelenggaraan rutin dalam kontrak konsesi penyelenggaraan Jalan Persekutuan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan.

Berdasarkan Perjanjian Konsesi, syarikat konsesi berkenaan bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan rutin, termasuk mencuci perabot jalan sebanyak 2 kali setahun. Pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi berkenaan perlu mematuhi piawaian prestasi yang telah dipersetujui oleh Kerajaan dan syarikat konsesi sebagaimana termaktub dalam Perjanjian Konsesi. Jika terdapat sebarang ketidakpatuhan, Jabatan Kerja Raya (JKR) akan

JAWAPAN:

mengeluarkan amaran dalam bentuk Laporan Ketidakpatuhan *(Non-Conformance Report)* dan kadar pemotongan harga akan dikenakan sewajarnya kepada syarikat konsesi yang berkenaan.

Bagi daerah Ledang, Kementerian Kerja Raya telah memperuntukkan sebanyak hampir RM100,000 pada tahun lalu (2011) untuk melaksanakan projek-projek keselamatan di Jalan Persekutuan. Ini termasuklah mengecat garisan jalan, menggantikan pengadang jalan dan jambatan dan menggantikan papan-papan tanda jalan. Manakala untuk tahun ini, sebanyak RM60,000 lagi akan disalurkan bagi melaksanakan program yang sama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARI PAD A : YB. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI**

**KAWASAN : LEDANG**

**SOALAN:**

**YB. IR. HA]I HAMIM BIN SAMURI (LEDANG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah JKR berpuas hati dengan mutu kerja Syarikat Selia Selenggara terutamanya di Ledang.

SOALAN NO.:

Untuk makluman AhlI Yang Berhormat, pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi penyelenggaraan Jalan Persekutuan bagi zon selatan, iaitu Selia Selenggara Selatan Sdn. Bhd. sememangnya perlu mematuhi piawaian prestasi yang ditetapkan oleh Kerajaan sebagaimana termaktub dalam Perjanjian Konsesi. Sehubungan itu, jika terdapat sebarang ketidakpatuhan kerja, JKR akan mengeluarkan amaran dalam bentuk Laporan Ketidakpatuhan atau NCR *(Non-Conformance Report)* di mana kadar pemotongan harga akan dikenakan sewajarnya kepada syarikat konsesi yang berkenaan. Untuk tempoh 3 tahun terakhir ini (2009 hingga 2011), sebanyak 817 NCR telah pun dikeluarkan kepada syarikat konsesi berkenaan melibatkan jumlah pemotongan bayaran kadar harga keseluruhan sebanyak RM 164,000.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN:

**PEMBERITAHUAN FERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB. IR. HA]I HAMIM BIN SAMURI**

**KAWASAN : LEDANG**

**SOALAN:**

**YB. IR. HA]I HAMIM BIN SAMURI (LEDANG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah JKR berpuas hati dengan mutu-mutu kerja Jalan Chohong / Tangkak (sebahagian pakej Jasin Tangkak) terutama pembinaan

'concrete structure' parit konkrit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saluran perparitan konkrit berkenaan ialah merujuk kepada Projek Menaiktaraf Jalan Tangkak - Jasin, Melaka (Pakej 1 : Tangkak ke Sempadan Negeri Melaka). Projek dengan harga kontrak sebanyak RM26.4 juta itu telah dilaksanakan mulai 15 Mac 2010 dan siap pada 26 November 2011. Pada masa kini projek tersebut masih dalam Tempoh Membaiki Kecacatan, iaitu hingga 25 November 2012. Sehubungan itu Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengarahkan kontraktor yang terlibat untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan, termasuk di saluran perparitan konkrit berkenaan. Berdasarkan perancangan, kerja-kerja membaiki kecacatan projek ini akan dimulakan selewat-lewatnya pada pertengahan tahun ini dan dijangka siap sebelum 25 November 2012.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

JAWAPAN

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI
[ LEDANG ]

**SOALAN**

**Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [ LEDANG** ] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapa mutu pembinaan Balai Bomba Bukit Gambir teruk, banyak retak, peralatan tidak berfungsi (seperti *automatic roller shutter etc)* dan lain-lain.
Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini telah diserahkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) pada 15 Disember2011

JAWAPAN

dan perakuan Siap Kerja (CPC) untuk projek ini telah dikeluarkan pada 30 Jun 2011. Tempoh tanggungan kecacatan (DLP) bermula dari tarikh 1 Julai 2011 hingga 30 Jun 2012.

Sebarang kerosakan kerosakan dan kecacatan bangunan balai ini masih boleh diperbaiki memandangkan tempoh tanggungan kecacatan masih berkuatkuasa.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2012

SOALAN NO: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM]

SOALAN

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:

(a) Apakah piawai yang diamalkan oleh Kementerian bagi mengawal produk-produk kosmetik di pasaran dan bagaimanakah Kementerian memberi pengiktirafan kepada doktor yang menjalankan pembedahan kosmetik; dan

(b) Bagaimanakah orang awam mengenal pasti kesahan doktor-doktor yang menawarkan perkhidmatan pembedahan kosmetik.

Tuan Yang di-Pertua

Di Malaysia, produk-produk kosmetik dikawal di bawah Akta Jualan Dadah 1952 [Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 (semakan 2009)] dan *Guidelines for Control of Cosmetic Products in Malaysia.* Garis panduan ini boleh dimuat turun dari laman sesawang www.bpfk.gov.my. Semua produk kosmetik perlu dinotifikasikan kepada Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum ia boleh dikilang, diimport, diedar atau dijual.

Bagi proses notifikasi kosmetik, pihak syarikat perlu mengemukakan maklumat lengkap berkenaan produk kosmetik kepada BPFK secara *online* melalui Sistem Quest3. Sistem ini telah dilengkapi dengan 'smart system' untuk menyaring secara automatik formulasi produk kosmetik semasa proses notifikasi bagi mengesan produk-produk yang mengandungi bahan terlarang atau bahan yang melebihi had dan syarat yang ditetapkan. Produk kosmetik juga perlu dikilangkan di premis yang mempunyai fasiliti sesuai bagi mengilangkan produk kosmetik serta perlu mematuhi kepada keperluan Amalan Pengilangan Baik (APB). BPFK akan menjalankan audit untuk memastikan pematuhan kepada piawaian APB yang telah ditetapkan.

BPFK, KKM bersama dengan Bahagian Penguat Kuasa Farmasi, KKM melalui Program Pengawasan Mutu Produk Kosmetik Bernotifikasi bertanggungjawab untuk memastikan produk kosmetik yang berada di pasaran adalah berkualiti dan selamat kepada pengguna. Program ini melibatkan pensampelan produk kosmetik dari pasaran yang akan diuji dan disemak label serta tuntutan produk. Produk kosmetik yang gagal ujian

kawalan kualiti akan dipanggil balik dari pasaran. Manakala, produk yang dikesan dicampur palsukan akan dibatalkan status notifikasinya.

Di samping itu, pemantauan kesan advers akibat penggunaan produk kosmetik dilakukan bagi memastikan tahap keselamatan produk ke atas pengguna. Selain itu, Malaysia merupakan ahli rangkaian perkongsian maklumat berkenaan keselamatan dan kualiti produk kosmetik antara negara-negara ASEAN melalui *ASEAN Post Marketing Alert System.* Ini adalah untuk memastikan maklumat terhadap isu-isu kualiti dan keselamatan terhadap produk kosmetik dapat dicapai secara menyeluruh dan tindakan regulatori yang pantas dapat diambil.

Maklumat mengenai produk yang telah dibatalkan notifikasi akan dimaklumkan kepada orang ramai melalui kenyataan akhbar dan juga dipaparkan di laman web Bahagian Perkhidmatan Farmasi www.pharmacy.gov.my dan BPFK www.bpfk.gov.my.

**Tuan Yang di-Pertua**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengawalselia kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta selaras dengan peruntukan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 *[Akta 586]* dan peraturan-peraturannya mulai 1 Mei 2006, manakala dari segi profesional kedoktoran pula dikawal selia oleh Majlis Perubatan Malaysia (MPM) selaras dengan Akta Perubatan 1971 *[Akta* 50],

Pada dasarnya, pembedahan kosmetik boleh dikategorikan sebagai pembedahan plastik yang dilakukan atas sebab kecantikan. Pembedahan

plastik juga boleh dilaksanakan atas alasan perubatan atau kesihatan yang boleh disebabkan oleh kebakaran, kecacatan semasa lahir, obesiti yang serius dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua**

Pada dasarnya, semua pengamal perubatan wajib berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM). Walau bagaimanapun, bagi membolehkan seorang pengamal perubatan menjalankan pembedahan plastik, seseorang pengamal perubatan tersebut memerlukan kelayakan, latihan dan pengalaman lanjutan dalam bidang pembedahan plastik. Bidang ini merupakan satu cabang kepakaran yang spesifik.

Dari segi pengiktirafan, pada masa ini, KKM mengiktiraf pendaftaran pakar di bawah *National Specialist Registry* (NSR) yang dilaksanakan secara administratif oleh Academy of Medicine, Malaysia. Keperluan ini akan dikuatkuasakan sepenuhnya sebaik sahaja pindaan Akta Perubatan 1971 berkaitan dengan keperluan pakar berdaftar dengan MPM diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua**

Kementerian amat menggalakkan orang awam supaya lebih berhati-hati sebelum menerima perkhidmatan kecantikan yang ditawarkan agar tidak tertipu. Orang awam boleh mengenal pasti kesahan doktor-doktor yang

menawarkan perkhidmatan pembedahan kosmetik dengan beberapa cara seperti berikut:

(i) Memastikan premis yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pembedahan kosmetik tersebut adalah berlesen dengan KKM. Lesen tersebut sepatutnya dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di premis tersebut;

(ii) Sebelum bersetuju dengan apa-apa pembedahan kosmetik, perlu pastikan siapakah yang akan menjalankan pembedahan tersebut. Orang ramai perlu jelas mengenai hak mereka sebagai pesakit atau pengguna termasuk berkaitan dengan prosedur yang bakal dilaksanakan, kos yang perlu dibayar, kesan sampingan yang mungkin boleh berlaku, *consent* terhadap prosedur yang akan dilaksanakan dan sebagainya;

(iii) Memastikan doktor yang akan melaksanakan prosedur dikenali secara peribadi melalui konsultasi dan semasa memberikan *consent,* dan

(iv) Orang ramai boleh menyemak status pendaftaran doktor tersebut di laman web MPM di alamat http://mmc.qov.mv manakala semakan status kepakaran doktor tersebut pula dengan NSR boleh disemak di laman web NSR di alamat https://www.nsr. orq. mv .

KKM akan sentiasa memastikan kebajikan dan keselamatan pesakit

Tuan Yang di-Pertua

sentiasa diutamakan, dan pada masa yang sama menguatkuasakan perundangan yang berkaitan, bagi memastikan semua kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang disediakan menepati piawaian dan amalan yang telah ditetapkan. Dalam hal tersebut, bantuan dan kerjasama semua pihak amat dialu-alukan bagi mencapai matlamat yang lebih objektif dan komprehensif untuk menghalang kejadian yang tidak diingini berlaku.

NO. SOALAN

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA** **PUAN CHONG ENG**

**[ BUKIT MERTAJAM ]**

**RUJUKAN** **4568**

**SOALAN:**

**Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam** ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah piawai dan proses untuk warganegara memohonkan taraf kewarganegaraan kepada pasangannya atau anaknya. Dan berapakah tempoh masa untuk Kementerian memberi alasan kepada pemohon.

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, seseorang warganegara boleh memohon taraf kewarganegaraan untuk pasangannya sekiranya berkeadaan di mana suami merupakan warganegara Malaysia dan isteri bukan warganegara selaras dengan peruntukan Perkara 15(1), Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang mengkehendaki:

i) Isteri telah bermastautin di Persekutuan sepanjang tempoh

JAWAPAN

dua tahun sebelum tarikh permohonan itu dan berniat hendak berbuat demikian secara tetap;

ii) Isteri berkelakuan baik; dan

iii) Perkahwinan telah didaftarkan mengikut mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa di Persekutuan dan masih berterusan.

Semasa mengemukakan permohonan di Jabatan Pendaftaran yang berdekatan, pemohon dikehendaki membawa dokumen-dokumen asal beserta salinan seperti Kad Pengenalan pemohon dan suami, dokumen Perkahwinan yang didaftar mengikut Undang-Undang Malaysia, sijil kewarganegaraan/sijil kelahiran suami, Permit Masuk/Sijil Kelahiran pemohon, dokumen perjalanan pemohon dan suami, Kad Pengenalan ibu/bapa dan adik beradik, Sijil Kelahiran anak-anak, tiga (3) keping gambar warna pemohon berukuran pasport dan (1) keping gambar warna suami berukuran pasport.
Manakala, syarat-syarat untuk seseorang warganegara memohon taraf kewarganegaraan Malaysia untuk anaknya seperti diperuntukkan di bawah Perkara 15(2) yang mengkehendaki:

i) Anak hendaklah berumur kurang daripada 21 tahun pada tarikh permohonan dikemukakan;

ii) Salah seorang dari ibu bapanya adalah seorang warganegara Malaysia; dan

jjj) Permohonan hendaklah dikemukakan oleh ibu atau bapanya atau penjaga.

Semasa mengemukakan permohonan, pemohon perlu membawa bersama dokumen-dokumen asal beserta salinan fotostat seperti Kad pengenalan pemohon, Kad pengenalan sabjek (jika ada), Sijil kelahiran sabjek (salinan terjemahan dalam Bahasa Malaysia/Inggeris jika perlu), Permit Masuk/dokumen perjalanan sabjek, Sijil Kelahiran ibu/bapa dan adik beradik sabjek, Kad pengenalan ibu/bapa /penjaga, Sijil Kewarganegaraan ibu/bapa (jika ada) dan tiga (3) keping gambar warna sabjek berukuran pasport.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, setiap permohonan taraf warganegara akan dipertimbang berdasarkan kepada peruntukan undang-undang di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Keputusan bagi setiap permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon melalui surat tidak lebih enam puluh hari daripada tarikh keputusan dikeluarkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA YB PUAN CHONG ENG (BUKIT MERTAJAM)

TARIKH 13 MAC 2012 (SELASA)

JAWAPAN:

SOALAN

YB Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan:

a) Siapakah anggota ahli dalam Pasukan Pelindungan Kanak (PPKK) dan huraikan peranan dan kuasa PPKK ini; dan

b) Di manakah PPKK bertugas dan di manakah orang awam dapat memperoleh maklumat-maklumat untuk menghubungi anggota PPKK.

Subsekyen 7(1) Akta Kanak-Kanak 2001 memperuntukkan Majlis Penyelaras bagi Pelindungan Kanak-Kanak (MPPK) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kebajikan hendaklah menubuhkan di seluruh negara Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK) bagi maksud menyelaraskan perkhidmatan-perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan pelindungan terutama di kawasan yang berisiko tinggi. Bagi mencapai maksud di atas, PPKK bertanggungjawab menyelaraskan pelbagai program pencegahan di peringkat masyarakat setempat.

JAWAPAN:

Secara amnya, keahlian Pasukan Pelindungan Kanak (PPKK) terdiri daripada:

i. seorang Pelindung **(pegawai Jabatan KebajikanMasyarakat yang diwartakan)** yang dinamakan oleh MPPK atas nasihat Ketua Pengarah bertindak sebagai Pengerusi;

ii. seorang Pegawai Perubatan (ahli wajib);

iii. seorang Pegawai Kanan Polis (ahli wajib); dan

iv. tujuh dan tidak lebih dari lima belas orang anggota yang layak untuk memberi nasihat tentang faktor-faktor peribumi, etnik, kebudayaan atau agama yang berkaitan termasuk dua orang wakil kanak-kanak dan bukan dari kalangan Pegawai Kebajikan Masyarakat.

Antara peranan ahli PPKK ialah:

i. membantu MPPK dalam melaksanakan fungsi dan tugasnya seperti yang ditetapkan oleh Akta Kanak-Kanak 2001;

ii. mengesyorkan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditujukan khusus untuk kanak-kanak, keluarga dan masyarakat yang memerlukan perkhidmatan pencegahan, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak;

iii. menyelaraskan pelbagai sumber jabatan kerajaan yang terlibat dengan pencegahan, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak;

iv. mengemukakan laporan aktivitinya kepada MPPK sekurang-kurangnya 4 kali setahun;

v. menyelaras dan memberikan nasihat tentang pembangunan program-program latihan bagi anggota PPKK di seluruh negeri;

vi. anggota PPKK hendaklah memberitahu Pelindung tentang kejadian penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak yang mereka terima/ketahui;

vii. membincang tindakan bagi menyelesaikan masalah jika ada dengan agensi-agensi tertentu;

viii. membantu Pelindung mendapatkan Orang Yang Layak dan Sesuai *(fit person)* untuk kanak-kanak yang teraniaya;

ix. membantu Pelindung mendapatkan latihan dan pekerjaan bagi ibu bapa atau kanak-kanak yang teraniaya. Usaha ini dapat dilaksanakan melalui jaringan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, syarikat swasta dan korporat serta pertubuhan bukan kerajaan;

x. membantu Pelindung menjalankan tugas-tugas menyelia kanak-kanak dan keluarga mereka;

xi. membuat pemilihan dan pelantikan pekerja bagi Pusat Aktiviti Kanak-Kanak; dan

xii. menjalankan apa-apa arahan daripada MPPK atau yang ditetapkan oleh Akta Kanak-Kanak 2001.

PPKK ditubuhkan di semua daerah di Malaysia. Dalam hal ini, sebanyak 131 PPKK telah ditubuhkan di seluruh negara. Memandangkan PPKK dipengerusikan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah, maka orang awam boleh menghubungi terus Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang berdekatan bagi mendapatkan maklumat berhubung dengan PPKK. Selain itu, maklumat PPKK juga boleh diperolehi dengan melayari laman web JKM di alamat www.jkm.gov.my.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
## DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN :** **BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA** **PUAN CHONG ENG**
**[ BUKIT MERTAJAM ]**

**RUJUKAN** **4569**

**SOALAN :**

**Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak setiap tahun dari tahun 2000-2011. Huraikan sebab-sebab utama berlakunya jenayah ini.

JAWAPAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jika seseorang wanita itu berumur di bawah 16 tahun, sebarang aktiviti seksual dengan atau tanpa kebenaran wanita tersebut adalah diklasifikasikan sebagai perkosaan atau rogol menurut undang-undang. Statistik oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) menunjukkan bahawa jumlah kes jenayah seksual atau rogol mangsa berumur di bawah 16 tahun pada tahun 2005 adalah sebanyak 924 kes, diikuti pada tahun 2006 sebanyak 1301 kes, tahun 2007 sebanyak 1653 kes, tahun 2008 sebanyak 1871 kes dan jumlah ini terus meningkat pada tahun 2009 kepada 2049 kes. Walau bagaimanapun, jumlah kes jenayah seksual mangsa berumur di bawah 16 tahun ini dilihat menurun pada tahun 2010 kepada 1777 kes tetapi meningkat semula kepada 2419 kes pada tahun 2011. Antara faktor utama yang dikenalpasti berlakunya kes jenayah seksual ke atas kanak-kanak adalah seperti berikut:-

1) Mangsa berada sendirian sama ada di dalam atau di luar rumah;
2) Mangsa culik;
3) Mangsa diugut;
4) Kurang pendidikan dan agama;
5) Masalah dalam institusi kekeluargaan;
6) Pengaruh dari media massa dan media alternatif; dan
7) Mangsa dan suspek melakukannya secara suka sama suka.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. PUAN CHONG ENG

[ BUKIT MERTAJAM ]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. PUAN CHONG ENG [ BUKIT MERTAJAM ] minta Menteri Pelajaran menyatakan

(a) jumlah sekolah yang masih belum dapat bekalan air dan elektrik; dan

(b) jumlah sekolah yang mempunyai bangunan diiktiraf tidak selamat atau uzur dan perlu dibina semula atau disenggarakan segera.

JAWAPAN

UntukMakluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Selari dengan ***Key Performance Indicator*** (KPI) KementerianPelajaran Malaysia (KPM), KPM berusaha agar pada tahun 2013 semua sekolah seluruh negara akan mendapat bekalan air bersih serta bekalan elektrik yang sempurna dan mencukupi. Untuk makluman, buat masa ini sebanyak 46 projek bekalan air masih belum beroperasi kerana projek bekalan elektrik yang belum siap pelaksanaanya. Di bawah RMK10 KPM merancang untuk melaksanakan projek bekalan air bersih bagi memastikan semua sekolah-sekolah di seluruh negara dibekalkan dengan air bersih. Sementara itu, di bawah RMK9 dan RMK10 telah dilaksanakan sebanyak 570 buah projek bekalan elektrik di seluruh negara dengan 42 buah projek di Semenanjung, 179 buah projek di Sabah dan 427 buah projek di Sarawak.

**KPM juga telah merancang untuk melaksanakan 1605 projek penyelenggaraan di bawah program Pakej Ransangan Khas (PRK) 2012 di seluruh negara di bawah skop penyelenggaraan bangunan dengan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM435 juta.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA PUAN FONG PO KUAN [ BATU GAJAH ]

SOALAN

Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah rancangan untuk menaiktarafkan bangunan dan kemudahan di Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh dan Hospital Batu Gajah. Nyatakan peruntukan yang disediakan, kerja-kerja yang akan dilakukan dan bilakah ia akan dimulakan.

Tuan Yang di-Pertua

Di bawah RMKe-10, terdapat empat (4) projek naiktaraf di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh yang berada dalam perancangan dan pelaksanaan seperti berikut:

i. Pembinaan Blok Wanita dan Kananak-Kanak Dan Pusat Kardiologi dengan anggaran kos sebanyak RM300 juta adalah di peringkat reka bentuk oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Projek ini melibatkan

NO. SOALAN: 35

pembinaan satu blok baru mengandungi 518 katil yang menangkumi

tiga (3) jabatan iaitu Pusat Kardiologi (66 katil), Jabatan Obstetrik & Ginekologi (220 katil) dan Jabatan Pediatrik (232 katil). Projek tersebut juga akan menyediakan perkhidmatan sokongan lain iaitu Jabatan Pengimejan & Diagnostik, Farmasi Satelit, Makmal Satelit dan Jabatan Sajian Makanan Satelit. Di samping itu juga, ia akan menyediakan ruang pembangunan masa hadapan untuk perkhidmatan Kardiotorasik. Projek ini dijadualkan akan siap pada tahun 2016;

ii. Naiktaraf Jabatan Forensik dengan membina 1 unit Jabatan Forensik di atas tapak sedia ada dengan anggaran kos sebanyak RM4.9 juta. Kontraktor bagi projek ini telah mula masuk tapak pada 19 Januari 2012. Tarikh siap bagi projek ini pula adalah pada 18 April 2013;

iii. Naiktaraf Perkhidmatan *High Dependency Unit* (HDU) dengan anggaran kos sebanyak RM3.58 juta. Projek tersebut telah ditawarkan pada syarikat dan dokumen kontrak sedang diuruskan. Projek ini dijadualkan akan siap pada 4 Jun 2012; dan

iv. Naiktaraf Unit Farmasi dengan anggaran kos sebanyak RM1.8 juta. Projek tersebut telah ditawarkan pada syarikat dan dokumen kontrak sedang diuruskan. Projek ini dijangka akan siap pada 11 November 2012.

Bagi Hospital Batu Gajah, terdapat dua (2) projek naiktaraf yang berada dalam peringkat perancangan dan pelaksanaan seperti berikut:

i. Membina Bangunan Sucihama (CSSD) dan Dewan bedah (OT), Stor

Integrasi dan naiktaraf Unit Kecemasan dengan anggaran kos sebanyak RM17.5 juta adalah pada peringkat reka bentuk oleh KKM; dan

ii. Naiktaraf Jabatan Pesakit Luar dengan anggaran kos sebanyak RM7 juta adalah pada peringkat reka bentuk oleh JKR.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**
**DARIPADA : PUAN FONG PO KUAN [ BATU GAJAH ]**
**SOALAN**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah persaingan masih tidak dibuka dan berterusan dimonopoli oleh PUSPAKOM dan tidakkah ini melanggari Akta Persaingan di dalam perkhidmatan kenderaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Keputusan Kerajaan untuk memberikan lanjutan tempoh konsesi PUSPAKOM selama 15 tahun mulai 1 September 2009 mengambil kira beberapa faktor termasuk kepentingan dan keselamatan pengguna, mutu perkhidmatan, implikasi kewangan kepada Kerajaan dan pelaburan yang telah dibuat oleh syarikat konsesi.

Bagi memastikan kepentingan pengguna terpelihara, kos dan mutu perkhidmatan merupakan antara dua perkara yang dititikberatkan. Kos perkhidmatan yang ditawarkan adalah bergantung kepada skala ekonomi *(economies of scale)* dimana perlunya sejumlah pendapatan minima hasil daripada jualan atau pemberian perkhidmatan supaya pelaburan modal *(capital investment*) yang telah dibuat mendatangkan pulangan seterusnya mengurangkan kos perkhidmatan.

Sehubungan dengan itu, pelanjutan konsesi PUSPAKOM pada masa ini membolehkan caj perkhidmatan kepada pengguna dikenakan pada kadar berpatutan. Kerajaan juga menambahbaik perjanjian lanjutan tempoh konsesi dengan mengenakan syarat-syarat baru yang lebih ketat dan mengutamakan kepentingan pengguna dengan memperkenalkan *Key Perfomance Index* (KPI) serta peruntukan *Step in Rights of The Government* bagi membolehkan pihak Kerajaan untuk mengambil alih konsesi sekiranya berlaku kemungkiran syarikat PUSPAKOM dalam menunaikan obligasinya.

Berhubung dengan Akta Persaingan 2010 yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2012, seksyen 3(4)(a) memperuntukkan apa-apa aktiviti, secara langsung atau tidak langsung, dalam perjalanan kuasa Kerajaan adalah tidak tertakluk kepada Akta tersebut. Oleh yang demikian, konsesi yang diberikan kepada PUSPAKOM adalah tidak tertakluk kepada Akta tersebut memandangkan PUSPAKOM menjalankan aktiviti-aktiviti pemeriksaan

kenderaan berdasarkan kepada penurunan kuasa oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA Y.B. PUAN FONG PO KUAN
[ BATU GAJAH ]

**SOALAN**

**Y.B. PUAN FONG PO KUAN [ BATU GAJAH ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan memandangkan projek Perumahan Taman Pinggir Rishah Hijau Jalan Ipoh-Lumut telah dikeluarkan dari senarai Projek Rumah Terbengkalai, mengapakah masih tiada maklumat pemulihan/pembinaan di tapak.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara isu dan masalah yang melibatkan projek Taman Rishah Hijau adalah keadaan tapak yang terletak di kawasan tanah tinggi yang berisiko dan dikhuatiri ianya boleh menyebabkan berlaku tanah runtuh kelak. Ketidaksesuaian tapak projek perumahan ini telah disahkan oleh perunding dari REHDA dan pegawai-pegawai teknikal dari Kerajaan Negeri Perak dan Jabatan Perumahan Negara.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Perak sedang berusaha untuk memindahkan projek ini ke lokasi yang lebih sesuai.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2012

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA PUAN FOO PO KUAN [BATU GAJAH]

SOALAN 38

**Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perbelanjaan untuk mengadakan penyelarasan tarikh tamat lesen memandu mengikut tarikh lahir. Apakah faedah kepada pengguna dan pihak Kementerian.

Tuan Yang Dipertua,

Pelaksanaan inisiatif penyelarasan tarikh tamat lesen memandu mengikut tarikh lahir tidak melibatkan sebarang perbelanjaan peruntukan Kerajaan. Tiada kos dikenakan kepada pemegang lesen memandu, sekiranya penyelarasan tersebut melibatkan tambahan tempoh kurang dari enam bulan dan ini merupakan bonus kepada pemegang lesen memandu berkenaan. Namun, sekiranya pertambahan tempoh tersebut melebihi enam bulan, maka pemegang lesen memandu berkenaan akan dikenakan bayaran RM 15.00 sahaja. Ini juga merupakan diskaun kerana membayar untuk kadar enam bulan, tetapi mendapat tambahan tempoh

melebihi enam bulan.

Penyelarasan tarikh tamat lesen memandu mengikut tarikh lahir ini juga merupakan kaedah untuk mengurangkan kebocoran hasil Kerajaan

JAWAPAN:

melalui pengurangan kes-kes yang lewat memperbaharui lesen memandu sekaligus mendisiplinkan pemandu untuk memperbaharui lesennya mengikut tarikh yang mudah diingati. Selain itu, pelaksanaannya juga adalah untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada orang ramai yang bersifat mesra pengguna serta merupakan alternatif kepada sistem penyampaian notis peringatan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan sebelum ini.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA YB PUAN FONG PO KUAN (BATU GAJAH)**

**TARIKH 13 MAC 2012 (SELASA)**

SOALAN NO. 32

**SOALAN**

**YB Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah) minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan sejauh mana Akta Orang Kurang Upaya dikuatkuasakan untuk memastikan sektor awam dan sektor swasta mematuhinya. Nyatakan tindakan yang pernah diambil, dan kes yang terlibat, jika ada.**

Kerajaan amat prihatin terhadap kepentingan dan kesejahteraan golongan orang kurang upaya (OKU). Justeru, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengambil inisiatif untuk menggubal Akta Orang Kurang Upaya 2008 yang telah dikuatkuasakan pada 8 Julai 2008. Akta ini mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan OKU serta penubuhan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya.

Akta OKU merupakan suatu perundangan berasaskan hak dan bukan berbentuk punitif. Sebarang kesalahan dan ketidakpatuhan terhadap perkara-perkara yang berkaitan seperti pendidikan, kesihatan, pekerjaan,

kebolehaksesan dan sebagainya telah diperuntukkan di bawah perundangan berkaitan sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

**JAWAPAN:**

Sebagai contoh, ketidakpatuhan terhadap penyediaan kemudahan akses kepada bangunan adalah di bawah Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984. Selain itu, kesalahan yang berkaitan dengan penganiayaan

terhadap OKU telah diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dan juga Akta Kanak-Kanak 2001.

Majlis Kebangsaan Bagi OKU yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3, Akta Orang Kurang Upaya 2008 memainkan peranan utama dalam memastikan peruntukan yang termaktub dalam Akta OKU dilaksanakan secara berkesan. Antara fungsi Majlis adalah untuk mengesyorkan kepada Kerajaan perubahan undang-undang yang sedia ada dan juga untuk mencadangkan undang-undang bagi menjamin penyertaan penuh dan berkesan OKU dalam masyarakat, termasuk untuk memudahkan kebolehaksesan.

Sebagai contoh, Jawatankuasa Reka Bentuk sejagat di bawah Majlis Kebangsaan Bagi OKU telah mengadakan beberapa siri audit akses kemudahan awam bagi mengenal pasti tahap kebolehaksesan golongan OKU. Hasil audit akses telah dikemukakan kepada agensi-agensi di peringkat akar umbi atau pihak berkuasa tempatan untuk tindakan

penambahbaikan.

(c) 2010 Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

ts/o.

## SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA DAFTAR PEMILIH TERKINISEHINGGA ST4/2011 STATISTIK UMUR

(Yang Diwartakan Pada 20 Mac 2012)

## MENGIKUT PARLIMEN

| BAHAGIAN PILIHAN RAYA | JUMLAH | 21-29 | | 30-39 | | 40-49 | | 50-59 | | 60-69 | | 70-79 | | 80-89 | | 90 ke Atas | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Jumlah | % | Jumlah | % | Jumlah | i % | Jumlah | % | Jumlah | % | Jumlah | % | Jumlah | % | Jumlah | % |
| **PERLIS** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| P. 001 PADANGBESAR | 40,570 | 8,422 | 20.76 | 8,553 | 20.76 | 8,041 | 19.82 | 7,500 | 18.49 | 4,897 | 12.07 | 2,338 | 5.76 | 737 | 1.82 | 82 | 0.20 |
| P. 002 KANGAR | 48,955 | 9,505 | 19.42 | 9,905 | 19.42 | 10,067 | 20.56 | 9,643 | 19.70 | 5,775 | 11.80 | 3,056 | 6.24 | 925 | 1.89 | 79 | 0.16 |
| P. 003 ARAU | 42,200 | 7,038 | 16.68 | 9,095 | 16.68 | 9,554 | 22.64 | 7,675 | 18.19 | 5,005 | 11.86 | 2,880 | 6.82 | 866 | 2.05 | 87 | 0.21 |
| **JUMLAH DALAM NEGERI** | 131,725 | 24,965 | 18.95 | 27,553 | 20.92 | 27,662 | 21.00 | 24,818 | 18.84 | 15,677 | 11.90 | 8,274 | 6.28 | 2,528 | 1.92 | 248 | 0.19 |

## SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA DAFTAR PEMILIH TERKINI SEHINGGA ST4/2011 STATISTIK UMUR

(Yang Diwartakan Pada 20 Mac 2012)

## MENGIKUT PARLIMEN

| BAHAGIAN PILIHAN RAYA | JUMLAH | 21-29 | | 30-' 59 | | 40-4 9 | | 50-59 | | 60-69 | | 70-79 | | 80-89 | | 90 ke Atas | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Jumlah | % | Jumlah | % | Jumlah | % | Jumlah | % | Jumlah | % | Jumlah | % | Jumlah | % | Jumlah | % |
| KEDAH | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| P. 004 LANGKAWI | **35,617** | 7,176 | 20.15 | 9,109 | 20.15 | 8,418 | 23.63 | 5,920 | 16.62 | 2,950 | 8.28 | 1,567 | 4.40 | 434 | 1.22 | 43 | 0.12 |
| P. 005 JERLUN | **49,682** | 9,059 | 18.23 | 10,470 | 18.23 | 10,618 | 21.37 | 8,942 | 18.00 | 6,007 | 12.09 | 3,461 | 6.97 | 1,000 | 2.01 | 125 | 0.25 |
pada tahun 2011, melibatkan perbelanjaan sebanyak RM477.8 juta bagi membantu sejumlah 135,217 kes di seluruh negara. Ini diikuti oleh bantuan:

(i) Bantuan Kanak-Kanak (98,848 orang dengan peruntukan RM315.8 juta);

(ii) Bantuan Am (115,934 orang dengan peruntukan RM242.4 juta);

(iii) Elaun Pekerja Cacat (53,063 orang dengan peruntukan RM 175.7 juta); dan

(iv) Bantuan Penjagaan OKU Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar (27,882 orang dengan peruntukan RM93.7 juta).

Maklumat terperinci pecahan jumlah penerima bantuan mengikut negeri dan kategori bantuan adalah seperti berikut:

## BILANGAN KES DAN JUMLAH BANTUAN PENERIMAAN SKIM BANTUAN KEBAJIKAN MENGIKUT NEGERI BAGI TAHUN 2008-2011

| **Mgflf te** | - Kes | **2008** RM | **Kes** | **2009** I® RM :.v- | **Bil. Kes** | 2010 RM | **Bil; Kes** | 2011 RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Sabah | 15,599 | 11,790,529 | 67,499 | 121,467,016 | 60,305 | 217,866,437 | 77,208 | 244,693,197 |
| Kedah | 21,393 | 40,967,572 | 30,694 | 70,545,635 | 42,033 | 115,718,093 | 43,090 | 127,113,989 |
| Sarawak | 11,833 | 6,304,536 | 26,406 | 54,260,442 | 41,053 | 103,955,289 | 45,445 | 116,627,349 |
| Johor | 12,105 | 35,041,741 | 26,271 | 63,612,555 | 35,208 | 100,643,710 | 45,766 | 128,262,911 |
| Selangor | 17,150 | 33,507,288 | 22,880 | 52,881,260 | 38,211 | 97,657,662 | 39,028 | 116,810,893 |
| Terengganu | 22,710 | 57,887,930 | 31,120 | 72,581,473 | 32,906 | 90,784,355 | 34,806 | 96,141,997 |
| Kelantan | 18,062 | 39,883,800 | 27,016 | 61,880,325 | 31,711 | 85,344,935 | 34,243 | 89,560,135 |
| Perak | 17,722 | 33,536,684 | 28,548 | 59,801,156 | 31,708 | 85,577,322 | 34,003 | 95,186,805 |
| Melaka | 9,606 | 14,984,074 | 18,093 | 39,123,553 | 22,991 | 68,888,841 | 26,074 | 79,425,617 |

| | ... ... | 2P09ᵛ:v^:;-f **-1 V> ’ ~ . . . RM | Kes ; | 2010 - ■ ■ | M | 2011 ; RM >. |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Negeri Sembilan 10,926 24,162,575 | 16,432 | 36,744,310 | 22,206 | 58,667,152 | 24,347 | 67,894,451 |
| Pulau Pinang 10,538 24,761,834 | 16,078 | 37,974,149 | 20,530 | 57,246,400 | 23,031 | 66,575,773 |
| Pahang 36,600 17,390,314 | 19,259 | 41,727,974 | 24,559 | 56,437,026 | 24,270 | 64,225,629 |
| Kuala Lumpur 12,048 22,105,183 | 16,823 | 34,175,832 | 13,452 | 40,095,945 | 13,532 | 40,540,425 |
| Perlis 5,048 8,372,011 | 6,244 | 10,929,636 | 6,820 | 14,659,296 | 8,136 | 17,523,727 |
| Labuan 262 518,869 | 526 | 1,093,247 | 833 | 1,912,481 | 949 | 2,156,220 |
| | **353,889** | a | \|424&26 | ^1 195,454,944 | 473,928 | 1,352,739,117 |

**BILANGAN KES DAN JUMLAH BANTUAN PENERIMAAN SKIM BANTUAN KEBAJIKAN**

**MENGIKUT JENIS SKIM BAGI TAHUN 2008-2011**

| | Mm M | 2008 RM | Kes | 2009 ^v-RM;-.:.' | fBy ggl Kes | 2010 RM | t81l S§ Kes | 2011 RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| BOT | 31,042 | 78,090,700 | 99,399 | 228,176,605 | 120,496 | 422,456,600 | 135,217 | 477,844,100 |
| BA | 107,979 | 130,446,802 | 105,228 | 200,864,239 | 113,059 | 223,760,105 | 115,934 | 242,413,756 |
| BKK | 37,239 | 91,853,702 | 66,912 | 167,977,282 | 92,636 | 290,058,438 | 98,848 | 315,752,198 |
| EPC | 24,761 | 58,688,900 | 35,084 | 103,722,000 | 44,679 | 146,070,900 | 53,063 | 175,696,800 |
| BPT | 3,594 | 3,736,800 | 17,297 | 39,684,450 | 24,332 | 81,186,300 | 27,882 | 93,739,500 |
| BTB | | | 6,209 | 5,065,050 | 16,918 | 22,044,000 | 25,385 | 38,068,800 |
| BENCANA | 6,440 | 2,409,159 | 14,232 | 5,967,203 | 9,820 | 4,682,801 | 15,796 | 5,590,246 |
| AT | 1,131 | 2,317,819 | 1,271 | 2,502,228 | 1,533 | 2,923,240 | 910 | 1,717,757 |
| GP | 484 | 1,215,194 | 598 | 1,490,540 | 643 | 1,572,710 | 430 | 1,086,360 |
| BAP | 221 | 293,740 | 140 | 439,600 | 181 | 526,650 | 162 | 544,900 |
| LATIHAN | 914 | 394,627 | 1,342 | 374,200 | 229 | 173,200 | 301 | 284,700 |

| iHft | 2008<br>RM<br>■■■HppPP | ᵕV<br>Bil.<br>Kes | >-!v* RM - | y Bijf^ | 2010<br>;;y--Tiw- | Bil. | 2011<br>RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| APPERANTIS | | | | | | | |
| SEKOLAH 7,797<br>\|2?1,602i | 1,767,497<br>371,214,940 | 6,177<br>353,839 } | 2,535,166<br>;75$,798,563 | 424,526 | 1,195,454,944 | 473,928 | 1,352,739,117 |

**Nota:**

Bantuan Orang Tua (BOT)

Bantuan Am (BA)

Bantuan Kanak-Kanak (BKK)

Elaun Pekerja Cacat (EPC)

Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar

(BPT) Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)

Bantuan Alat Tiruan / Sokongan (AT)

Geran Pelancaran (GP)

Bantuan Anak Pelihara (BAP)

**BILANGAN KES DAN JUMLAH BANTUAN PENERIMAAN SKIM BANTUAN KEBAJIKAN MENGIKUT ETNIK BAGI TAHUN 2008-2011**

| Etnik | 2008 | | 2009 | | 2010 | | 2011 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Bil. Kes | RM | Bil. Kes | RM | Bil. Kes | RM | Bil. Kes | RM |
| Melayu | 147,325 | 265,828,172 | 184,336 | 421,132,175 | 229,435 | 624,933,701 | 252,485 | 711,100,335 |
| Psb | 14,417 | 10,909,216 | 55,180 | 94,290,300 | 49,700 | 176,390,610 | 65,892 | 203,567,705 |
| Cina | 22,805 | 38,882,077 | 43,279 | 94,826,800 | 62,578 | 177,724,779 | 70,713 | 208,004,495 |
| India | 28,007 | 50,363,752 | 41,646 | 86,755,758 | 52,660 | 141,654,360 | 52,022 | 147,588,001 |
| Psw | 7,093 | 3,369,930 | 26,733 | 55,305,002 | 26,920 | 65,466,171 | 29,097 | 72,121,320 |
| Lain-Lain | 1,519 | 1,460,162 | 1,968 | 5,230,064 | 2,068 | 6,182,804 | 2,323 | 6,408,360 |
| Psm | 436 | 401,631 | 747 | 1,258,464 | 1,165 | 3,102,519 | 1,396 | 3,948,901 |
| **JUMLAH** | **221,602** | **371,214,940** | **353,889** | **758,798,563** | **424,526** | **1,195,454,944** | **473,928** | **1,352,739,117** |

**Nota:**
Peribumi Sabah (Psb) Peribumi
Sarawak (Psw) Peribumi
Semenanjung (Psm)

NO SOALAN^j^^-

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH)

PERTANYAAN BERTULIS

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah aliran dana yang dikeluar dari Malaysia dan aliran dana masuk ke Malaysia pada tahun 2008,2009,2010 dan 2011.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah aliran masuk bersih peiaburan di Malaysia pada tahun 2011 menunjukkan trend peningkatan berbanding tahun 2008, 2009 dan 2010 berikutan keyakinan pelabur yang lebih baik serta persekitaran ekonomi domestikyang kukuh.

2. Sebagai sebuah ekonomi yang terbuka dengan pasaran kewangan yang berkembang pesat, aliran modal di Malaysia adalah berbentuk dua hala. Untuk tahun-tahun 2008 sehingga 2011, corak aliran modal banyak bergantung kepada faktor-faktor luaran. Umpamanya pada tahun 2008, Malaysia mencatat aliran modal keluar bersih yang besar sebanyak RM119.1 bilion disebabkan aktiviti pengurangan pegangan dana (*develeraging*) oleh institusi kewangan asing ketika krisis kewangan global. Manakala pada tahun 2009, aliran modal keluar bersih adalah lebih kecil, berjumlah RM80.2 bilion berikutan kembalinya keadaan ekonomi global ke

paras normal. Seterusnya, pada tahun 2010, aliran

modal di Malaysia mencatat aliran keluar bersih yang lebih kecil iaitu RM19.8 bilion, dan pada tahun 2011 pula telah bertukar arah kepada aliran masuk bersih sebanyak RM15.5 bilion.

3. Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan yang menarik dan terus menerima pelaburan yang tinggi dari luar negara. Pada tahun 2011, pelaburan langsung asing di Malaysia (FDI) mencatat aliran masuk bersih tertinggi sebanyak RM32.9 bilion berbanding tahun 2010 iaitu sebanyak RM29.3 bilion, tahun 2009 sebanyak RM5 bilion dan tahun 2008 sebanyak RM23.9 bilion. Kemasukan FDI yang menggalakkan ini adalah berikutan peningkatan keyakinan pelabur hasil daripada beberapa inisiatif utama yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang menarik serta peningkatan daya saing Malaysia dalam paras kedudukan ekonomi global juga menyumbang kepada kemasukan FDI. Sektor pembuatan dan perkhidmatan, terutamanya sub-sektor kewangan dan insurans serta sektor berkaitan teknologi menjadi penyumbang terbesar kepada peningkatan FDI ke Malaysia. Manakala, pelabur utama aliran masuk FDI ke Malaysia adalah dari Amerika Syarikat, Belanda dan Jepun.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2011, pelaburan portfolio turut mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM30.3 bilion walaupun aktiviti pengurangan pegangan dana (develeraging) meningkat pada separuh tahun kedua 2011 berikutan krisis hutang kerajaan yang meruncing di Eropah. Pelaburan portfolio terus menggalakkan dirangsang oleh asas-asas ekonomi yang kukuh dan prospek keuntungan korporat yang lebih tinggi di Malaysia. Kebanyakkan dana portfolio dilaburkan ke dalam pasaran hutang dan ekuiti tempatan. Aliran masuk yang besar ini mencerminkan trend yang sama di negara-negara serantau serta pemulihan sentimen pelabur asing terhadap prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia di samping pengukuhan dalam nilai ringgit. Pelabur utama pelaburan portfolio ke Malaysia adalah dari Eropah dan Asia.

5. Sementara itu, syarikat tempatan terus melabur di luar negeri dalam

usaha mempelbagai dan memperluaskan operasi sedia ada serta meneroka peluang dan pasaran yang lebih besar dan menguntungkan di rantau lain. Strategi ini adalah bagi mencapai ekonomi bidang *(economies of scale)* yang lebih baik. Pelaburan luar negeri bersih *{Direct Investment Abroad-* DIA) oleh syarikat Malaysia adalah lebih tinggi pada tahun 2011 iaitu sebanyak RM45.3 bilion berbanding tahun 2010 sebanyak RM42.9 bilion dan dilaburkan terutamanya di rantau Asia. Sektor utama yang diceburi oleh syarikat tempatan di luar negeri adalah perdagangan borong dan runcit; kewangan dan insurans; serta aktiviti perlombongan dan kuari. Sebagai mana syarikat-syarikat global yang lain, keuntungan pelaburan di luar negeri yang dibawa balik dapat digunakan bagi memantapkan operasi dalam negeri dengan meningkatkan keupayaan produktiviti dan mewujudkan peluang pekerjaan.

6. Di samping itu, sebagai sebuah ekonomi yang terbuka, Malaysia tidak terkecuali kepada kesan dan ketidaktentuan dalam aktiviti ekonomi dan pasaran kewangan global. Namun demikian, berbanding dengan masa lalu, Malaysia kini mempunyai fleksibiliti dasar yang lebih baik dalam menangani ketidakstabilan aliran modal tanpa menjejaskan prestasi ekonomi secara keseluruhan. Dengan pelbagai langkah di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) serta pelaksanaan RMKe-10, kegiatan pelaburan dijangka dapat ditingkatkan dan secara tidak langsung dapat menarik pelaburan asing. Selain itu, kedudukan sektor luaran yang kukuh iaitu rizab antarabangsa yang tinggi dan hutang luar negeri yang rendah juga membolehkan Kerajaan mengambil langkah-langkah penting dalam memastikan kestabilan makroekonomi dan kewangan sekiranya aliran masuk modal bertukar arah secara mendadak.

**SOALAN NO.:**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT**

JAWAPAN:

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA YB. PUAN TERESA KOK SUH SIM**

**KAWASAN SEPUTEH**

**SOALAN:**

**YB. PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kos pembinaan bangunan Parlimen Malaysia dan tarikh bangunan akan disiapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran kos keseluruhan bagi projek membaik pulih dan menaik taraf Kompleks Bangunan Parlimen ialah sebanyak RM520 juta.

Projek ini akan dibahagikan kepada 3 fasa pembinaan, iaitu fasa 1A: membaik puiih dan mengubahsuai Dewan Serba Guna sedia ada sebagai Dewan Persidangan melibatkan kos projek sebanyak RM28 juta; fasa IB: cadangan pembinaan blok baru Pejabat Pentadbiran Parlimen (RM92 juta); fasa 2: cadangan mengubahsuai dan membaik pulih Bangunan Utama Parlimen sedia ada termasuk Blok Menara (RM180 juta), dan fasa 3: cadangan pembinaan blok bangunan baru (RM220 juta).

Pada masa kini, fasa 1A telah siap dibina dan ia telah digunakan sebagai Dewan Persidangan Parlimen mulai bulan Oktober 2011 yang lalu. Manakala pelaksanaan fasa-fasa lain akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, tertakiuk antara Iain kepada pengesahan skop projek oleh *stakeholders.* Sehubungan itu, keseluruhan projek ini dijangka akan siap sepenuhnya pada akhir tahun 2015.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 44 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARI PADA PUAN TERESA KOK SUH SIM
[ SEPUTEH]

SOALAN:

**PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH) minta PERDANA MENTERI menyatakan syarat penggunaan kad kredit yang dibiayai oleh Kerajaan kepada Menteri dan Timbalan Menteri. Sila nyatakan had perbelanjaan keraian (*entertainment*) yang dibenarkan oleh Menteri**

dan Timbalan Menteri setiap tahun.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak menyediakan kemudahan kad kredit kepada Menteri dan Timbalan Menteri.

**JAWAPAN:**

Elaun yang diterima oleh Menteri dan Timbalan Menteri adalah selaras dengan tugas dan tanggungjawab beliau serta berdasarkan kos sara hidup semasa dan kemampuan kewangan Kerajaan pada masa ini.

Gaji bulanan bagi Menteri dan Timbalan Menteri seperti yang terdapat dalam Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2005 [Akta A1244] yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2004, masing-masing adalah sebanyak RM14,907.20 dan RM10,847.65.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertuiis Daripada: Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [ BANDAR KUCHING ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [ BANDAR KUCHING ] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa peruntukan pembangunan yang telah disalurkan untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Mission Schools di seluruh Sarawak dalam tahun 2008, 2009, 2010 dan 2011. Apakah angka-angka terperinci peruntukan tersebut dan nama sekolah yang telah menerima peruntukan tersebut.**

**JAWAPAN**

**Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,**

**Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyalurkan peruntukan kepada SJKC dan Sekolah Mubaligh di Negeri Sarawak pada tahun 2008 hingga 2011 dengan jumlah sebanyak RM26.64 juta bagi SJKC dan RM46.46juta bagi Sekolah Mubaligh.**

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA TUAN CHONG CHIEN JEN [BANDAR KUCHING]**

**SOALAN**

**Tuan Chong Chien Jen [Bandar Kuching] minta PERDANA MENTERI menyatakan projek-projek yang telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Bandar Kuching dan Stampin sejak tahun 2008 dan jumlah yang diperuntukkan untuk projek masing-masing. Apakah kadar persiapan projek-projek masing-masing.**

SOALAN NO. 46

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Sejak tahun 2008, sebanyak 89 projek dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) di Parlimen Bandar Kuching, 27 projek dilaksanakan di bawah** *Rolling Plan* **Pertama (RP1), Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) pada tahun 2011 dan 16 projek di bawah Rancangan Malaysia Kedua (RP-2) RMKe-10 pada tahun 2012.**

**Bagi Parlimen Stampin pula, sebanyak 103 projek dilaksanakan di bawah RMKe-9, manakala, 20 projek dilaksanakan di bawah RP-1 RMKe-10 pada tahun 2011 dan 13 projek di bawah RP-2 RMKe-10 pada tahun 2012.**

**Status pelaksanaan projek di Parlimen Bandar Kuching dan Parlimen Stampin adalah seperti di Jadual 1.**

**Jadual 1: Status Pelaksanaan Projek di Parlimen Bandar Kuching dan Parlimen Stampin**

| Pariimen | Terhpoh Rancangan | Siling Peruntukan (RM) | Jumlah Projek | Status Pelaksanaan* | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Siap Sepenuhnya | Dalam Pelaksanaan |
| Parlimen Bandar Kuching | RMKe-9 | 559,730,594 | 89 | 74 | 15 |
| | RP-1 RMKe-10 | 219,139,004 | 27 | 5 | 22 |
| | RP-2 RMKe-10 | 162,200,693 | 16 | 2 | 14 |
| Parlimen Stampin | RMKe-9 | 1,178,023,520 | 103 | 89 | 14 |
| | RP-1 RMKe-10 | 128,334,176 | 20 | 9 | 11 |
| | RP-2 RMKe-10 | 103,308,628 | 13 | 4 | 9 |

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA**
**PARLIMEN KEDUABELAS, TAHUN 2012**
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**MALAYSIA**

**PERTANYAAN** **JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA** **YB DAT UK ERIC ENCHIN MAJIMBUN (SEPANGGAR)**

**TARIKH**

**SOALAN**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan jumlah peruntukan yang dibelanjakan dalam masa 5 tahun di setiap negeri dalam bidang pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan raya, air dan elektrik. Apakah perbezaan kadar bagi pembinaan jalan antara di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan dan perbelanjaan dalam masa 5 tahun

(2007-2011) bagi setiap negeri adalah seperti berikut

**Jalan Luar Bandar f JALB^**

| Bil | Negeri | **Jumlah 2007-2011** | |
|---|---|---|---|
| | | **Peruntukan CRM juta)** | **Perbelanjaan (RM juta)** |
| 1 | Semenanjung | 2,964.89 | 2,955.52 |
| 2 | Sabah | 1,922.49 | 2,148.90 |
| 3 | Sarawak | 1,383.02 | 1,123.80 |
| | **Jumlah** | **6,270.41** | **6,228.22** |

**Bekalan Air Luar Bandar (BALB)**

| Bil | Negeri | **Jumlah 2007-2011** | |
|---|---|---|---|
| | | **Peruntukan (RM juta)** | **Perbelanjaan (RM juta)** |
| 1 | Semenanjung | 908.51 | 902.07 |
| 2 | Sabah | 1,131.99 | 1,126.07 |
| 3 | Sarawak | 901.11 | 891.61 |
| | **Jumlah** | **2,941.61** | **2,919.75** |

**Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB^**

| Bil | Negeri | **Jumlah 2007-2011** | |
|---|---|---|---|
| | | **Peruntukan (RM juta)** | **Perbelanjaan (RM juta)** |
| 1 | Semenanjung | 125.52 | 124.06 |
| 2 | Sabah | 1,459.32 | 1,459.31 |
| 3 | Sarawak | 1,052.56 | 1,052.02 |
| | **Jumlah** | **2,637.40** | **2,635.40** |

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbezaan kadar pembinaan jalan antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak adalah dari segi kos pembinaan. Kos pembinaan di negeri Sabah dan Sarawak adalah lebih tinggi iaitu antara RM2.5 juta hingga RM4.0 juta perkilometer berbanding pembinaan jalan di Semenanjung Malaysia iaitu antara RM1.5 juta hingga RM2.5 juta. Perbezaan ini dipengaruhi oleh faktor bentuk muka bumi dan bekalan bahan binaan.

SOALAN NO/4SP*

PARLIMEN MALAYSIA <u>PEMBERITAHU PERTANYAAN</u>

<u>DEWAN RAKYAT</u>

PERTANYAAN :Bertulis

DARIPADA :Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]

SOALAN :Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan perbezaan kenaikan harga barang makanan di Malaysia berbanding dengan harga di peringkat global oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO)

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI Tuan

Yang Di Pertua,

Secara menyeluruh, Indeks Harga Makanan dunia yang dilaporkan oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), telah mencatatkan peningkatan sebanyak 1.9% kepada 214.3 pada bulan Januari 2012 berbanding dengan 210.3 pada bulan Disember 2011. Pada bulan Januari 2012 juga, indeks harga bagi lima (5) sub-kumpulan komoditi utamanya turut merekodkan peningkatan terutama sub-kumpulan komoditi minyak dan lelemak dengan peningkatan tertinggi sebanyak 2.8% kepada 233.7 pada bulan Januari 2012 berbanding dengan 227.5 pada bulan Disember tahun 2011.

Namun demikian, jika dibandingkan dengan Januari 2011, Indeks Harga Makanan dunia masih menurun sebanyak 7.0%, seiring dengan penurunan indeks harga bagi empat (4) sub-kumpulan komoditi makanan utamanya iaitu gula (20.4%), minyak/lelemak (16.4%), bijirin (9.0%), dan hasil tenusu (6.5%). Bagi tempoh 3 tahun (2009-2011) dan (5) tahun (2007-2011) pula, kadar pertumbuhan purata tahunan Indeks Harga Makanan dunia mengalami kenaikan masing-masing sebanyak 4.4% dan 12.4%.

**Sementara itu, Indeks Harga Makanan Malaysia turut mencatatkan peningkatan yang tidak begitu ketara iaitu sebanyak 0.9% kepada 133.6 pada bulan Januari 2012 berbanding dengan 132.4 pada bulan sebelumnya. Peningkatan indeks ini dipengaruhi oleh kenaikan indeks hasil tenusu iaitu sebanyak 0.5%. Walaupun begitu, jika dibandingkan dengan Januari 2011, Indeks Harga Makanan Malaysia masih mengalami kenaikan yang tinggi iaitu sebanyak 4.9% berikutan kenaikan indeks lima (5) sub-kumpulan komoditi makanan utamanya iaitu gula (9.3%), hasil tenusu (7.0%), daging (5.4%), minyak/lelemak (1.0%) dan beras (0.8%). Sebahagian besar harga bagi komoditi ini adalah dipengaruhi oleh harga pasaran antarabangsa. Sementara itu, kadar pertumbuhan purata tahunan yang dicatatkan bagi Indeks Harga Makanan Malaysia adalah 3.5% bagi tempoh 3 tahun (2009-2011) dan 5.3% bagi tempoh 5 tahun (2007-2011).**

**NO. SOALAN: 49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARI PAD A DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN**
**[ SEPANGGAR]**

**SOALAN**

**Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah isipadu dan nilai minyak mentah dan gas dalam masa 10 tahun yang diperoleh di perairan Sabah dan Sarawak serta jangka masa bahan itu dapat menampung keperluan sehingga dapat diteroka kawasan baru.**

**JAWAPAN**

**Berikut adalah jumlah pengeluaran terkumpul minyak mentah dan gas sepanjang 9 tahun bermula dari 2003 hingga 2011.**

| Negeri | Minyak mentah dan kondensat (juta tong) | Gas (Bacf) |
|---|---|---|
| Sabah | 381 | 464 |
| Sarawak | 661 | 11,498 |

**PETRONAS sentiasa menjalankan aktiviti eksplorasi untuk mencari medan minyak baru dan menetapkan kadar pengeluaran negara bagi memastikan rizab minyak dapat dikekalkan untuk generasi akan datang. Pada masa yang sama, PETRONAS juga membuat pelaburan di dalam aktiviti eksplorasi minyak dan gas di luar negara bag! mendapatkan sumber rizab minyak dan gas baru untuk negara.**

**Pihak PETRONAS sentiasa meneliti pelan pembangunan untuk setiap lapangan minyak dan gas di Malaysia. Kajian yang berterusan serta kebergantungan kepada teknologi dan inovasi adalah penting untuk membangunkan lapangan-lapangan ini secara komersil terutamanya bagi lapangan marginal** *(small fields)* **yang mempunyai kandungan karbon dioksida ($C0_2$) yang tinggi,** *High Presure High Temperature* **(HPHT), lapangan laut dalam yang berselerak dan sebagainya. PETRONAS akan terus meneroka potensi yang dikenalpasti secara berterusan bagi mengekalkan tahap kemampanan produksi minyak dan gas Malaysia.**

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**SOALAN NO. 51**

**DARIPADA** **YB DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN**

**(SEPANGGAR)**

**TARIKH** **13 MAC 2012 ( SELASA )**

**SOALAN**

**YB Datuk Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan bilangan penerima bantuan kebajikan dengan pecahan kaum dan bidang di Sabah dan Sarawak serta jumlah nilai di setiap negeri.**

**JAWAPAN:**

**Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan perkhidmatan dan bantuan kebajikan kepada kumpulan sasar yang memerlukan dari kalangan keluarga miskin, orang kurang upaya (OKU), pesakit kronik terlantar dan kanak-kanak berdasarkan syarat kelayakan yang telah ditetapkan.**

**Sepanjang tahun 2011, JKM telah menyalurkan bantuan kebajikan kepada 45,445 orang penerima dengan peruntukan kewangan sebanyak RM116.6 juta bagi negeri Sarawak. Penerima bantuan kebajikan ini terdiri daripada:**

- **peribumi Sarawak seramai 28,896 orang dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM71.4 juta;**
- **kaum Melayu seramai 9,650 orang (RM26.9 juta);**
- **kaum Cina seramai 6,828 orang (RM18.0 juta);**
- **kaum India seramai 34 orang (RM106,745);**
- **lain-lain kaum seramai 32 orang (RM 104,135); dan**
- **peribumi Sabah seramai 5 orang (RM30,585).**

**Manakala jumlah keseluruhan penerima bantuan bagi negeri Sabah adalah seramai 77,208 orang dengan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM244.7 juta. Penerima bantuan kebajikan ini terdiri daripada:**

- **peribumi Sabah seramai 65,699 orang (RM203.1 juta);**
- **kaum Cina seramai 6,584 orang (RM23.1 juta);**
- **kaum Melayu seramai 3,852 orang (RM14.8 juta);**
- **lain-lain kaum seramai 778 orang (RM2.7 juta);**
- **peribumi Sarawak seramai 170 orang (RM594,245);**
- **peribumi Semenanjung seramai 76 orang (RM271,736); dan**
- **kaum India seramai 49 orang (RM 152,938).**

**Selain itu, jumlah keseluruhan bantuan kewangan yang telah disalurkan melalui JKM kepada semua negeri pada tahun 2011 berjumlah RM 1.353 bilion, melibatkan 473,928 orang penerima.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT**

| | |
|---|---|
| **Pertanyaan** | **PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN** |
| **Daripada** | **Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** |
| **Soalan** | **No.'X** |

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan jumlah kuantiti dan nilai pendapatan dari hasil sawit, getah, koko dan Iain-lain dari Sabah dan Sarawak serta jumlah yang dipulangkan kepada negeri- negeri ini.**

**JAWAPAN**

**Pada tahun 2011, jumlah pengeluaran minyak sawit mentah** *(crude palm oil-* **CPO) bagi negeri Sabah adalah sebanyak 5,843,165 tan dan Sarawak pula sebanyak 2,696,216 tan. Anggaran pendapatan dari pengeluaran CPO di Sabah adalah sebanyak RM18.77 bilion dan Sarawak sebanyak RM8.75 bilion berdasarkan harga purata CPO RM3,212.00 se tan di Sabah dan RM3,245.50 se tan di Sarawak pada tahun 2011. Cukai jualan CPO dikenakan sebanyak 7.5% di Sabah dan 2.5% di Sarawak sekiranya harga CPO di antara RM1,000 hingga RM1,499 se tan sementara 5% di kedua-dua negeri sekiranya harga CPO melebihi RM 1,500 se tan. Cukai jualan ini dikutip daripada kilang pemproses minyak sawit oleh Kerajaan negeri. Memandangkan harga purata CPO pada tahun 2011 adalah melebihi paras RM1,500 se tan, adalah dianggarkan negeri Sabah memperolehi kira-kira RM938.41 juta hasil daripada kutipan cukai jualan CPO sementara Sawarak memperolehi kira-kira RM437.46 juta.**

**Jumlah pengeluaran getah asli bagi negeri Sabah adalah sebanyak 50,013 tan dan Sarawak pula sebanyak 43,337 tan. Anggaran pendapatan dari pengeluaran getah asli di Sabah adalah sebanyak RM67.43 juta dan Sarawak sebanyak RM58.43 juta berdasarkan harga purata getah asli bagi kedua-dua negeri adalah RM1,348.33 se tan pada tahun 2011. Kerajaan Negeri Sabah melalui Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) mengenakan tiga jenis ses ke atas getah yang dieksport dari Sabah iaitu:**

i. **Ses Penyelidikan**

   **Ses penyelidikan dikenakan dengan kadar 2.2 sen/kg (RM 22.00/tan) ke atas semua getah yang dieksport dari Sabah di bawah Ordinan Lembaga Tabung Getah 1950 (Cap 16) yang kini diganti dengan Enakmen Lembaga Tabung Getah 1981 No. 25. Ses ini digunakan untuk membiayai program latihan dan khidmat nasihat LIGS kepada para pekebun kecil Sabah. Anggaran kutipan ses penyelidikan oleh LIGS pada tahun 2011 adalah RM1 juta.**

ii. **Ses Penanaman Semula**

   **Ses Penanaman Semula dikenakan pada kadar 5% daripada harga getah dengan minimum 4.4 sen/kg (RM44.00/tan) dan maksimum**
   **10 sen/kg (RM 100.00/tan) ke atas semua getah yang di eksport dari Sabah di bawah Ordinan Tabung Tanam Semula Industri Getah 1954 (Sabah Cap. 170). Ses ini digunakan untuk membiayai Program Penanaman Baru Getah dan Penanaman Semula Getah bagi para pekebun kecil di Negeri Sabah. Anggaran kutipan ses penanaman semula oleh LIGS pada tahun 2011 adalah RM5 juta.**

iii. **Ses Getah Mentah** *(Raw Rubber Cess)*

   **Ses ini dikenakan dengan kadar 10% daripada harga jualan SMR20 ke**

**atas semua getah mentah yang dieksport dari Sabah berkuatkuasa pada 30 Ogos 2004 di bawah Enakmen Lembaga Industri Getah (Pindaan) 2004, Seksyen Baru 25A. Anggaran kutipan ses getah mentah oleh LIGS pada tahun 2011 adalah RM415,657.97.**

**Bagi tanaman koko, Sabah mengeluarkan sebanyak 1,754 tan biji koko kering dan Sarawak mengeluarkan 811 tan pada 2011. Anggaran pendapatan dari pengeluaran biji koko kering di Sabah adalah sebanyak RM14.17 juta dan Sarawak sebanyak RM5.33 juta berdasarkan harga purata biji koko kering RM8,081.00 se tan di Sabah dan RM6,577.00 se tan di Sarawak pada tahun 2011. Tiada sebarang cukai yang dikenakan ke atas pengeluaran biji koko.**

**Bagi tanaman lada pula, Sarawak mengeluarkan sebanyak 25,408 tan dengan anggaran pendapatan sebanyak RM 13,939.00 pada tahun 2011, sementara Sabah tidak mengeluarkan komoditi tersebut untuk tujuan komersial. Komoditi ini tidak dikenakan sebarang ses.**

**Selain itu, Kerajaan juga menyediakan peruntukan bagi pembangunan infrastruktur bagi memudahkan pembangunan industri komoditi di kedua- dua negeri. Peruntukan-peruntukan yang telah disediakan adalah :**

a. **Peruntukan bagi pembangunan Industri Kluster Minyak Sawit** *(Palm Oil Industry Cluster-* **POIC) :**
   i. **Lahad Datu, Sabah**
      - **RM80 juta bagi tahun 2012.**

   ii. **Bintulu, Sarawak**
      - **RM27.5 juta bagi tempoh 2006-2010 (RMK-9)**

**iii. Tanjong Manis, Sarawak**

- **RM35.7 juta bagi tempoh 2006-2010 (RMK-9)**
- **RM20 juta bagi tempoh 2011-2015 (RMK-10)**

**b. Pembangunan jalan-jalan pertanian di Sabah dan Sarawak sebanyak RM24.3 juta untuk Sabah dan RM22.2 juta untuk Sarawak bagi tempoh 2011-2012; dan**

**c. Bagi tahun 2012, peruntukan untuk skim bantuan tanam semula dan baru kepada pekebun kecil:**

| KOMODITI | PERUNTUKAN (RM juta) |
|---|---|
| Sawit | 301 |
| Getah | 194.7 |
| Koko | 12.6 |
| Lada | 3.2 |

NO SOALAN :

**PEMBERITAHUAN**
**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,**
**MALAYSIA**

**DARI PADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN**
**(BUKIT BINTANG)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan peruntukan jalan raya dan saliran di bawah MARRIS untuk disalurkan kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan mengapakah sering berlaku lampu jalan tidak menyala pada waktu malam di sekitar Kuala Lumpur.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri adalah disediakan berdasarkan peruntukan di bawah Perkara 109(l)(b) Perlembagaan Persekutuan khusus untuk membantu Kerajaan Negeri menyelenggara jalan-jalan negeri. Oleh kerana Wilayah Persekutuan bukan merupakan sebuah Kerajaan Negeri, peruntukan di bawah pemberian ini tidak disediakan. Sebaliknya, Kerajaan Persekutuan menyediakan geran tahunan kepada Wilayah Persekutuan seperti berikut:**

| Tahun | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 |
|---|---|---|---|---|---|

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Jumlah (RM Juta)** | **62.15** | **53.73** | **92.62** | **102.33** | **99.47** |

**Tujuan geran ini termasuklah untuk membantu membiayai kos penyelenggaraan jalan raya dan saliran di Wilayah Persekutuan.**

**Tuan Yang di-Pertua,**
**Berhubung kejadian lampu jalan tidak menyala pada waktu malam di sekitar Kuala Lumpur, Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) telah memaklumkan bahawa kerja-kerja penyelenggaraan lampu jalan di sekitar Kuala Lumpur adalah menggunakan peruntukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Sebanyak 33 kontraktor telah dilantik untuk menyelenggara lampu-lampu jalan di seluruh Kuala Lumpur bagi tempoh 2 tahun (2010-2012), yang mana telah dibahagikan secara purata 3 kontraktor untuk 1 kawasan Parlimen.**

**Kerja-kerja pemantauan dilakukan sepanjang masa dan kontraktor-kontraktor yang dilantik akan membaiki kerosakan setiap malam. Walau bagaimanapun, kadar vandalisme di sekitar Kuala Lumpur adalah agak tinggi. Banyak kabel di bahagian** *'service door'* **telah dipotong dan dicuri. Sementara itu, terdapat'** *Feeder Pillar'* **dipecah untuk mencuri kabel, termasuk kabel Tenaga Nasional Berhad (TNB), yang dilakukan oleh orang yang tidak bertanggungjawab.**

**Di samping itu, berlaku banyak kerosakan kepada kabel-kabel lampu jalan dan kabel-kabel TNB akibat kerja-kerja pengorekan utiliti yang melibatkan projek-projek pembangunan yang sedang berjalan di Kuala Lumpur. Kerja-kerja pembaikan akibat kerosakan kabel memerlukan sedikit masa untuk disiapkan, terutamanya yang melibatkan kerosakan kabel TNB, kerana ianya di luar bidang kuasa DBKL. Walau bagaimanapun, pihak TNB sentiasa memberi kerjasama untuk mengatasi masalah ini.**

**PEMBERITAHUAN**
**PERTANYAAN DEWAN**
**RAKYAT, MALAYSIA**

NO SOALAN ^53

**DARI PADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah maksud dan tujuan Garis Panduan Amalan Pembiayaan Yang Bertanggungjawab yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan bagaimanakah ia dilaksanakan supaya golongan sasaran tidak tertekan dengan arahan ini.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, Pelaksanaan Garis Panduan Amalan Pembiayaan yang Bertanggungjawab (Garis Panduan) adalah bertujuan untuk memastikan amalan pembiayaan runcit yang berhemat, bertanggungjawab dan telus bagi pihak konsumer dan institusi kewangan dalam usaha memastikan sektor isi rumah dan pasaran kredit yang mapan serta tahap keberhutangan kumulatif isi rumah kekal sejajar dengan kemampuan kewangan sektor tersebut.**

**2. Dalam tempoh sepuluh tahun kebelakangan ini, paras keberhutangan sektor isi rumah di Malaysia meningkat pada kadar purata tahunan 12.5%. Ini mencakupi 76.6% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2011 dan merangkumi 55% daripada jumlah pembiayaan terkumpul oleh sistem perbankan. Oleh yang demikian, Garis Panduan ini merupakan satu daripada langkah awalan komprehensif Bank Negara Malaysia untuk mengelakkan ketidakstabilan kepada sistem kewangan dan ekonomi negara seperti yang berlaku di beberapa buah negara maju.**

**3. Garis Panduan ini bertujuan memastikan produk pembiayaan yang ditawarkan oleh institusi kewangan kepada seseorang individu adaiah**

bersesuaian dengan keperluan pembiayaan dan kemampuan membayar semula pinjaman oleh individu tersebut. Dalam menilai kemampuan seseorang individu untuk membayar semula pinjaman, institusi kewangan perlu mendapatkan maklumat mengenai pendapatan individu tersebut selepas mengambil kira potongan berkanun (contohnya: KWSP dan PCB) dan obligasi pembayaran balik hutang semasa mereka. Ini adalah penting bagi memastikan hutang kumulatif seseorang individu bersesuaian dengan kemampuan mereka untuk membayar balik pinjaman termasuk keupayaan menyerap sebarang kemungkinan pelarasan dalam kos pinjaman dan perubahan dalam pendapatan.

4. Bagi melengkapkan individu dengan pengetahuan kewangan yang sewajarnya agar mereka mampu membuat keputusan secara bertanggungjawab, Bank Negara Malaysia juga telah memperkenalkan program Pengurusan Wang Ringgit Anda atau POWER! Program ini dirumus khas agar konsumer dapat menguruskan kewangan peribadi mereka dengan yakin dan membuat keputusan kewangan dengan berhemat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA** TUAN FONG KUI LUN
[ BUKIT BINTANG ]

**RUJUKAN** 4570

**SOALAN:**

Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan operasi kawalan udara di ibu negara oleh pasukan

helikopter PDRM dari semasa ke semasa, bilangan helikopter dan anggota terlibat dan kos operasi dan hasil operasi

JAWAPAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, operasi kawalan udara di ibu negara dijalankan oleh Pasukan Gerakan Udara PDRM bagi tujuan pemantauan dan pengurusan trafik, penerbangan pencegahan dan pengesanan jenayah secara bersepadu, melakukan eskot udara/pemantauan keselamatan semasa lawatan ketua-ketua delegasi berisiko ataupun semasa persidangan-persidangan atau acara-acara antarabangsa.

Jumlah helikopter yang digunakan adalah bergantung kepada keperluan untuk sesuatu penugasan iaitu sebuah untuk penugasan kepolisan udara dan lebih dari sebuah untuk penugasan yang lebih mencabar. Bilangan krew untuk setiap penerbangan akan melibatkan dua (2) orang juruterbang dan satu (1) orang sebagai pemerhati. Kos operasi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan ialah RM1.898.00 bagi sejam penerbangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, hasil operasi dari penugasan ini telah membantu menurunkan kadar jenayah indeks sebanyak 11.1% dan indeks jalanan sebanyak 39.7% di Bandaraya

Kuala Lumpur pada tahun 2011.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARI PAD A YB TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

SOALAN

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan rancangan untuk mengatasi kesesakan harian yang berlaku di Unit Pesakit Luar Hospital dan Klinik Kerajaan di mana para pesakit terpaksa menunggu lama sebelum rawatan dapat diberikan terutama di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) prihatin dengan keperluan untuk mempertingkatkan tahap perkhidmatan kepada pesakit-pesakit yang menggunakan perkhidmatan di fasiliti KKM. KKM menyedari dalam keadaan tertentu terdapat pesakit-pesakit yang terpaksa menunggu lama bagi mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang berkenaan.

KKM telah mempertingkatkan perkhidmatan di Jabatan Pesakit Luar Am

**hospital dan Klinik Kesihatan di mana, terdapat klinik-klinik yang memanjangkan perkhidmatan di waktu tengah hari dan di sebelah petangnya pula sehingga jam 12 malam. Usaha-usaha ini dilakukan**

**I**

**bertujuan untuk meningkatkan bilangan kemudahan yang menyediakan perkhidmatan kepada pesakit-pesakit.**

**Sejak tahun 2007, waktu bekerja di luar waktu pejabat telah diperkenalkan bagi menangani pertambahan pesakit Jabatan Pesakit Luar dan Klinik Kesihatan terutama bagi kawasan yang berkepadatan tinggi. Data bagi tahun 2011 menunjukkan 86% daripada pesakit mendapat rawatan kurang daripada 30 mini!**

**Tempoh menunggu di Klinik Pakar pula berbeza di antara pelbagai kepakaran, bergantung pada jenis kepakaran dan kompleksiti kes-kes yang dirawat. Kes-kes yang dilihat di Klinik Pakar lazimnya lebih kompleks daripada kes yang dilihat di Jabatan Pesakit Luar, dan perlu mengambil masa yang lebih lama. Di samping itu, pesakit perlu menjalani pelbagai jenis pemeriksaan sebelum bertemu dengan doktor, seperti pemeriksaan** *visual acuity, visual field, blood pressure,* **ECG dan sebagainya, dan ini akan menambah tempoh menunggu bagi pesakit.**

**Untuk mengurangkan kesesakan di Jabatan Pesakit Luar, Klinik Pakar dan Klinik Kesihatan beberapa pendekatan lain diambil seperti berikut:**

i. **Penjadualan temujanji yang lebih sistematik (***staggered appointments)* **di Klinik Pakar dan Klinik Kesihatan, di mana, pesakit-pesakit diberi waktu temujanji mengikut** *block appointment.* **Dengan ini pesakit diminta hadir 30 minit sebelum waktu temujanji masing-masing bagi urusan pendaftaran sebelum diperiksa oleh petugas**

klinik;

ii. Infrastruktur dan Peralatan;

- meningkatkan kemudahan infrastruktur seperti menambah bilik konsultasi untuk rawatan pesakit; dan
- Menambah dan menaiktaraf peralatan di klinik-klinik di seluruh negara bagi mempercepatkan saringan dan ujian dan sekaligus mengurangkan waktu menunggu untuk pemeriksaan doktor.

iii. Tenaga Manusia; dan

- memberi elaun sebanyak RM80.00 sejam untuk Pegawai Perubatan yang bertugas di klinik selepas waktu pejabat untuk menarik minat lebih ramai doktor memberi perkhidmatan.

iv. Memantau waktu menunggu di Jabatan Pesakit Luar Am hospital dan Klinik-klinik Kesihatan melalui e-masa.

**NO SOALAN :5?**

%

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA: Y.B. TUAN FONG KUI LUN**

**(BUKIT BINTANG)**

**PERTANYAAN: BERTULIS**

**Y.B. TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sejauh manakah insentif dan langkah fiskal yang diperkenalkan menerusi Bajet 2012 berjaya mempengaruhi penurunan kos**

**makanan dan perkhidmatan yang membebankan rakyat masa kini.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menitik berat kesejahteraan rakyat dengan memantau rapi perkembangan ekonomi dan inflasi negara. Dalam Bajet 2012, Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah dan strategi untuk menangani bebanan kos hidup dihadapi oleh rakyat.**

2. **Kadar inflasi bagi tahun 2011 telah meningkat 3.2% berbanding 2.2% pada tahun 2010, ekoran daripada kesan harga komoditi global yang tinggi, terutamanya minyak mentah dan makanan yang menyebabkan harga runcit dalam ekonomi terus meningkat. Di samping itu, kesan rasionalisasi subsidi oleh Kerajaan juga telah mempengaruhi harga jualan di peringkat runcit. Bagaimanapun, kadar inflasi negara masih antara yang terendah di kalangan negara Asean dan serantau. Setakat bulan Februari 2012, inflasi telah mencatat 2.2% berbanding 3.4% pada bulan Oktober 2011.**

3. **Sejak pengumuman Bajet 2012, beberapa langkah fiskal untuk mengurangkan beban dan meringankan kos sara hidup rakyat seperti memberi bantuan tunai kepada kumpulan sasaran serta meningkatkan pengeluaran bekalan makanan telah dan sedang diambil. Kerajaan turut memperbanyakkan lagi bilangan Kedai Rakyat IMalaysia, Agro Bazar Kedai Rakyat dan memperluas Menu Rakyat IMalaysia khususnya agar rakyat dapat menikmati pilihan pembelian yang lebih murah berbanding di pasaran.**

4. **Kerajaan juga sedang mengambil langkah-langkah bersepadu bersifat jangka pendek, sederhana dan panjang bagi meningkatkan pengeluaran makanan seperti beras, daging, sayur-sayuran dan buah-buahan melalui Dasar Agro Makanan Negara 2011 hingga 2020.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

5. **Hasil daripada langkah-langkah yang diambil, inflasi khususnya bagi kumpulan Makanan dan minuman bukan alkohol telah mula menunjukkan tren menurun dari 5.7% (Oktober 2011) ke 2.9% (Februari 2012). Kumpulan Restoran dan hotel turut menunjukkan penurunan dari 6.1% (Oktober 2011) kepada 3.7% (Februari 2012).**

6. **Selain kesan menular harga komoditi yang tinggi daripada peringkat antarabangsa**

**ke atas harga pengeluar tempatan, kos makanan dalam negara turut dipengaruhi oleh faktor cuaca dan permintaan semasa musim perayaan serta cuti sekolah. Kerajaan sentiasa memantau pergerakan dan perkembangan harga terkini dan mengambil langkah-langkah yang perlu termasuk aktiviti penguatkuasaan supaya ia tidak menjejaskan kehidupan harian rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah.**

7. **Bagi tujuan membantu rakyat, portal interaktif "IMalaysia Pengguna Bijak" diwujudkan agar rakyat dapat mengikuti perkembangan dan membuat perbandingan harga terkini barangan yang dipantau dan dikemas kini oleh seramai 1300 pegawai pemantau harga. Seterusnya Kerajaan telah menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2010 mulai 1 April 2011 bagi mengekang syarikat atau individu menjual harga barangan atau menawarkan perkhidmatan dengan harga yang tidak munasabah. Di samping itu, Kerajaan telah menyenaraikan beberapa barangan keperluan pengguna sebagai barangan yang dikawal harga. Akta Persaingan 2012 juga telah berkuat kuasa sejak 1 Januari 2012, untuk mengurangkan amalan antipersaingan oleh sebuah atau beberapa buah entiti perniagaan bagi melindungi kepentingan pengguna. Kerajaan juga mengekalkan subsidi sedia**

ada seperti produk petroleum dan barang keperiuan agar harga barang dan perkhidmatan tidak terjejas dan membebankan rakyat.

**Soalan No: 57**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** **BUKAN LISAN**

**DARIPADA** **DATO* HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB (MARAN)**

**TARIKH**

**SOALAN**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha dan tindakan proaktif pihak Kementerian dalam menangani permintaan

perumahan generasi muda di kampung-kampung tradisional terutama di dalam daerah Maran. Dalam jangka masa lima tahun, berapakah bilangan rumah dibina di seluruh negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Dalam tempoh RMKe-9, mulai 2006 sehingga 2010, di bawah PBR, sebanyak 21,668 unit rumah telah dibina di seluruh negara. Pecahan mengikut negeri adalah seperti jadual di bawah.

| NEGERI | JUMLAH KESELURUHAN |
|---|---|
| JOHOR | 1,454 |
| KEDAH | 1,993 |
| KELANTAN | 2,162 |
| MELAKA | 360 |
| N. SEMBILAN | 695 |
| PAHANG | 1,488 |
| PERAK | 2,186 |
| PERLIS | 440 |
| PULAU PINANG | 190 |
| TERENGGANU | 725 |
| SELANGOR | 764 |
| SABAH | 4,956 |
| SARAWAK | 4,207 |
| W. PERSEKUTUAN | 9 |
| PELBAGAI | 39 |
| **JUMLAH** | **21,668** |

JAWAPAN SOALAN PERS1DANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB

[MARAN J

SULIT

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [ MARAN ] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah terdapat sebilangan bakal guru lepasan Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) mengambil masa yang agak lama untuk ditempatkan di sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia setelah tamat pengajian mereka.**

**JAWAPAN**

**Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,**

**Lantikan bagi graduan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) termasuk graduan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) keluaran tahun 2011 lewat diuruskan pelantikan ke sekolah-sekolah disebabkan dasar pembekuan lantikan ke Perkhidmatan Awam pada mulai Julai hingga Disember 2011. Walau bagaimanapun, graduan- graduan tersebut yang berjumlah 5,338 orang sedang ditemu duga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) mulai 31 Jan hingga 16 Mac 2012 untuk dipertimbangkan ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).**

**<u>PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT</u> [ BUKAN LISAN ] <u>SOALAN NO</u>.*Jjtf***

**Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan apakah ada perancangan pihak Kementerian dalam jangka waktu terdekat ini untuk menaik taraf kompleks sukan yang terletak di bandar Maran dan kemudahan-kemudahan sukan yang lain memandangkan terdapat ramai golongan anak muda yang memerlukan kemudahan ini untuk beriadah.**

**<u>JAWAPAN</u>**

**Kementerian Belia dan Sukan belum ada perancangan dalam masa yang terdekat ini untuk menaik taraf kemudahan sukan memandangkan tiada peruntukan untuk kerja-kerja tersebut. Walau bagaimanapun, memandangkan terdapat kegemaran anak-anak muda terhadap sukan futsal, maka pihak Kementerian telah memberikan tumpuan kepada penyediaan gelanggang futsal dengan membina 1,224 buah gelanggang di seluruh negara dalam RMK-9, di mana kawasan Parlimen Maran telah menerima 8 buah gelanggang. Manakala sebanyak 527 buah lagi gelanggang tambahan telah dibina dalam RMK-10 dan 3 buah gelanggang diperuntukkan untuk kawasan Parlimen Maran bagi menggalakkan lagi golongan muda untuk beriadah.**

NO. SOALAN: 60

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** **BUKAN LISAN**

**DARIPADA** **DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN]**

**SOALAN**

**Dato" Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan status terkini pembinaan Hospital Maran di dalam kawasan Parlimen Maran. Apakah ada perancangan tertentu untuk disegerakan pembinaannya memandangkan keperluan mendesak bagi memenuhi keperluan penduduk di daerah ini.**

**Tuan Yang di-Pertua**

**Kementerian ini telah mengemukakan permohonan kepada pihak Unit Kerjasama Awam dan Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri untuk melaksanakan pembinaan Hospital Maran, Pahang secara** *Public-Private Partnership* **pada 2 Mac 2012.** *Statement of Needs* **projek telah dikemukakan kepada pihak UKAS pada 2 Mac 2012 dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri bagi mendapatkan kelulusan secara prinsip. Projek tersebut akan dibina atas tapak seluas 50 ekar di persimpangan Lubuk Paku, Jalan Maran -Temerloh.**

SOALAN NO: 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [ MARAN ]

SOALAN : *Q?*

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan bagaimana pihak Kementerian dapat mengawal pihak media cetak dan elektronik daripada menyiarkan kenyataan-kenyataan yang berbentuk hasutan dan menyentuh peribadi seseorang yang dibuat daripada seorang pemimpin sama ada di pihak Kerajaan atau pembangkang.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) di bawah Seksyen 211 dan 233 serta syarat-syarat lesen yang ditetapkan di bawahnya membolehkan tindakan undang-undang yang sewajarnya diambil terhadap mana-mana stesen penyiaran swasta yang menyebarkan kandungan yang palsu, lucah, melanggar sensiviti mana-mana kaum atau agama dan sekiranya bercangggah dengan nilai dan aspirasi masyarakat Malaysia. Melalui kedua-dua seksyen ini, tindakan penguatkuasaan yang boleh dikenakan sama ada denda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi satu tahun

**atau kedua-duanya.**

**Walau bagaimanapun, menyedari peningkatan penggunaan Internet yang meluas dengan peningkatan kadar penembusan jalur lebar di Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengambil tindakan proaktif untuk mendidik pengguna- pengguna internet mengenai penggunaan internet secara positif. Di samping itu, Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah didaftarkan sebagai satu forum industri untuk mempromosikan kawal selia kendiri di antara penyedia kandungan / penggiat industri dan pengguna-pengguna. Untuk itu, satu Kod Kandungan telah diterbitkan sebagai panduan atau garis panduan dalam menjelaskan piawai kandungan yang baik dan sesuai untuk penggunaan semua rakyat.**

**Selain itu, secara amnya, semua undang-undang Malaysia diterima pakai dalam menangani perlakuan sesuatu kesalahan tanpa mengambil kira perantaraan atau platform yang digunakan. Justeru, kandungan di internet adalah juga tertakluk di bawah peruntukan undang-undang lain seperti Akta Hasutan 1948 dan Kanun Keseksaan. Dalam hal ini, pihak SKMM berkerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain termasuklah Polis DiRaja Malaysia (PDRM).**

NO SOALAN: 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

BUKAN LISAN

DARIPADA DATO' HAJI ISMAIL HAJI MOHAMED SAID

[KUALA KURAU]

SOALAN

Dato Haji Ismail Haji Mohamed Said [ Kuala Kurau ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah Kerajaan bersedia supaya dasar pelupusan pegangan perniagaan bukan teras diperluaskan membabitkan semua syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), syarikat pelaburan (GLIC), anak syarikat agensi Kerajaan, atau Kerajaan Negeri bagi memberi peluang kepada lebih banyak syarikat Bumiputera untuk berkembang bersama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar pelupusan pegangan perniagaan bukan teras telah diperkenalkan oleh Kerajaan selaras dengan peranan Kerajaan didalam perniagaan yang ditekankan didalam Model Ekonomi Baru. Ini adalah untuk membantu kecairan dalam pasaran ekuiti, mengelakkan kesesakan didalam pasaran, mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan serta perlunya untuk membentuk pembangunan ekonomi negara yang baru di masa hadapan.

Pengumuman YAB Perdana Menteri berkenaan pelupusan syarikat-syarikat di bawah Khazanah Nasional dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah satu daripada inisiatif dari dasar tersebut. Keberkesanan dasar ini bergantung kepada mekanisma yang di guna pakai di mana proses

**bidaan yang terbuka serta telus untuk memilih syarikat Bumiputera yang berwibawa, berdaya saing serta mampu melonjakkan syarikat yang diambilalih ke peringkat yang lebih tinggi sahaja yang akan disenarai pendek. Perluasan dasar ini kepada syarikat-syarikat dibawah agensi lain akan ditentukan bersesuaian dengan jenis perniagaan, keupayaan pembida-pembida, nilai syarikat yang bakal dilupuskan serta keperluan untuk pelupusan syarikat-syarikat berkenaan.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** **Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID**

**(KUALA KRAU)**

**PERTANYAAN :** **BERTULIS**

**SOALAN**

**Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [ KUALA KRAU ]**
**minta MENTERI KEWANGAN menyatakan**

**(a) jumlah permohonan yang diterima oleh Kerajaan mengenai Bantuan Rakyat IMalaysia (BR1M) di seluruh negara.; dan**

**(b) setakat ini, berapakah jumlah yang telah berjaya diagih-agihkan kepada golongan yang layak menerima bantuan tersebut.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-P@rtua,

1. Untuk **makluman** Ahli Yang Berhormat, program Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dilaksanakan buat julung kalinya atas usaha Kerajaan yang

bertujuan untuk meringankan beban rakyat Malaysia terutama **keluarga** yang berpendapatan rendah. Bantuan ini diberi secara *one-off* kepada isirumah berpendapatan **RMS,000** dan ke bawah. Sehingga kini, pelaksanaan program BR1M berjalan lancar dan usaha murni Kerajaan ini telah **mendapat** sambutan baik daripada rakyat. Bantuan tunai RM500 bagi setiap isirumah yang layak ini telah dapat membantu **meringankan** beban belanja **harian mereka.** Dalam masa yang sama, pemberian bantuan ini juga dapat merancakkan aktiviti ekonomi domestik.

2. Terdapat **tiga** peringkat dalam pelaksanaan BR1M iaitu peringkat pengedaran borang BR1M dan **pendaftaran;** proses semakan serta validasi; dan peringkat **pengagihan** BR1M. Pengedaran borang serta pendaftaran BR1M **telah bermula 10 Disember 2011 sehingga 10 Februari 2012. Pengedaran dan pendaftaran BR1M telah diadakan di lokasi terpilih bagi memudahkan rakyat mendapatkan borang dan mem buat pendaftaran.**

3. **Kesemua maklumat dalam borang BR1M telah didaftarkan ke dalam sistem BR1M yang berpengkalan di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi menjalani proses semakan dan validasi. Proses validasi dilaksanakan secara menyeluruh dengan semakan bersama data-data dari pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara(JPN), LHDN, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Unit**
**i**
**Penyelarasan Pelaksanaan** (!CU). **Keputusan** berjaya atau **tidak berjaya** telah **diedarkan** melaSui **surat** dan emel bermula 10 **Januari** 2012. **3R1M** telah bermula pada 15 Januari 2012.

4. Untuk maklumam **Ahli** Yang Berhormat, sehingga 15 April 2 pendaftaran BR1M yang fellah diterima adalah sebanyak 4.81 **permohonan.** Penerima yang

berjaya adalah seramai 4.2 **juta** atau hampir 87% daripada keseluruhan permohonan. Jumlah ini adalah **termasuk** kelulusan rayuan. Manakala permohonan yang tidak berjaya adalah seramai 610 ribu atau 13% daripada keseluruhan pemohonan.

ira alasan bagi permohonan yang tidak berjaya adalah **permohonan** yang bertindih (overlapping) atau telah wujud (duplication); **maklumat** pemohon, pasangan dan tanggungan tidak **lengkap;** pendapatan **isirumah melebihi** RMS,000; dan pemohon atau pasangan adalah termasuk dalam **kategori pembayar** cukai pendapatan.

8. Di samping itu, Kerajaan juga bersetuju untuk **melanjutkan** tempoh rayuan BR1M sehingga 30 April 2012 dan **menetapkan** tarikh sahlaku baucar **BR1M** adalah sehingga 15 **Mei** 2012.

7. Untuk **makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian BR1M diberikan kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahu pun latar belakang politik. Tidak wujud soal pilih kasih dalam pengagihan BR1M. Dari segi jumlah kelulusan pengagihan mengikut pecahan negeri; Selangor merupakan negeri penerima tertinggi BR1M iaitu hampir 13% daripada keseluruhan jumlah penerima diseluruh negara. Walau bagaimanapun,**
dari segi **peratusan** isi **rumah** megara, **Kelantan merupakan negeri penerima** BRUM terbanyak iaitu 92% daripada keseluruhan **isirumah** di negeri **tersebut.**

Tuan Yang **di-Pertua,**

8. Sehingga 15 **April** 2012, secara keseluruhannya, program **BR1M** melibatkan peruntukan sebanyak **RM2.1 bilion** dan **memanfaatkan** 4.2 juta

**isirumah** atau 64% daripada jumlah keseluruhan isirumah negara. Peruntukan ini **menggunakan** perbelanjaan **men gurus** B11 Perkhidmatan Ann **Perbendaharaan,** butiran 020500 yang telah diluluskan di Dewan yang **mulia** ini. Perbelanjaan **mengurus Kerajaan** Persekutuan adalah ditampung melalui kutipan **hasil** dan bukanlah daripada sumber pinjaman yang **diwar- warkan oleh sesetengah pihak. Kejayaan program BR1M ini adalah hasil kekukuhan ekonomi negara dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada rakyat.**

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [ KUALA KRAU ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [ KUALA KRAU ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah Kerajaan bercadang membuka program Menu Rakyat 1 Malaysia (MR1M) di kantin-kantin sekolah bagi memastikan pelajar dapat manfaat melalui jualan lebih murah dan berkualiti.**

**JAWAPAN**

**Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,**

**Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedang meneliti konsep Menu Rakyat 1 Malaysia sepertimana dilaksanakan di SK Kulai Jaya (RM1 untuk nasi lemak/mee/nasi goring beserta air dan 1 keping kuih/coco crunch) dan perlu mendapat pandangan pihak berkepentingan seperti Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Kementerian Kesihatan Malaysia, pentadbir sekolah dan pengusaha kantin sekolah.**

## JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [ KUALA KRAU ]**

## JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

## PERTANYAAN BERTULIS

**Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [ KUALA KRAU ] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk menarik balik penggantungan proses kenaikan gred guru berijazah ke gred G41 kepada guru yang telah melepasi proses temuduga.**

## JAWAPAN

**Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,**

**Kerajaan tidak berhasrat untuk menarik balik penggantungan proses kenaikan gred guru berijazah ke gred G41 kepada guru yang telah melepasi proses temuduga. Proses kenaikan gred bagi guru berijazah ke gred DG41 di bawah Sistem saraan Malaysia (SSM) adalah melalui proses temu duga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) dan dilantik berdasarkan kekosongan jawatan.**

**NO SOALAN**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA: Y.B. DATO[1] HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID**
**(KUALA KRAU)**
**PERTANYAAN: BERTULIS**

**Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [ KUALA KRAU ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang memperluaskan Skim Amanah Rakyat IMalaysia (SARA) kepada rakyat yang berpendapatan isi rumah RM3,000.00 ke atas.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Skim Amanah Rakyat IMalaysia (SARA) merupakan suatu skim khas yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia bertujuan untuk menambah pendapatan boleh guna golongan berpendapatan rendah. Di samping itu, skim ini juga diharap dapat menggalakkan penyertaan golongan ini untuk menabung dan melabur sebagai jaminan masa depan mereka.**

**Dalam pelaksanaan SARA, Kerajaan telah mensasarkan 100,000 isi rumah yang berpendapatan antara RM500 hingga RM3,000 sebulan kerana golongan ini merupakan golongan yang terjejas teruk berikutan keadaan ekonomi semasa yang tidak menentu yang telah menyebabkan kenaikan kos sara hidup semasa. Melalui skim ini, Kerajaan berharap agar insentif yang diberikan setiap bulan kepada peserta dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh golongan ini dalam meneruskan kehidupan seharian mereka.**

Oleh itu, Kerajaan tidak bercadang untuk memperluas skim ini kepada rakyat yang berpendapatan melebihi RM3,000 sebulan.

/y/o^£©A<~A*->; £ 7?,
-MQ-~~AUfVS :~G8—~~

Mfl AMD •
*gVT'Y1"I▮ n m

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN KULASEGARAN *A/L* MURUGESON**
**[ IPOH BARAT ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 4572**

**SOALAN :**

**Tuan Kulasegaran *A/L* Murugeson [ Ipoh Barat ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan**

**(a) berapakah jumlah warga asing yang ditahan oleh pihak Imigresen dan di depot tahanan dalam tempoh lima tahun sehingga tahun lepas. Berapakah kos yang telah ditanggung untuk warga asing tersebut; dan**

**(b) apakah tindakan yang akan diambil sekiranya warganegara asing tidak mampu untuk kembali ke negara asal.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.**

**(a) Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, jumlah tahanan warganegara asing bagi tempoh lima (5) tahun lepas dari tahun 2007 sehingga 2011 ialah seramai 271, 813 orang manakala kos yang ditanggung oleh kerajaan dari tahun 2007 hingga 2011 bagi warganegara asing yang berada di depot- depot tahanan ialah sebanyak RM 116,858,622.00.**

**(b) Kerajaan membelanjakan sejumlah RM 44,653,059.00 dari tahun 2007 hingga 2011 untuk menghantar/mengusir warganegara asing yang tidak mampu kembali ke Negara asal.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARI PAD A : Y.B. TUAN M. KULASEGARAN**
**(IPOH BARAT)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah jumlah wanga asing yang didakwa mengedar dadah ke Malaysia telah ditahan di KLIA dalam tempoh tiga tahun yang lepas sehingga 31 Disember 2011 dan sila senaraikan jenis dadah yang telah disita dan dari mana dadah tersebut diseludup.**

NO SOALAN :68

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sepanjang tahun 2009 sehingga 2011 telah menahan seramai 87 orang warganegara asing kerana kesalahan cuba menyeludup dadah di Lapangan Terbang Antarabangsa (LTA) Kuala Lumpur. Pecahan jumlah warganegara asing yang ditahan sepanjang tempoh tersebut seperti berikut:**

| Bil | Tahun | Jumlah Warganegara Asing Yang Ditahan |
|---|---|---|
| 1 | 2009 | 21 orang |
| 2 | 2010 | 38 orang |
| 3 | 2011 | 28 orang |

**Sepanjang tempoh 2009-2011, pihak JKDM juga telah merampas pelbagai jenis dadah yang cuba diseludup seperti syabu, heroin, pil eramin, pil** *ecstacy,* **ketamin dan ganja dengan nilai rampasan dadah bagi tempoh tersebut berjumlah RM124.72 juta.**

**Pihak Jabatan tidak mempunyai maklumat dari mana dadah tersebut diseludup. Walau bagaimanapun, warganegara yang ditahan terdiri daripada negara Iran, India, Jepun, Pakistan, Nigeria, Republik of Guinee, Uzbekistan, Cyprus, Sierra Leone, Vietnam, Sweden, Kemboja dan Azerbaijan.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **BUKAN LISAN**

**DARIPADA** **Y.B. TUAN KULASEGARAN *AIL* MURUGESON**

**SOALAN 69**

**TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah warga asing yang didakwa menyeludup dan diberi peluang untuk mengupah peguam semasa sesi perbicaraan di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan sejak lima tahun lalu. Adakah Badan Kehakiman memberi sokongan sah kepada warga asing yang didakwa dengan hukuman mati.**

**JAWAPAN :** **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk tempoh dari tahun 2007 hingga Mac 2012, terdapat sebanyak 49 kes di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang melibatkan warga asing telah didaftarkan di Mahkamah Persekutuan. Manakala di Mahkamah Rayuan pula sebanyak 198 kes di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 telah didaftarkan melibatkan warga asing.**

**Daripada jumlah tersebut, di Mahkamah Persekutuan hanya 18 kes sahaja di mana Mahkamah telah melantik peguam bagi mewakili Perayu yang tidak diwakili peguam selaras dengan peruntukkan Kaedah 96 Kaedah- Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995.**

**Peruntukkan undang-undang adalah jelas bahawa setiap pesalah yang melakukan kesalahan yang melibatkan hukuman mati adalah berhak untuk melantik peguam oleh Mahkamah tanpa mengira sama ada pesalah tersebut adalah warganegara atau bukan warganegara.**

**Mahkamah juga telah mengeluarkan satu Arahan Amalan Bil. 3 Tahun 2010 bertajuk Garis Panduan Dan Tanggungjawab Peguam-Peguam Yang Dilantik Oleh Mahkamah Bagi Kes-Kes Kesalahan Hukuman Mati. Arahan amalan ini antara lain telah menyatakan syarat pelantikan dan kelayakan seseorang peguam sebelum dilantik menjadi Peguam Lantikan Mahkamah bagi mewakili tertuduh/perayu di dalam kes yang melibatkan hukuman mati dan tidak diwakili oleh peguam.**

**Sehubungan itu, Mahkamah tetap akan melantik peguam untuk mana- mana tertuduh/perayu yang tidak diwakili peguam bagi kes yang melibatkan hukuman mati tanpa mengambil kira status kewarganegaraannya.**

**Sekian, terima kasih.**

KIO- SokLM :
"~~NO AUM~~ : ~~71~~
MO A 1 I
NU Aur r

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

Jawapan:

**DARIPADA : TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON**

**[ IPOH BARAT ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 4574**

**SOALAN :**

**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ ipoh Barat ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah bilangan banduan reman dan banduan sabit yang telah ditahan dan dipenjarakan oleh pihak berkuasa di seluruh Malaysia sejak lima tahun yang lalu sehingga 31 Disember tahun lepas.**

**Berdasarkan statistik Jabatan Penjara sejak lima tahun lalu iaitu dari tahun 2006 sehingga 31 Disember 2011 menunjukkan jumlah banduan reman yang ditahan di penjara adalah seramai 295,475 orang. Manakala dalam tempoh yang sama, jumlah banduan sabitan** *(convicted)* **adalah seramai 371,700 orang.**

**NO. SOALAN: 71**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARI PAD A Y.B TUAN KULASEGARAN *AIL* MURUGESON**

**(IPOH BARAT)**

**SOALAN**

**TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [IPOH BARAT] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai jenayah-jenayah serius yang telah didaftarkan di Mahkamah Ipoh, Shah Alam, Johor Baru, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Mahkamah Tinggi yang lain yang dilakukan oleh kanak-kanak dalam tempoh tiga tahun yang lalu sehingga sekarang. Adakah kerajaan akan mengkaji semula program-program pemulihan atau melancarkan program-program pemulihan yang baru.**

**JAWAPAN** **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara jenis kes yang dikategorikan sebagai serius di Mahkamah Tinggi adalah terdiri daripada kes bunuh di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan, kes pengedaran dadah di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya dan kesalahan-kesalahan di bawah**

**Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat). Sejak tahun 2009 dan setakat 29 Januari 2012, jumlah kes yang melibatkan kanak-kanak dalam jenayah-jenayah serius yang telah didaftarkan di Mahkamah Ipoh, Shah Alam, Johor Bahru, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Mahkamah Tinggi yang lain adalah sebanyak 34 kes. Senarai jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di Lampiran A.**

**Untuk makluman lanjut Ahli Yang Berhormat, menurut peruntukan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) adalah bertanggungjawab untuk memberi pemulihan dan penjagaan kepada kanak-kanak yang didapati memerlukannya seperti yang termaktub dalam Akta Kanak-Kanak 2001. Program utama yang menjadi fokus di institusi ini adalah modifikasi tingkahlaku di mana tumpuan akan diberi kepada kesedaran dan pembinaan jati diri melalui program dan aktiviti yang dijalankan samada diperingkat institusi mahu pun diluar bersama komuniti dan masyarakat.**

**Di samping itu penghuni perlu dilengkapkan dengan program kemahiran dan pengetahuan sepanjang berada di institusi yang telah disediakan oleh**

**Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya proses pengintegrasian semula dalam masyarakat akan menjadi lebih mudah. Antara program kemahiran yang dijalankan di institusi adalah kelas bahasa, kelas pertanian/ternakan, bengkel motor mekanik, bengkel hawa dingin dan peti sejuk, bengkel tukang kayu dan perabot, bengkel letrik, bengkel radio dan televisyen, bengkel tukang jahit, bengkel landskap, kelas ICT, bengkel binaan plumbing dan cat, kelas masakan/bengkel roti dan bengkel kraftangan.**

**JKM tiada mempunyai perancangan untuk melancarkan program-program pemulihan yang baru buat masa ini namun begitu program yang sedia ada sentiasa akan dinilai keberkesanannya dari masa ke semasa supaya tidak tersasar dan mencapai objektif yang telah ditetapkan. JKM bersedia menerima cadangan atau idea baru yang boleh membantu dalam proses pemulihan kanak-kanak ini.**

**Sekian, terima kasih.**

**LAM PI RAN A**

**Tahun 2011**

| Negeri | Jenis Kes | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | 39B ADB | 302 KK | SENJATA API | LAIN-LAIN | |
| Johor | Tiada | | | | 0 |
| Kedah | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 |
| Kelantan | Tiada | | | | 0 |
| Melaka | Tiada | | | | 0 |
| Negeri Sembilan | Tiada | | | | 0 |
| Pahang | Tiada | | | | 0 |
| Pulau Pinang | Tiada | | | | 0 |
| Perak | Tiada | | | | 0 |
| Perlis | Tiada | | | | 0 |
| Selangor | 5 | 1 | 0 | 0 | 6 |
| Terengganu | Tiada | | | | 0 |
| Sabah | Tiada | | | | 0 |
| Sarawak | 0 | 0 | 0 | 11 | 1 |
| WPKL | Tiada | | | | 0 |
| Jumlah | 5 | 2 | 0 | 1* | 8 |

1Kes di bawah Akta Penculikan 1960

| Negeri | Jenis Kes | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | 39B ADB | 302 KK | SENJATAAPI | LAIN-LAIN | |
| Johor | Tiada | | | | 0 |
| Kedah | Tiada | | | | 0 |
| Kelantan | Tiada | | | | 0 |
| Melaka | Tiada | | | | 0 |
| Negeri Sembilan | Tiada | | | | 0 |
| Pahang | Tiada | | | | 0 |
| Pulau Pinang | Tiada | | | | 0 |
| Perak | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 |
| Perlis | Tiada | | | | 0 |
| Selangor | 1 | 5 | 0 | 0 | 6 |
| Terengganu | Tiada | | | | 0 |
| Sabah | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 |
| Sarawak | 0 | 3 | 0 | 0 | 3 |
| WPKL | Tiada | | | | 0 |
| Jumlah | 1 | 10 | 0 | 0 | 11 |

| Negeri | Jenis Kes | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | 39B ADB | 302 KK | SENJATA API | LAIN-LAIN | |
| Johor | 0 | 2 | 0 | 0 | 2 |
| Kedah | Tiada | | | | 0 |
| Kelantan | Tiada | | | | 0 |
| Melaka | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 |
| Negeri Sembilan | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 |
| Pahang | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 |
| Pulau Pinang | 0 | 2 | 0 | 0 | 2 |
| Perak | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 |
| Perlis | Tiada | | | | 0 |
| Selangor | 4 | 2 | 0 | 0 | 6 |
| Terengganu | Tiada | | | | 0 |
| Sabah | Tiada | | | | 0 |
| Sarawak | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 |
| WPKL | Tiada | | | | 0 |
| Jumlah | 4 | 11 | 0 | 0 | 15 |

NO. SOALAN:

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ]**

**SOALAN : Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah yang dibayar kepada CEO PEMANDU, Idris Jala setahun, gaji Pengarah PEMANDU setahun dan nyatakan apakah jumlah belanjawan untuk PEMANDU bagi tahun 2012.**

**JAWAPAN : (oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)**

**Soalan no. 73 dan no. 74 adalah dijawab bersama kerana merujuk kepada**

**perkara yang sama.**

**Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PEMANDU, YB Senator Dato' Sri Idris Jala adalah juga seorang Menteri. Justeru itu, emolumen beliau adalah sama dengan emolumen menteri yang lain, mengikut jadual yang sedia ada.**

**Gaji dan elaun pengarah-pengarah PEMANDU adalah di dalam kurungan JUSA C dan JUSA B dengan tambahan** *'premium'* **sebanyak lebih kurang 20 peratus di atasnya, oleh kerana pegawai PEMANDU diupah dengan kontrak jangka pendek sebanyak 2 atau 3 tahun sahaja yang membawa kepada risiko jaminan pekerjaan yang tinggi. Begitu juga bagi pegawai-pegawai PEMANDU yang lain seperti penolong pengarah, penganalisa dan sebagainya. Kakitangan PEMANDU dilantik dari kalangan penjawat awam dan pegawai dari syarikat-syarikat milik Kerajaan (GLC) secara pinjaman dan penjawat sektor swasta secara kontrak.**

**Anggaran bagi perbelanjaan operasi PEMANDU bagi tahun 2012 untuk pelaksanaan GTP dan ETP adalah sebanyak RM40 juta. Peruntukan ini akan digunakan bagi tujuan emolumen, bekalan ataupun perkhidmatan dan aset. Emolumen yang diperuntukkan adalah bagi 123 kakitangan dalam PEMANDU, bersama dengan 12 kakitangan bagi Pejabat Menteri. Bekalan ataupun Perkhidmatan termasuk bayaran perkhidmatan profesional untuk menjalankan makmal,**

penerbitan buku, penggunaan media dan komunikasi bagi program GTP dan ETP. Aset adalah terdiri daripada komputer dan peralatan pejabat.

NO.

SOALAN: PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur]

SOALAN Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai jumlah staf yang digaji oleh PEMANDU mengikut tugas mereka masing-masing, contohnya: CEO, Pengarah, Penolong Pengarah, Penganalisa, dan lain-lain bersama-sama dengan pendapatan/elaun mereka.

JAWAPAN : (oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Soalan no. 73 dan no. 74 adalah dijawab bersama kerana merujuk kepada perkara yang sama.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PEMANDU, YB Senator Dato' Sri Idris Jala adalah juga seorang Menteri. Justeru itu, emolumen beliau adalah sama dengan emolumen menteri yang lain, mengikut jadual yang sedia ada.

Gaji danelaun pengarah-pengarah PEMANDU adalah di dalam kurungan JUSA C dan JUSA B dengan tambahan *'premium'* sebanyak lebih kurang 20 peratus di atasnya, oleh kerana pegawai PEMANDU diupah dengan kontrak jangka pendek sebanyak 2 atau 3 tahun sahaja yang membawa kepada risiko jaminan pekerjaan yang tinggi. Begitu juga bagi pegawai-pegawai PEMANDU yang lain seperti penolong pengarah, penganalisa dan sebagainya. Kakitangan PEMANDU dilantik dari kalangan penjawat awam dan pegawai dari syarikat-syarikat milik Kerajaan (GLC) secara pinjaman dan penjawat sektor swasta secara kontrak.

Anggaran bagi perbelanjaan operasi PEMANDU bagi tahun 2012 untuk

**pelaksanaan GTP dan ETP adalah sebanyak RM40 juta. Peruntukan ini akan digunakan bagi tujuan emolumen, bekalan ataupun perkhidmatan dan aset.**

**Emolumen yang diperuntukkan adalah bagi 123 kakitangan dalam PEMANDU, bersama dengan 12 kakitangan bagi Pejabat Menteri. Bekalan ataupun Perkhidmatan termasuk bayaran perkhidmatan profesional untuk menjalankan makmal, penerbitan buku, penggunaan media dan komunikasi bagi program GTP dan ETP. Aset adalah terdiri daripada komputer dan peralatan pejabat.**

**NO. SOALAN: 74**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ IPOH TIMUR ]**

**SOALAN**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah pembiayaan awam yang telah dijanjikan/diagihkan kepada setiap EPP yang telah diumumkan sehingga kini dalam** *update* **ETP.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Jika terdapat unsur pembiayaan dana awam, ia adalah dalam bentuk** *facilitation fund* **di bawah bidang kuasa Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) iaitu untuk bantuan dalam pembinaan utiliti seperti jalan raya, jambatan, bekalan air, elektrik dan lain-lain lagi. Jumlah pembiayaan awam yang diperlukan untuk utiliti tersebut merangkumi bahagian kecil jumlah pelaburan komited oleh pihak swasta untuk**

meneruskan projek. Pembiayaan awam adalah melalui syarat yang ketat dan dibuat selepas penilaian yang menyeluruh oleh pakar-pakar industri di bawah UKAS.

Pendekatan yang dilaksanakan untuk ETP bagi permintaan pemangkin seperti utiliti oleh sektor swasta adalah dengan syarat bahawa pemangkin tersebut terikat kepada pemacu ekonomi yang tertentu untuk memastikan impak yang maksimum bagi setiap projek dan mengurangkan sebarang pembaziran dari segi muatan yang tidak digunakan.

Terdapat proses pemantauan berterusan bagi permohonan dan kelulusan pada setiap fasa dan peringkat bagi projek di bawah ETP. Kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan bersama PEMANDU akan memastikan bahawa Kerajaan memainkan peranan pemudah cara bagi projek-projek ETP dan tidak mengecuaikan mana-mana keperluan yang perlu dipatuhi oleh sektor swasta. PEMANDU tidak memberikan jaminan bagi projek-projek pihak swasta dan pihak swasta perlu menyelesaikan masalah tersendiri. PEMANDU akan berfungsi sebagai pemudah cara untuk memastikan halangan-halangan seperti halangan birokrasi yang dikenalpastikan dapat disingkirkan.

**NO. SOALAN: 75**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ IPOH TIMUR ]**

**SOALAN**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta PERDANA MENTERI menyatakan statistik berikut untuk setiap EPP yang diumumkan sehingga kini: pelaburan GNI, jumlah kerja baru yang diramalkan, sumbangan GNI tambahan, negeri di mana setiap EPP ditempatkan.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Secara kesuluruhannya, prestasi ETP bagi tahun 2011 amat menggalakkan dengan pencapaian GNI sebanyak RM830 billion berbanding dengan sasaran RM797 billion. Pelaburan sektor swasta juga berjaya mencapai RM94 billion berbanding dengan sasaran RM83 billion.**

**Butir-butir terperinci bagi EPP yang berada di bawah ETP akan diterbitkan dalam Laporan Tahunan 2011 dengan angka-angka yang disahkan oleh Pricewaterhouse Coopers (PwC). Seperti Laporan Tahunan yang lalu, Laporan Tahunan 2011 juga akan disertakan dengan maklum balas daripada** *International Performance Review (IPR) Panel* **yang akan membuat kajian bebas akan prestasi ETP dan GTP.**

*i*

**Penilaian pencapaian bagi tahun 2011 akan diumumkan tidak lama lagi.**

**Tambahan pula, penunjuk makroekonomi menunjukkan bahawa keyakinan sektor swasta dalam ekonomi adalah tinggi. Ini dapat dilihat dalam peningkatan pelaburan sektor swasta sebanyak 19.4 peratus dari 2010 kepada RM94 billion pada tahun 2011. Terdapat juga peningkatan dalam FDI sebanyak 12.3 peratus kepada RM 32.9 billion pada tahun 2011 berbanding tahun sebelumnya. Ini disokong oleh organisasi penyelidikan bebas antarabangsa, A.T. Kearney dalam penerbitan** *FDI Confidence Index 2012* **yang menyaksikan Malaysia meningkat ke nombor 10 pada tahun 2012 di mana Malaysia naik dari nombor 20 pada tahun 2010.**

**Daya saing Malaysia juga telah melihat peningkatan melalui laporan tahunan oleh** *World Economic Forum* **melalui laporan** *Global Competitiveness Report 2011.* **Bagi tahun 2011, Malaysia telah dapat peningkatan kepada kedudukan 21 berbanding dengan tahun sebelumnya di mana Malaysia berada di kedudukan 26. Ini telah meletakkan Malaysia di tempat 21 daripada 142 negara lain. Malaysia juga menduduki tempat ke-6 di rantau Asia Pasifik dan akhirnya menduduki tempat ke-2 di rantau ASEAN.**

**NO. SOALAN: 76**

**<u>PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT</u> PERTANYAAN :**

**BUKAN LISAN DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ IPOH TIMUR ]**

**SOALAN**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta PERDANA MENTERI menyatakan laporan terkini status terbaru semua EPP yang telah diumumkan setakat ini.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Secara kesuluruhannya, prestasi ETP bagi tahun 2011 amat menggalakkan dengan pencapaian GNI sebanyak RM830 billion berbanding dengan sasaran RM797 billion. Pelaburan sektor swasta juga berjaya mencapai RM94 billion berbanding dengan sasaran RM83 billion.**

**Butir-butir terperinci bagi EPP yang berada di bawah payung ETP akan diterbitkan dalam Laporan Tahunan 2011 dengan angka-angka yang disahkan oleh Pricewaterhouse Coopers (PwC). Seperti Laporan Tahunan yang lalu, Laporan Tahunan ini juga akan diiringi dengan maklum balas daripada 'International Performance Review (IPR) Panel' yang akan membuat kajian bebas akan prestasi ETP dan GTP.**

**Penilaian pencapaian bagi tahun 2011 akan diumumkan tidak lama lagi.**

**Tambahan pula, penunjuk makroekonomi menunjukkan bahawa keyakinan sektor swasta dalam ekonomi adalah tinggi. Ini dapat dilihat dalam peningkatan pelaburan sektor swasta sebanyak 19.4 peratus dari 2010 kepada RM 94 billion pada tahun 2011. Terdapat juga peningkatan dalam FDI sebanyak 12.3 peratus kepada RM 32.9 billion pada tahun 2011 berbanding tahun sebelumnya. Ini disokong oleh organisasi**

*i*

**penyelidikan bebas antarabangsa, A.T. Kearney dalam penerbitan** *FDI Confidence Index 2012* **yang menyaksikan Malaysia meningkat ke nombor 10 pada tahun 2012 di mana Malaysia naik dari nombor 20 pada tahun 2010.**

**Daya saing Malaysia juga telah melihat peningkatan melalui laporan tahunan oleh ‘World Economic Forum’ melalui laporan ‘Global Competitiveness Report 2011’. Bagi tahun 2011, Malaysia telah dapat peningkatan kepada kedudukan 21 berbanding dengan tahun sebelumnya di mana Malaysia berada di kedudukan 26. Ini telah meletakkan Malaysia di tempat 21 daripada 142 negara lain. Malaysia juga menduduki tempat ke-6 di rantau Asia Pasifik dan akhirnya menduduki tempat ke-2 di rantau ASEAN.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT [ BUKAN LISAN ]**

**SOALAN NO**

**Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom ] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan apakah bantuan Kerajaan dalam membantu sukan menembak negara yang semakin menyerlah terutama menjelang Sukan Olimpik yang diadakan di London, Julai depan.**

**JAWAPAN**

1. **Bantuan telah diberikan dalam bentuk elaun latihan atlet, bantuan kejurulatihan, bantuan peralatan sukan, latihan dan pertandingan di dalam dan luar negara, bantuan pegawai teknikal dan kepengadilan, bantuan pengelolaan kejohanan, perkhidmatan sains dan perubatan sukan serta bantuan pengurusan persatuan.**

2. **Atlet-atlet sukan Menembak yang cemerlang di Sukan Komanwel New Delhi dan Sukan Asia Guangzhou 2010 yang lalu iaitu Nur Suryani Mohd Taibi dan Nur Ayuni Farhana Abdul Halim dalam acara Rifle, Hasli Izwan Amir, Hafiz Adzha dan Bibiana Ng Pei Chin dalam acara Pistol telah diserapkan ke dalam Program Road To London 2012 sejak bulan Januari 2011. Atlet-atlet ini telah mengharungi 3 Sirkit Piala Dunia iaitu di Korea Selatan, Jerman dan Amerika Syarikat dan satu Kejohanan Asia di Doha Qatar yang merupakan kejohanan kelayakan ke temasya Sukan Olimpik London 2012. Walau bagaimanapun, hanya Nur Suryani Mohd Taibi telah berjaya layak**

secara merit ke temasya Sukan Olimpik London 2012 apabila berjaya menduduki ranking ke 5 dalam acara 10m Air Rifle wanita dengan pungutan mata 397/400 di Kejohanan Menembak Asia di Doha, Qatar pada 11 hingga 22 Januari 2012.

3. Justeru, tumpuan kini diberikan kepada penembak Nur Suryani Mohd Taibi yang akan menjalani latihan intensif di Langkawi dan akan menyertai 3 kejohanan menembak Piala Dunia iaitu Kejohanan Piala Dunia di London (17 hingga 29 April 2012), Itali (13 hingga 21 Mei 2012) dan Jerman (21 hingga 28 Mei 2012) sebagai persiapan menjelang temasya Sukan Olimpik London pada bulan Julai 2012.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk membina sebuah sekolah menengah di Melalap berikutan pertambahan murid di daerah Tenom.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyedari keperluan pertambahan murid dan memerlukan sebuah sekolah menengah baharu di daerah Tenom, Sabah. Walau bagaimanapun buat masa ini Jabatan Pelajaran Negeri Sabah sedang dalam proses untuk perolehan tapak di kawasan tersebut. Dalam usaha menangani masalah pertambahan murid di kawasan berkenaan, KPM akan mengemukakan keperluan bagi membina bilik

**darjah tambahan di SMK Tenom dalam *Rolling Plan* Ke-3, RMKe-10 untuk pertimbangan dan kelulusan pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE).**

Soalan No: 79

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** **BUKAN LISAN**

**DARIPADA** **DATUK RAIME BIN UNGGI (TENOM)**

**TARIKH**

**SOALAN**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan setakat ini berapakah jumlah projek bagi Program Bantuan Rumah (PBR) di kawasan P181 Tenom.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi sepanjang pelaksanaan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk tempoh 2010-2013, Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah telah/sedang melaksanakan sejumlah 150 unit projek bina baru dengan kos sebanyak

RM6.4 juta. Pecahan bilangan projek mengikut tahun adalah seperti berikut:-

| BIL | TAHUN | BIL. PROJEK | KOS (RM) |
|---|---|---|---|
| 1. | 2010 | 50 | 2,000,000.00 |
| 2. | 2011 | 60 | 2,400,000.00 |
| 3. | 2012 | 40 | 2,000,000.00 |

**Soalan No: 80**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**DARIPADADATUK RAIME BIN UNGGI (TENOM)**

**TARIKH**

**SOALAN**

Minta **MENTERI KEMA3UAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sepanjang 5 tahun terkini apakah program-program yang telah dan bakal dirancang bagi

Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) di kawasan P181 Tenom.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) sentiasa berusaha untuk menaik taraf hidup penduduk miskin dan sekali gus membasmi kemiskinan tegar di kawasan luar bandar. Tumpuan khusus diberi kepada usaha **memperbaiki kualiti hidup** melalui pelaksanaan Program Bantuan Rumah (PBR).

Program Bantuan Rumah (PBR) bertujuan untuk menyediakan kemudahan tempat tinggal yang lebih selesa dan selamat untuk golongan tersebut. Bagi memastikan usaha meningkatkan taraf dan kualiti hidup golongan miskin tegar khususnya di Parlimen Tenom, sebanyak RM6.4 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan 150 unit

projek bina baru PBR di bawah

NKRA (2010 - 2012), yang memberi manfaat kepada 750 orang penduduk kawasan Parlimen Tenom.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]**

**SOALAN**

**Datuk Ralme Bin Unggi [Tenom] minta PERDANA MENTERI menyatakan status pelaksanaan projek-projek pembangunan di Kawasan P181 Tenom seperti dalam bidang kesihatan, ekonomi, bekalan air bersih, bekalan elektrik dan sebagainya.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Terdapat 32 projek di bawah Parlimen Tenom, Sabah. Status pelaksanaan bagi projek- projek tersebut yang dikategorikan di bawah sektor-sektor utama adalah seperti berikut:**

| Sektor | Dalam Jadual | Ikut Jadual | Sudah Siap |
|---|---|---|---|
| Ekonomi | 1 | 6 | 2 |
| Sosial | 1 | 4 | 17 |
| Keselamatan | - | 1 | - |

- **Sektor Ekonomi - 1 projek berstatus Dahulu Jadual (DJ), 6 projek**

berstatus ikut jadual (IJ), 2 projek berstatus sudah siap (SS);

- Sektor Sosial - 1 projek berstatus DJ, 4 projek berstatus IJ, 17 projek SS; dan
- Sektor Keselamatan - 1 projek berstatus IJ.

**Perincian projek berserta status adalah seperti di Lampiran I.**

**LAMPIRAN I**

**SENARAI PROJEK PARLIMEN TENOM, SABAH**

| BIL | | SEKTOR UTAMA | BIDANG | NAMA PROJEK | STATUS KEMAJUAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah | Ekonomi | Pengangkutan | Jalan Pejabat Daerah Bypass, Tenom, Sabah | DJ |
| 2 | Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah | Ekonomi | Pengangkutan | Jalan Dispensari, Tenom, Sabah | SS |
| 3 | Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah | Ekonomi | Pengangkutan | Jalan Kerolok, Tenom, Sabah | IJ |
| 4 | Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah | Ekonomi | Pengangkutan | Jalan SK Gumisi, Tenom, Sabah | IJ |
| 5 | Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah | Ekonomi | Pengangkutan | Jalan Magunsop, Tenom, Sabah | IJ |
| 6 | Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah | Ekonomi | Pengangkutan | Jalan Kemabong - Marrais, Tenom, Sabah | IJ |
| 7 | Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani | Ekonomi | Pertanian | Penyelidikan Tanaman Makanan Tanah Pamah | IJ |
| 8 | Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar | Ekonomi | Alam Sekitar | Rancangan Tebatan Banjir Tenom | SS |
| 9 | Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air | Ekonomi | Tenaga dan Kemudahan Awam | Menaiktaraf Keupayaan Stesen Janakuasa Hidro Tenom Pangi | IJ |
| 10 | Kementerian Belia dan Sukan | Sosial | Kebudayaan | Gelanggang Futsal IMalaysia - Tenom | IJ |

| BIL | | SEKTOR UTAMA | BIDANG | NAMA PROJEK | STATUS KEMAJUAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 11 | Kementerian Kesihatan | Sosial | Kesihatan | Membina Bangunan Jabatan Kecemasan Dan Dewan Bedah Hospital Tenom | DJ |
| 12 | Kementerian Kesihatan | Sosial | Kesihatan | Kuarters Hospital Tenom | SS |
| 13 | Kementerian Pelajaran Malaysia | Sosial | Pendidikan | Pembayaran Akaun Muktamad Sekolah Kebangsaan Batu Tiningkang,Tenom, Sabah | SS |
| 14 | Kementerian Pelajaran Malaysia | Sosial | Pendidikan | Pembayaran Akaun Muktamad Sekolah Kebangsaan Kolorok, Tenom, Sabah | SS |
| 15 | Kementerian Pelajaran Malaysia | Sosial | Pendidikan | Pembayaran Akaun Muktamad Sekolah Kebangsaan Gumisi, Tenom, Sabah | SS |
| 16 | Kementerian Pelajaran Malaysia | Sosial | Pendidikan | Pembayaran Akaun Muktamad Sekolah Kebangsaan Kemabong, Tenom, Sabah | SS |
| 17 | Kementerian Pelajaran Malaysia | Sosial | Pendidikan | Pembinaan 1 Kelas Prasekolah Sekolah Kebangsaan Pangalat, Tenom | IJ |
| 18 | Kementerian Pelajaran Malaysia | Sosial | Pendidikan | Pembinaan 1 Kelas Prasekolah Sekolah Kebangsaan Simpang, Tenom | IJ |
| 19 | Kementerian Pelajaran Malaysia | Sosial | Pendidikan | Pembinaan 1 Kelas Prasekolah Di Bawah Sub NKRA Prasekolah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Tsi Sin, Tenom | IJ |
| 20 | Kementerian Pelajaran Malaysia | Sosial | Pendidikan | Pembayaran Akaun Muktamad Sekolah Kebangsaan Kuala Tomani,Tenom,Sabah | SS |

| BIL | | SEKTOR UTAMA | BIDANG | NAMA PROJEK | STATUS KEMAJUAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 21 | Kementerian Pelajaran Malaysia | Sosial | Pendidikan | Pembayaran Akaun Muktamad Sekolah Kebangsaan Mandalom Lama,Tenom,Sabah | SS |
| 22 | Kementerian Pelajaran Malaysia | Sosial | Pendidikan | Pembinaan Bangunan 6 Bilik Darjah Konsep Kabin Di Sekolah Kebangsaan Pangi, Tenom, Sabah | SS |
| 23 | Kementerian Pelajaran Malaysia | Sosial | Pendidikan | Pembayaran Akaun Muktamad Sekolah Kebangsaan Pulong,Tenom,Sabah | SS |
| 24 | Kementerian Pelajaran Malaysia | Sosial | Pendidikan | Pembayaran Akaun Muktamad Sekolah Kebangsaan Sungai Api,Tenom,Sabah | SS |
| 25 | Kementerian Pelajaran Malaysia | Sosial | Pendidikan | Pembayaran Akaun Muktamad Sekolah Kebangsaan Paguokon, Tenom, Sabah | SS |
| 26 | Kementerian Pelajaran Malaysia | Sosial | Pendidikan | Pembayaran Akaun Muktamad Sekolah Kebangsaan Ulu Entabuan.Tenom, Sabah | SS |
| 27 | Kementerian Pelajaran Malaysia | Sosial | Pendidikan | Membina Rumah Guru 2 Unit ( Kembar F ) di Sekolah Kebangsaan Bamban, Tenom, Sabah | SS |
| 28 | Kementerian Pelajaran Malaysia | Sosial | Pendidikan | Membina Rumah Guru 2 Unit ( Kembar F ) di Sekolah Kebangsaan Gumisi, Tenom, Sabah | SS |
| 29 | Kementerian Pelajaran Malaysia | Sosial | Pendidikan | Membina Rumah Guru 2 Unit ( Kembar F ) di Sekolah Kebangsaan Ulu Tomani, Tenom, Sabah | SS |
| 30 | Kementerian Pelajaran Malaysia | Sosial | Pendidikan | Pembinaan Sistem Solar Hibrid Fasa 1 di Sekolah Kebangsaan Kapulu, Tenom, Sabah | SS |

| BIL | | SEKTOR UTAMA | BIDANG | NAMA PROJEK | STATUS KEMAJUAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 31 | Kementerian Pelajaran Malaysia | Sosial | Pendidikan | Pembinaan Sistem Solar Hibrid Fasa 1 di Sekolah Kebangsaan Rundum, Tenom, Sabah | SS |
| 32 | Jabatan Perdana Menteri | Keselamatan | Keselamatan | Perumahan Ibu Pejabat Polis Daerah Tenom Sabah | IJ |

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB (KUBANG KERIAN)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [ KUBANG KERIAN ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah jumlah pinjaman kepada Kumpulan Wang Simapan Pekerja (KWSP) dan nyatakan nama-nama penghutang dan peminjam-peminjam itu.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KWSP tidak pernah membuat**

**sebarang pinjaman daripada mana-mana pihak atau institusi kewangan lain. Walau bagaimanapun, salah satu aktiviti KWSP adalah membuat pelaburan ke atas simpanan ahli-ahli KWSP termasuklah memberi pinjaman kepada sektor Kerajaan dan swasta. Portfolio pinjaman KWSP sebahagian besarnya digunakan bagi membiayai projek-projek dalam sektor pendidikan, bekalan elektrik, perladangan, hartanah, pembiayaan pinjaman perumahan, dan institusi kewangan terutamanya kepada agensi-agensi seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional (PTPTN), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan (SPPK), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB), Khazanah Nasional (Khazanah) dan lain-lain.**

**2. Setakat 31 Disember 2011, baki pinjaman KWSP kepada agensi Kerajaan dan swasta adalah seperti di jadual berikut:**

| **Butiran Pelaburan** | **(RM) Bilion** |
|---|---|
| **Kerajaan dan Syarikat/Agensi Kerajaan** | **80.24** |
| **Korporat** | **13.05** |
| **Jumlah** | **93.29** |

**3. Berdasarkan rekod, kualiti aset portfolio pinjaman adalah memuaskan. Prestasi pembayaran balik peminjam-peminjam adalah baik dan mengikut jadual yang ditetapkan sepertimana yang termaktub dalam perjanjian pinjaman. Setakat ini pendedahan pinjaman kepada sektor Kerajaan dan swasta tidak pernah mengalami sebarang keingkaran pembayaran dan tiada pinjaman diklasifikasikan sebagai pinjaman tidak berbayar atau "*Non-Performing Loan*" (NPL).**

**PEMBERITAHUAN**
**PERTANYAAN DEWAN**
**RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB**
**(KUBANG KERIAN)**

'I'^^VU*\A

PERTANYAAN : BERTULIS

**Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [ KUBANG KERIAN ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah pegangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam pelbagai badan korporat dan syarikat serta nyatakan nama-nama korporat dan syarikat-syarikat itu.**

JAWAPAN

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, pegangan KWSP dalam badan korporat dan syarikat adalah melalui pelaburan ekuiti di mana KWSP melabur di dalam ekuiti syarikat-syarikat yang tersenarai di bursa-bursa saham domestik dan luar negara berdasarkan mandat dan penanda aras (benchmark) yang dipilih. Jumlah pelaburan ke atas sesuatu ekuiti adalah berubah-ubah selaras dengan aktiviti pembelian dan penjualan yang dilakukan setiap hari. Prestasi pelaburan ekuiti KWSP dari tahun 2007 sehingga 2011 adalah seperti jadual di bawah.**

**Jadual 1: Jumlah Pelaburan Ekuiti KWSP Bagi Tahun 2007 hingga 2011**

**Nota: Mulai tahun 2010, baki pelaburan yang dinyatakan adalah berdasarkan piawaian perakaunan FRS139*

**2. Selain daripada syarikat-syarikat tersenarai, jumlah di atas juga adalah termasuk syarikat-syarikat bersekutu dan subsidiari KWSP, saham tidak tersiar harga dan ekuiti persendirian. Syarikat-syarikat yang tersenarai di BURSA Malaysia berdasarkan peratusan pegangan tertinggi KWSP setakat 31 Disember 2011 adalah seperti di Jadual 2 di Lampiran.**

~~83~~

**NO SOALAN ifT**

84

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARI PAD A : Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB (KUBANG KERIAN)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [ KUBANG KERIAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah sumbangan Petronas kepada Kerajaan bermula tahun 2009 hingga kini mengikut pecahan tahun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah sumbangan Petronas kepada Kerajaan Persekutuan dari tahun 2009 hingga tahun 2011 adalah seperti berikut:

| TAHUN | HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN (RM bilion) | JUMLAH BAYARAN OLEH PETRONAS Kepada KERAJAAN PERSEKUTUAN (RM bilion) | % |
|---|---|---|---|
| 2009 | 158.6 | 67.8 | 43 |
| 2010 | 159.7 | 53.5 | 34 |
| 2011* | 185.4 | 58.4 | 33 |
| Jumlah | 503.7 | 179.7 | 36 |

Sehingga 31 Disember 2011 berbanding tahun-tahun sebelumnya adalah

**berdasarkan tahun kewangan Petronas berakhir 31 Mac.**

**NO. SOALAN: 85**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
[ KUBANG KERIAN ]

SOALAN

Y.B. Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah wang royalti yang dibayar oleh Petronas kepada Kerajaan Negeri-Negeri mulai tahun 1999 hingga kini.

JAWAPAN

Jumlah sumbangan hasil petroleum yang dibayar PETRONAS kepada Kerajaan-kerajaan negeri adalah seperti berikut:

| Tahun Kewangan | Jumlah (RM bilion) |
|---|---|
| 31 Mac 1999 | 1.0 |
| 31 Mac 2000 | 1.3 |
| 31 Mac 2001 | 2.0 |
| 31 Mac 2002 | 1.7 |
| 31 Mac 2003 | 2.1 |
| 31 Mac 2004 | 2.3 |
| 31 Mac 2005 | 3.1 |
| 31 Mac 2006 | 3.9 |
| 31 Mac 2007 | 4.2 |

| | |
|---|---|
| **31 Mac 2008** | **4.8** |
| **31 Mac 2009** | **6.2** |
| **31 Mac 2010** | **4.1** |
| **31 Mac 2011** | **4.5** |
| **31 Disember2011** | **2.6** |

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA TUAN CHONG CHIEN JEN**
**[BANDAR KUCHING]**

**SOALAN**

**Tuan Chong Chien Jen [Bandar Kuching] minta PERDANA MENTERI menyatakan projek-projek yang telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Bandar Kuching dan Stampin sejak tahun 2008 dan jumlah yang diperuntukkan untuk projek masing-masing. Apakah kadar persiapan projek-projek masing-masing.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Sejak tahun 2008, sebanyak 89 projek dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) di Parlimen Bandar Kuching, 27 projek dilaksanakan di bawah** *Rolling Plan* **Pertama (RP1), Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) pada tahun 2011 dan 16 projek di bawah Rancangan**

**SOALAN NO. 46**

**Malaysia Kedua (RP-2) RMKe-10 pada tahun 2012.**

**Bagi Parlimen Stampin pula, sebanyak 103 projek dilaksanakan di bawah RMKe-9, manakala, 20 projek dilaksanakan di bawah RP-1 RMKe-10 pada tahun 2011 dan 13 projek di bawah RP-2 RMKe-10 pada tahun 2012.**

**Status pelaksanaan projek di Parlimen Bandar Kuching dan Parlimen Stampin adalah seperti di Jadual 1.**

**Jadual 1: Status Pelaksanaan Projek di Parlimen Bandar Kuching dan Parlimen Stampin**

| Parlimen | Tempoh Rancangan | Siling Peruntukan (RM) | Jumlah Projek | Status Pelaksanaan* | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Siap Sepenuhnya | Dalam Pelaksanaan |
| Parlimen Bandar Kuching | RMKe-9 | 559,730,594 | 89 | 74 | 15 |
| | RP-1 RMKe-10 | 219,139,004 | 27 | 5 | 22 |
| | RP-2 RMKe-10 | 162,200,693 | 16 | 2 | 14 |
| Parlimen Stampin | RMKe-9 | 1,178,023,520 | 103 | 89 | 14 |
| | RP-1 RMKe-10 | 128,334,176 | 20 | 9 | 11 |
| | RP-2 RMKe-10 | 103,308,628 | 13 | 4 | 9 |

<u>PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT</u>

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB

SOALAN : NO/®, gl,

**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan jumlah dan peratusan pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di dalam negara sejak tahun 2004 hingga kini mengikut pecahan kaum.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pada tahun 2008, jumlah enrolmen pelajar IPTA bagi kaum Melayu, Cina, India dan Iain-lain kaum adalah masing-masing seramai 283,133 pelajar; 48,040 pelajar; 12,094 pelajar; dan 57,582 pelajar. Pada tahun 2009 pula, kaum Melayu, Cina, India dan Iain-lain kaum masing-masing mencatatkan jumlah enrolmen seramai 298,044 pelajar, 47,191 pelajar, 12,033 pelajar dan 57,696 pelajar. Pada tahun 2010, seramai 333,706 pelajar bagi kaum Melayu; 67,273 pelajar bagi kaum Cina; 12,581 pelajar bagi kaum India dan 48,776 pelajar daripada Iain-lain kaum. Manakala, pada tahun 2011 masing-masing mencatatkan jumlah sebanyak 394,670 pelajar Melayu; 68,788 peiajar Cina; 13,634 peiajar India dan 28,936 pelajar lain-lain kaum.**

\

**SOALAN NO. 87**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA** **YB TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)**

**TARIKH** **13 MAC 2012 (SELASA)**

**SOALAN** **87**

**YB Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan secara terperinci kadar kemiskinan mengikut negeri sejak tahun 2000 sehingga Februari 2012, bantuan dan cara membantu keluarga miskin, ibu/bapa tunggal dan warga emas serta jumlah wang emas dan jumlah wang yang diperuntukkan untuk membantu setiap negeri dalam membasmi kemiskinan.**

**JAWAPAN:**

**Menurut sumber Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), insiden kemiskinan di Malaysia sejak tahun 1999 hingga 2009 menunjukkan penurunan yang ketara iaitu daripada sebanyak 8.5% pada tahun 1999 kepada sebanyak 3.8% sahaja pada tahun 2009. Pecahan insiden kemiskinan mengikut negeri bagi tahun 1999 hingga 2009 adalah seperti berikut:**

| NEGERI | TAHUN / PERATUS (%) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | 1999 | 2002 | 2004 | 2007 | 2009 |
| Johor | 3.1 | 2.5 | 2.0 | 1.5 | 1.3 |
| Kedah | 14.2 | 9.7 | 7.0 | 3.1 | 5.3 |
| Kelantan | 25.2 | 17.8 | 10.6 | 7.2 | 4.8 |
| Melaka | 2.9 | 1.8 | 1.8 | 1.8 | 0.5 |
| N. Sembilan | 4.1 | 2.6 | 1.4 | 1.3 | 0.7 |
| Pahang | 9.8 | 9.4 | 4.0 | 1.7 | 2.1 |
| P. Pinang | 0.7 | 1.2 | 0.3 | 1.4 | 1.2 |
| Perak | 6.8 | 6.2 | 4.9 | 3.4 | 3.5 |
| Perlis | 13.6 | 8.9 | 6.3 | 7.0 | 6.0 |
| Selangor | 1.9 | 1.1 | 1.0 | 0.7 | 0.7 |
| Terengganu | 22.7 | 14.9 | 15.4 | 6.5 | 4.0 |

| NEGERI | TAHUN / PERATUS (%) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | 1999 | 2002 | 2004 | 2007 | 2009 |
| **Sabah / W.P. Labuan** | **23.4** | **16.0** | **23.0** | **16.0** | **19.2** |
| **Sarawak** | **10.9** | **11.3** | **7.5** | **4.2** | **5.3** |
| **W.P. Kuala Lumpur** | **0.4** | **0.5** | **1.5** | **1.5** | **0.7** |
| **W.P. Putrajaya** | - | - | - | - | - |
| **MALAYSIA** | **8.5** | **6.0** | **5.7** | **3.6** | **3.8** |

**Bagi membantu golongan miskin, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyediakan pelbagai program bagi membantu kumpulan sasar seperti keluarga yang memerlukan, ibu / bapa tunggal dan warga emas bagi memastikan tiada lagi golongan yang tercicir daripada menerima perkhidmatan atau sebarang bantuan kebajikan.**

**Justeru, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan bantuan kebajikan mengikut kategori dan keperluan kumpulan sasar seperti berikut:**

**1. Bantuan Kanak-Kanak (BKK)**

**Bantuan ini diberikan kepada keluarga miskin yang memberi jagaan**

**kepada kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah. Kadar bantuan adalah sebanyak RM100.00 sebulan untuk seorang kanak- kanak dan maksimum RM450.00 sebulan sekeluarga sekiranya melebihi 4 orang kanak-kanak.**

**Bantuan Orang Tua (BOT)**

**Bantuan saraan hidup ini diberikan kepada warga tua berumur 60 tahun ke atas yang memerlukan bantuan supaya terus tinggal dalam komuniti. Kadar skim bantuan ini adalah sebanyak RM300.00 sebulan seorang.**

**Elaun Pekerja Cacat (EPC)**

**Elaun ini merupakan insentif untuk menggalakkan OKU bekerja yang berpendapatan RM 1,200.00 ke bawah untuk hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif.**

**Bantuan Anak Pelihara (BAP)**

**Skim ini diperkenalkan untuk membolehkan kanak-kanak yang kurang bernasib baik, yatim / yatim piatu, tidak mempunyai saudara mara untuk terus tinggal dalam masyarakat bersama-sama dengan keluarga pelihara. Kadar bantuan adalah sebanyak RM250.00**

**sebulan seorang kanak-kanak dan maksimum RM500.00 sebulan sekeluarga yang memelihara dua orang kanak-kanak atau lebih.**

**Bantuan Penjagaan OKU Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar (BPT)**

**Bantuan ini bertujuan untuk menggalakkan keluarga menjaga OKU terlantar atau pesakit kronik terlantar di samping mengurangkan bebanan perbelanjaan penjagaan keluarga tersebut. Kadar bantuan adalah sebanyak RM300.00 sebulan seorang.**

**Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)**

**Bantuan ini diberikan untuk menyara OKU yang tidak berupaya bekerja (berumur 18 hingga 59 tahun) disebabkan faktor-faktor yang munasabah tetapi bukan kerana sikap tidak mahu bekerja. Kadar bantuan adalah sebanyak RM150.00 sebulan.**

**Bantuan Alat Tiruan/Alat Sokongan (BAT)**

**Membantu OKU yang tidak berkemampuan untuk membeli alat tiruan atau alat sokongan seperti kaki palsu, tangan palsu, kalipers, tongkat tangan / ketiak, kerusi roda, alat pendengaran, cermin mata khas dan**

peralatan lain yang bersesuaian yang disyorkan oleh pegawai perubatan atau pakar perubatan. Kadar adalah mengikut harga sebenar alat tiruan.

8. Bantuan Geran Pelancaran (BGP)

Bantuan yang diberikan bagi menggalakkan klien JKM menjadi lebih produktif dan berusaha ke arah hidup berdikari serta meningkatkan taraf hidup mereka berdasarkan minat dan potensi untuk maju dengan menceburi bidang ekonomi. Maksimum bantuan sebanyak RM2,700.00 sekali gus.

9. Bantuan Latihan Perantis (BLP)

Membantu klien Jabatan terutama anak penerima bantuan yang tercicir daripada persekolahan dan menganggur serta bekas pelatih Institusi Kebajikan untuk mendapatkan latihan kemahiran atau latihan sambil bekerja. Kadar bantuan sebanyak RM200.00 sebulan seorang.

10. Bantuan Am (BA)

Bantuan yang diberikan kepada klien JKM yang berkeperluan tetapi tidak sesuai dipertimbangkan bantuan Persekutuan. Kadar bantuan

**berdasarkan kemampuan kerajaan negeri dengan kadar minimum RM50.00 dan kadar maksimum RM450.00 sebulan sekeluarga.**

**Perbelanjaan tahun 2011 mengikut negeri bagi program bantuan kebajikan ini adalah seperti berikut:**

| NEGERI | BIL. KES | PERBELANJAAN (RM) |
|---|---:|---:|
| Sabah | 77,208 | 244,693,197 |
| Kedah | 43,090 | 127,113,989 |
| Sarawak | 45,445 | 116,627,349 |
| Johor | 45,766 | 128,262,911 |
| Selangor | 39,028 | 116,810,893 |
| Terengganu | 34,806 | 96,141,997 |
| Perak | 34,003 | 95,186,805 |
| Kelantan | 34,243 | 89,560,135 |
| Melaka | 26,074 | 79,425,617 |
| Negeri Sembilan | 24,347 | 67,894,450 |
| Pulau Pinang | 23,031 | 66,575,773 |

| NEGERI | BIL. KES | PERBELANJAAN (RM) |
|---|---|---|
| Pahang | 24,270 | 64,225,629 |
| Kuala Lumpur | 13,532 | 40,540,425 |
| Perlis | 8,136 | 17,523,727 |
| Labuan | 949 | 2,156,220 |
| JUMLAH | 473,928 | 1,352,739,117 |

Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) selaku agensi peneraju menawarkan Program 1AZAM kepada ketua isi rumah (KIR) miskin tegar dan miskin berdaftar di bawah sistem eKasih, penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan golongan berpendapatan rendah yang tidak berdaftar di bawah sistem eKasih. Penyertaan peserta dibuka kepada semua rakyat golongan berpendapatan rendah tidak mengira kaum dan agama.

Program 1AZAM adalah sebuah program komprehensif yang berlandaskan konsep peningkatan produktiviti dengan menyediakan peluang menjana pendapatan kepada golongan berpendapatan rendah dalam bentuk

peluang perniagaan, pertanian, perkhidmatan dan pekerjaan.

Program 1AZAM ini mengandungi 4 komponen iaitu AZAM Tani yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, AZAM Kerja oleh Kementerian Sumber Manusia serta AZAM Niaga dan AZAM Khidmat di mana Amanah Ikhtiar Malaysia bertindak sebagai agensi pelaksana. Sehingga 29 Februari 2011, sejumlah 68,034 orang KIR di seluruh negara telah menyertai Program 1AZAM.

**PEMBERITAHU**
**PERTANYAAN DEWAN**
**RAKYAT, MALAYSIA**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | **BUKAN LISAN** |
| **DARIPADA** | **YB. TUAN TAN KOK WAI** |
| | **[ CHERAS ]** |
| **RUJUKAN** | **01 [PR-1251-T48823 ]** |
| **SOALAN** | |

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan

SOALAN NO: 88

keberkesanan KPI di atas penstrukturan semula jabatan-jabatan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sejak tahun 2011. Jumlah tambahan jawatan, gaji, imbuhan perumahan dan elaun-elaun lain yang ditambah sebelum dan selepas penstrukturan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Cheras, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mempunyai visi untuk menjadikan Kuala lumpur Bandar Raya Bertaraf Dunia pada tahun 2020. Selaras dengan visi tersebut, DBKL perlu melaksanakan fungsi dan tanggung jawab dengan lebih efisien dan efektif dengan mengambil kira cabaran dan kompleksiti tugas yang dihadapi. Sehubungan itu, penstrukturan semula DBKL telah dilaksanakan dengan tujuan menambah baik kelemahan struktur DBKL sedia ada seperti pertindihan fungsi serta kurang pengkhususan tugas.

Untuk itu, struktur DBKL telah berubah dari 3 sektor (pembangunan, perkhidmatan dan pentadbiran) kepada 4 sektor (perancangan, pembangunan sosio-ekonomi, pengurusan dan perlaksanaan projek &

penyenggaraan). Penstrukturan ini telah mengukuhkan fungsi dan pengkhususan sektor dan jabatan di DBKL agar dapat melaksanakan tugas dan tanggung jawabnya dengan lebih baik dan sistematik.

Jumlah keseluruhan perjawatan tetap di DBKL bagi tahun 2010 adalah sebanyak 9,724. Melalui penstrukturan semula, jumlah perjawatan tetap pada tahun 2011 adalah sebanyak 9569, iaitu pengurangan perjawatan sebanyak 155 perjawatan. Walau bagaimanapun, sebanyak 814 jawatan baru pelbagai gred dan skim perkhidmatan telah diwujudkan. Daripada 814 jawatan baru tersebut, sebanyak 326 ialah jawatan kenaikan pangkat dan selebihnya, iaitu 488 ialah jawatan lantikan pelbagai gred dan skim perkhidmatan. Di samping itu, dianggarkan seramai 700 hingga 800 kakitangan kontrak sedia ada akan dapat diserapkan ke jawatan tetap bagi tempoh 2011 hingga 2015. Oleh itu penstrukturan semula juga telah membolehkan sebahagian pegawai dan kakitangan DBKL dinaikkan pangkat dan sebahagian kakitangan kontrak dapat diserapkan ke jawatan tetap.

Dari segi pembayaran gaji dan elaun-elaun bagi tahun 2011, terdapatnya peningkatan sebanyak 1.3 peratus kenaikan bagi gaji iaitu dari RM148,522,618 kepada RM150,440,218. Manakala bagi imbuhan dan elaun-elaun lain, terdapat peningkatan sebanyak 5.6 peratus iaitu dari RM169,335,896 kepada RM178,887,482.

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KPI Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi tahun 2010 dan 2011 telah dibangunkan berdasarkan kepada lima (5) matlamat, iaitu, mempertingkatkan Peranan Kuala Lumpur Sebagai Pusat Komersial dan Kewangan Antarabangsa, Mempertingkatkan Persekitaran Hidup, mewujudkan Satu Struktur Bandar Raya Efisyen dan Saksama, membentuk Satu Identiti dan Imej Bandar Raya Tersendiri dan mempunyai Urus Tadbir Cekap dan**

**Berkesan. Penstrukturan semula DBKL sebenarnya telah memberi kesan yang positif kepada pencapaian KPI agensi ini kerana ianya telah meningkat daripada 68 peratus pada tahun 2010 kepada 89.22 peratus pada tahun 2011. Sehubungan itu, DBKL akan terus berusaha mempertingkatkan pencapaian KPI yang telah ditetapkan terutama setelah penstrukturan DBKL mencapai tahap matang yang boleh diukur untuk tempoh setahun bagi tahun ini yang akan dibuat pada penghujung tahun 2012 nanti.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA TUAN TENG BOON SOON**
**[TEBRAU]**

**SOALAN**

**Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ] minta PERDANA MENTERI menyatakan selain daripada tindakan polis trafik, apakah mekanisma yang sedia ada dan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan**

**pemandu bas awam dan bas pelancongan memandu mengikut had laju di sepanjang Lebuhraya Utara Selatan demi keselamatan penumpang dan pengguna lebuh raya.**

**SOALAN N0.90**

**JAWAPAN:** **YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara matlamat pengoperasian Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) adalah bagi memastikan penumpang dan pengguna lebuhraya lebih terjamin dan selamat apabila menggunakan perkhidmatan awam. Dalam konteks tersebut Kerajaan melalui SPAD telah menggariskan langkah-langkah penambahbaikan yang perlu diambil oleh pengusaha pengangkutan awam bagi memastikan mutu dan kualiti perkhidmatan mereka dapat dipertingkatkan.**

**Mulai tahun 2010, adalah menjadi pra-syarat bahawa semua Bas Ekspres adalah diwajibkan memasang** *Global Positioning System*

**(GPS). Sistem ini adalah bertujuan untuk memantau pergerakan bas berdasarkan kedudukan dan kelajuan. Sistem yang digunakan adalah di bawah seliaan Pihak Pengusaha Syarikat itu sendiri. Data yang diperolehi juga dapat membantu agensi penguatkuasa dalam**

membuktikan kesalahan yang membabitkan pemandu yang tidak mematuhi had laju sekiranya diminta kelak.

SPAD telah juga menjalinkan jaringan hubungan kerjasama yang rapat dengan pelbagai agensi seperti PLUS, LLM dan JPJ dalam usaha memantau dan memastikan pemandu bas awam dan bas pelancongan memandu mengikut had laju yang ditetapkan. Mekanisme pemantauan yang dimaksudkan adalah melalui sistem CCTV dari PLUS dan LLM serta Automated Enforcement System (AES) dari JPJ, dimana saman bergambar serta bukti yang jelas dapat diperolehi bagi membuktikan kesalahan yang telah dilakukan. Justeru, ianya akan memberi jaminan kepada pengguna jalan raya dan orang awam agar keselamatan mereka akan lebih terjamin dan selamat.

Selain itu, pihak SPAD juga mengamalkan sistem pintu terbuka bagi menerima maklumat dan pengaduan dari orang awam melalui pelbagai cara diantaranya adalah melalui email, hotline, surat, sms atau dengan datang sendiri ke pejabat SPAD. Setelah tapisan dilakukan, proses siasatan akan terus dilaksanakan sehinggalah lengkap Kertas Siasatan untuk dimajukan kepada pihak Timbalan

Pendakwa Raya. Usaha telah dan sedang dipercepatkan untuk menyiapkan setiap Kertas Siasatan supaya ianya dapat memberikan kesan terhadap pemandu dan pengusaha yang melanggari undang-undang jalanraya dan gagal untuk mematuhi syarat lesen. Impak daripada proses perundangan diharap dapat mendisplinkan pemandu dan pengusaha tentang keselamatan penumpang dan pengguna jalanraya yang lain.

SPAD juga mengambil pendekatan untuk berinteraksi dengan Persatuan-Persatuan Perkhidmatan Pengangkutan Awam dalam usaha untuk menyalurkan informasi dalam aspek tatacara perkhidmatan dan ketetapan perundangan bagi menyedarkan mereka tentang tanggungjawab mereka untuk mempertingkatkan tahap keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan pengangkutan awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** **BUKAN JAWAB LISAN TUAN TENG BOON SOON**

**DARIPADA** **NO. $£^<9**

**SOALAN**

**Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI**

**menyatakan jenis serta senaraikan kegiatan kokurikulum yang sah dan diberi Sijil Pengesahan atau Pengiktirafan di IPTA. Apakah piawaian dan syarat-syarat untuk menentukan sesuatu kegiatan itu diiktiraf sebagai kokurikulum yang sah dan diberi Sijil Pengesahan yang boleh digunakan apabila memohon biasiswa atau melanjutkan pelajaran di luar negara.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi telah mewajibkan semua IPTA untuk melaksanakan kursus kokurikulum berkredit yang meliputi aktiviti-aktiviti pembangunan sahsiah pelajar yang wajib diikuti oleh pelajar dan dikreditkan kedalam pencapaian akademik mereka berdasarkan 8 Teras iaitu:**

i. **Keusahawanan**
ii. **Daya usaha dan Inovasi**
iii. **Kepimpinan**
iv. **Kesukarelawanan**

**v. Sukan**

**vi. Kebudayaan**

**vii. Khidmat komuniti**

**viii. Pengucapan Awam**

**Teras-teras tersebut adalah selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang mengambil kira pembangunan sahsiah pelajar secara holistik. Kursus Kokurikulum berkredit ini diambil kira sebagai syarat wajib bergraduat di peringkat pengajian Ijazah Pertama.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TENG BOON SOON

SOALAN : NO.j9ST<^j |

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan langkah-langkah untuk menyekat penjualan Baucar Buku Kerajaan oleh penerima dan kedai-kedai buku yang memudahkan penyelewengan Baucar Buku supaya tujuan murni program pemberian Baucar Buku boleh tercapai.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan pelaksanaan pemberian Baucer Buku 1 Malaysia (BB1M) berjalan dengan lancar dan tidak menyimpang daripada objektif yang digariskan, Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Garis Panduan Pemberian BB1M dan mengedarkannya kepada semua pelaksana. Selain daripada itu, taklimat juga turut diberikan kepada pihak yang terlibat. Di samping itu, Kementerian juga telah membuat kenyataan media untuk mengambil tindakan tegas terhadap pelajar dan kedai buku yang tidak mematuhi garis panduan yang ditetapkan. Kementerian sentiasa bekerjasama dengan semua pihak khususnya pihak polis bagi memastikan penjualan BB1M tidak berlaku.**

## JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN TENG BOON SOON**

**[TEBRAU]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. TUAN TENG BOON SOON [ TEBRAU ] minta Menteri Pelajaran menyatakan peraturan dan syarat-syarat, jika ada untuk menubuhkan Persatuan Agama Buddha di Sekolah Menengah Kebangsaan. Mengapa syarat-syarat ini perlu dikenakan. Adakah keahlian Persatuan Agama Buddha dikategorikan sebagai kokurikulum sekolah. Jika tidak, mengapa.**

**JAWAPAN**

**Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,**

**Penubuhan persatuan di sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan adalah tertakluk kepada Peraturan 4, Peraturan-peraturan Pendidikan (persatuan Sekolah) 1998, Akta Pendidikan 1996. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengambil maklum bahawa terdapatnya banyak permohonan untuk menubuhkan persatuan bukan Islam di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan termasuk Persatuan Agama Buddha di Sekolah Menengah Kebangsaan. Sehubungan itu, KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 2/2011: Penubuhan Persatuan Agama Bukan Islam Di sekolah-sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan sebagai panduan dan rujukan kepada semua Pengetua dan Guru Besar.**

**Dimaklumkan bahawa kuasa meluluskan permohonan penubuhan persatuan agama bukan Islam turut diberikan kepada Pengetua dan Guru Besar sekolah sekiranya terdapat permohonan dan hendaklah mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam SPI Bil 2/2011 tersebut. Setelah diluluskan, persatuan ini diktiraf sebagai salah satu persatuan yang senaraikan dalam aktiviti kokurikulum di sekolah.**

PERTANYAAN BUKAN LISAN

NO. SOALAN : 94

**DARIPADA** **Tuan Teng Boon Soon**

**SOALAN**

**Tuan Teng Boon Soon [ Tebarau ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bukti-bukti yang ketara menunjukkan program Transformasi Khidmat Awam telah mencapai hasil yang menggalakkan. Apakah langkah-langkah seterusnya untuk meningkatkan proses modernisasi dalam jentera khidmat awam.**

**JAWAPAN:** *(oleh* **YB** *Senator Datuk Seri Palanivel a/l K.Govindasamy)*

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan sentiasa menggandakan usaha untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam menerusi program Transformasi Sektor Awam. Di antaranya ialah melalui pendekatan pelaksanaan makmal yang melibatkan para pegawai kanan, pemimpin sektor swasta, pakar runding dan akademik untuk bersama-sama membuat penganalisaan, perancangan dan penggubalan strategi dan program. Pendekatan makmal ini amat berkesan bagi memastikan pencapaian bidang keberhasilan yang mendatangkan pelbagai faedah kepada rakyat. Proses ini telah mulai menjanakan inovasi, perubahan minda dan budaya kerja di kalangan penjawat awam serta mendorong transformasi perkhidmatan awam ke arah budaya berprestasi tinggi dan kecemerlangan.**

**Antara hasil awalnya ialah, penggubalan dan pelaksanaan strategi untuk menambahbaik pentadbiran kerajaan, menyelesaikan masalah rakyat dan meningkatkan penjanaan ekonomi telah menjadi lebih berfokus dan spesifik mengikut petunjuk-petunjuk tertentu. Pengurusan sumber manusia, kewangan dan organisasi menjadi semakin cekap dan tepat.**

**Kedua, kaedah makmal menggalak dan menjanakan perkongsian pandangan, pengetahuan, pengalaman, mahupun sumber, di mana tembok pemisah yang wujud di antara agensi-agensi kerajaan, serta di antara sektor awam dan sektor swasta dapat disingkirkan untuk kerjasama yang lebih erat agar menghasilkan sinergi.**

**Ketiga, pengurusan nilai atau** *value management* **sedang diamalkan yang mengutamakan** *value for money* **atau nilai yang berbaloi, dengan tumpuan untuk mengurangkan kos dan meningkatkan impak. Proses perolehan telah juga menjadi lebih telus dan keberkesanan tindakan terhadap rasuah telah meningkat.**

**Keempat, karenah birokrasi telah dapat terus dikurangkan melalui inisiatif-inisiatif yang telah diusahakan oleh JPA, ICU dan MAMPU sebelum ini, seperti amalan TQM, ISO, Piagam Pelanggan, pelbagai aplikasi e-kerajaan dan kerjasama erat dengan sektor swasta melalui PEMUDAH.**

**Yang penting sekali ialah komitmen pucuk pimpinan untuk memberi tumpuan yang berfokus supaya memacu segala inisiatif ini, oleh YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri, para menteri dan ketua agensi, yang mengadakan mesyuarat berjadual yang kerap untuk memantau kemajuan perlaksanaan NKEA dan NKRA, di samping memberi arahan untuk menyelesaikan kekangan dan masalah secara pantas.**

**Dan bagi meneruskan inisiatif modernisasi yang telah dimulakan, Kerajaan telah menggubal agenda transformasi yang mengariskan halatuju dan misi Sektor Awam dan seterusnya merangka rangkaian strategi yang berkesan bagi meningkatkan daya saing Negara dan kualiti hidup rakyat selaras dengan aspirasi Negara - IMalaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Program transformasi Sektor Awam dirangka berteraskan kepada lima (5) teras strategik utama dalam usaha memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan serta melonjakkan Sektor Awam ke tahap yang lebih gemilang. Teras-teras tersebut ialah:**

**a) pembangunan kepimpinan transformasional yang mampu menjana perubahan berimpak besar;**

**b) pemantapan amalan nilai-nilai murni dan integriti di kalangan**

**Penjawat Awam;**

**c) pewujudan Sektor Awam yang kompeten dan mengutamakan prestasi;**

**d) pembentukan jentera Kerajaan yang saling berhubung** *(connected)* **melalui pemerkasaan sepenuhnya ICT; dan**

**e) pewujudan Sektor Awam yang sentiasa mengutamakan rakyat dan pelanggan dalam penyampaian perkhidmatan.**

**Daya usaha dan iltizam seluruh warga perkhidmatan awam mempertingkatkan kapasiti, memperkemaskan tadbir urus dan memperkasa prestasi penyampaian perkhidmatan tersebut adalah bertujuan mempercepatkan proses transformasi negara serta menghapuskan karenah birokrasi yang menjadi kekangan. Pelaksanaan segala perubahan dalam perkhidmatan awam yang komprehensif dan berfokus ini, memberi gambaran yang jelas bahawa jentera perkhidmatan awam sedang melaksanakan peranan mereka dengan bersungguh-sungguh dan tersusun. Transformasi perkhidmatan awam adalah testimoni kepada kesediaan jentera perkhidmatan awam untuk berubah dan mengubah secara total lanskap perkhidmatan awam dengan tujuan memastikan kejayaan agenda transformasi negara dalam merealisasikan wawasan 2020.**

**Sekian, terima kasih.**

-we-A-yp—-

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN**

**[BESUT]**

**JAWAPAN:**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 4576**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Dr. Abdullah bin Md. Zin [ Besut ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah punca utama yang menyebabkan terdapatnya pelancong-pelancong asing yang datang ke negara ini yang telah menyalahgunakan visa, malah ada yang terlibat dengan kegiatan-kegiatan tidak bermoral seperti pelacuran dan sebagainya sebagaimana yang disiarkan di media massa dan jika terus berlaku boleh membawa kesan buruk kepada masyarakat dan negara.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Besut yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia sebuah negara yang mengalu-alukan kedatangan warganegara asing berkunjung ke negara ini, asalkan mereka tidak tergolong sebagai imigran larangan (atau** *prohibited immigrant,* **dengan izin). Ini adalah selaras dengan dasar- dasar**

**JAWAPAN:**

**negara, seperti dasar menggalakkan kemasukan pelancong dan dasar menjadikan negara sebagai hab pendidikan serantau. Namun demikian, terdapat pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan berkepentingan yang menyalahgunakan kemudahan imigresen yang disediakan. Selain itu, adalah sukar bagi mengenal pasti samada seseorang warganegara asing yang memasuki Negara ini adalah benar- benar seorang pelancong tulen ataupun mempunyai niat untuk melibatkan diri dalam kegiatan tidak bermoral. Walau bagaimanapun, agensi-agensi yang berkaitan sentiasa melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara.**

NO. SOALAN : 95

PERTANYAAN DARIPADA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

BERTULIS

DATO' SERI DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN [BESUT]

**DATO' SERI DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN [ BESUT ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**
**menyatakan apakah pencapaian yang telah dapat dibuat dalam program Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) sejak mula diperkenalkan sehingga sekarang memandangkan ianya amat dinanti-nantikan kewujudannya oleh masyarakat terutamanya di kawasan luar bandar yang kebanyakannya belum lagi dapat berbelanja di kedai tersebut.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang dipertua,**

**KR1M telah membantu rakyat untuk mendapatkan barangan keperluan pada harga yang rendah dan berkualiti. Sehingga 1 Mac 2012, sebanyak 31 buah KR1M telah beroperasi di seluruh Malaysia dan sebanyak 477 kedai runcit lain telah menjual produk 1 Malaysia Kedai Rakyat.**

SOALAN NO. 81

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **BERTULIS**

**DARIPADA** **YB. DATO' SERI ABDULLAH BIN MOHD. ZIN**

**KAWASAN** **BESUT**

**SOALAN:**

**YB. DATO' SERI ABDULLAH BIN MOHD. ZIN (BESUT)** minta **MENTERI KER]A RAYA** menyatakan statistik kadar kemalangan jalan raya yang berpunca daripada kerosakan jalan raya sepanjang musim perayaan tahun 2010-2011 dan jumlah saman yang dikeluarkan akibat memandu laju dan melanggar peraturan-peraturan jalan raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik Ops Sikap ke-24 oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) sempena Aidilfitri pada tahun lalu (2011) telah mencatatkan sebanyak 1,186 kes kemalangan dengan jumlah kematlan seramai 289 orang. Manakala dari segi penguatkuasaan pula, sebanyak 9,253 saman telah dikeluarkan oleh pihak PDRM sepanjang tempoh tersebut kepada

**JAWAPAN:**

pengguna atas pelbagai kesalahan lalu lintas.

Berdasarkan kajian oleh PDRM, faktor kecuaian manusia seperti memandu terlalu laju, mengantuk semasa memandu dan hilang kawalan semasa memandu telah dikenal pasti sebagai punca utama kemalangan di negara ini. Walaupun begitu, Kerajaan amat memandang serius dan berusaha untuk mengurangkan kadar kemalangan terutama semasa musim perayaan utama, termasuk yang disebabkan oleh faktor kejuruteraan jalan. Sehubungan itu, kementerian ini telah mengenal pasti beberapa kawasan lokasi yang sering berlaku kemalangan *(blackspot).* Usaha-usaha penambahbaikan dari aspek keseiamatan telah, sedang dan akan dilaksanakan secara berperingkat. Di samping itu, Kerajaan juga telah mewartakan perintah had laju yang lebih rendah berbanding hari biasa dan larangan kepada kenderaan berat daripada menggunakan jalan raya dan lebuh raya tertentu semasa musim perayaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

Pertanyaan PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

Daripada Dato' Seri Dr. Abdullah bin Md. Zin [ Besut ]

Soalan

Dato' Seri Dr. Abdullah bin Md. Zin [ Besut ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah pencapaian yang telah dapat dibuat dalam industri perladangan di negara ini mengikut negeri-negeri di Malaysia sejak 2008-2011 dalam usaha memajukan bidang tersebut untuk menjana ekonomi negara.

JAWAPAN

Industri perladangan komoditi negara telah membangun dengan pesat, terutamanya dalam tempoh 2008 - 2011. Sumbangan eksport produk berasaskan komoditi utama seperti minyak sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada dan tembakau telah meningkat sebanyak 25% iaitu dari RM112.66 bilion pada tahun 2008 kepada RM141.21 bilion pada tahun 2011. Daripada jumlah tersebut, produk berasaskan sawit merupakan penyumbang terbesar eksport produk berasaskan komoditi dengan nilai RM83.40 bilion atau 59%, diikuti dengan produk berasaskan getah dengan RM32.42 bilion (22%) dan produk berasaskan kayu-kayan sebanyak RM19.83 bilion (14%).

**Dari segi jumlah keluasan, tanaman kelapa sawit telah meningkat dengan pesat sebanyak 11% kepada 5 juta hektar pada tahun 2011 daripada 4.49 juta hektar pada tahun 2008. Daripada jumlah keseluruhan kawasan tanaman kelapa sawit, sebanyak 28% atau 1.43 juta hektar terletak di Sabah diikuti oleh Sarawak dengan 20% atau 1.02 juta hektar, Johor dengan 721 ribu hektar (14%), Pahang dengan 695 ribu hektar (13%) dan Perak dengan 387 ribu hektar (7%). Pelaksanaan Skim Tanaman Baru/Semula Pekebun Kecil dijangka dapat membantu meningkatkan jumlah kawasan tanaman kepada 5.1 juta hektar pada tahun 2012.**

**Pengeluaran minyak sawit mentah** *(crude palm* **o/7-CPO) turut meningkat sebanyak 6% kepada 18.91 juta tan pada tahun 2011 daripada 17.73 juta tan pada tahun 2008. Sabah merupakan pengeluar CPO terbesar pada 2011 dengan menghasilkan 5.84 juta tan atau 30% dari jumlah pengeluaran CPO negara diikuti Johor dengan 3.02 juta tan (15%), Pahang sebanyak 2.80 juta tan (14%), Sarawak dengan 2.70 juta tan (13%) dan Perak dengan 1.96 juta tan (10%).**

**Berbeza dengan pembangunan tanaman kelapa sawit, jumlah keluasan tanaman getah mencatatkan tren penurunan iaitu sebanyak 18% kepada 1.02 juta hektar pada tahun 2011 daripada 1.25 juta hektar pada tahun 2008. Walaupun keluasan tanaman getah berkurangan, purata produktiviti pengeluaran getah asli telah meningkat sebanyak 20% kepada 1.5 tan sehektar setahun pada tahun 2011 daripada 1.2 tan sehektar setahun pada tahun 2008. Peningkatan produktiviti getah ini telah disokongoleh prog ram-prog ram pengembangan seperti**

**penggunaan Sistem Torehan Berintensiti Rendah (LITS) dan penggunaan klon berhasil tinggi dijalankan oleh oleh agensi-agensi Kerajaan seperti Lembaga Getah Malaysia dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).**

**Menyedari akan prospek dan sumbangan yang besar dari industri sawit dan getah, Kerajaan telahpun mengenalpasti kedua-dua industri ini sebagai Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) di bawah Program Transformasi Ekonomi Negara (GTP). Melalui NKEA, industri sawit disasarkan untuk menjana Pendapatan Negara Kasar** *(Gross National Income-***GNI) sebanyak RM178 bilion sementara industri getah sebanyak RM52.9 bilion menjelang tahun 2020.**

**Bagi tanaman koko, jumlah keluasan, tanaman koko telah meningkat dengan pesat sebanyak 18% kepada 20,543 hektar pada tahun 2011 daripada 17,337 hektar pada tahun 2009. Daripada jumlah ini Sabah dan Sarawak menjadi dua negeri terbesar dalam pengeluaran koko dengan keluasan 8,688 hektar bagi Sarawak dan 6,809 hektar bagi Sabah. Pada tahun 2010, jumlah keseluruhan pekebun kecil yang melibatkan diri secara aktif menanam koko adalah seramai 14,748 orang dengan jumlah keluasan sebanyak 18,202 hektar di seluruh Malaysia. Pekebun-pekebun kecil ini juga telah menyumbang kepada peningkatan eksport biji koko dan produk berasaskan koko sebanyak 31% pada tahun 2011 iaitu nilai ekports sebanyak RM4.2 juta berbanding RM3.2 juta pada tahun 2009.**

**Sektor lada telah berkembang pesat khususnya di Sabah dan Sarawak.**

**Pada tahun 2011 nilai eksport lada adalah RM284.7juta berbanding pada tahun 2010 iaitu RM199.3 juta iaitu peningkatan sebanyak 42%. Dari segi keluasan tanaman lada, peningkatan sebanyak 3% iaitu dari 14,174 hektar pada 2010 kepada 14,735 hektar pada 2011.Pada tahun 2011 juga berlaku peningkatan pengeluaran lada sebanyak 5% iaitu dari 22,227 tan pada 2010 kepada 25,600 tan pada tahun 2011. Dari segi harga, komoditi lada adalah stabil dan menunjukkan kenaikkan yang positif. Harga purata tahunan lada Hitam pada tahun 2010 dan 2011 masing-masing adalah RM10,097 per tan dan RM13,939 per tan ini merupakan peningkatan sebanyak 27%. Manakala harga purata lada putih bagi tahun 2010 dan 2011 masing-masing adalah RM15.984 per tan dan RM22.691 per tan iaitu peningkatan sebanyak 41%. Bilangan Pekebun lada seluruh malaysia pada tahun 2011 adalah 67,247 orang dan majoritinya adalah pekebun kecil.**

**Kenaf juga telah diperkenalkan oleh Lembaga Kenaf Dan Tembakau Negara (LKTN) untuk dijadikan untuk sumber bahan mentah alternatif kepada penghasilan produk-produk berasaskan kayu. Pada tahun 2011, LKTN telah membangunkan seluas 1,140 hektar kenaf melibatkan 687 pekebun kecil di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,236 tan hasil kenaf telah diperolehi dengan anggaran nilai sebanyak RM1,118,000. Jumlah tersebut menunjukkan peringkatan sebanyak 51% berbanding pengeluaran pada tahun 2010 iaitu sebanyak 2,463 tan dengan nilai RM738.900. Pekebun-pekebun kecil yang terlibat dengan pembangunan kenaf ini diberi bantuan input merangkumi benih, baja dan racun serta bantuan mekanisasi ladang yang bernilai RM2.801 sehektar.**

**PEMBER1TAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT [ BUKAN LISAN ] SOALAN NO.i*#^**

**Dato' Seri Dr. Abdullah bin Md. Zin [ Besut ] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk mempertahankan rekod kejuaraan yang telah dicapai dalam beberapa jenis sukan di peringkat antarabangsa oleh atlet negara.**

**JAWAPAN**

1. **Bagi meneruskan kejayaan atlet-atlet negara di temasya sukan antarabangsa, Kementerian melalui Majlis Sukan Negara telah pun memulakan program latihan atlet ke arah Sukan Komanwel Glasgow dan Sukan Asia Incheon 2014. Program yang bermula pada tahun 2011 ini menumpukan kepada 19 jenis sukan. Kementerian juga akan meneruskan program-program Pelapis yang merangkumi Pelapis Kebangsaan, Pelapis Serantau dan Pelapis Negeri dalam memastikan negara sentiasa mempunyai atlet remaja terbaik yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa seterusnya bakal menggantikan atlet-atlet senior di masa akan datang.**
2. **Selain itu, elemen sains sukan juga sentiasa diberi penekanan terhadap para atlet termasuk di dalam program-program latihan yang dijalankan seperti perkhidmatan Suaian Fizikal, Fisiologi**

**Senam, Pemakanan Sukan, Psikologi Sukan, Biomekanik, Analisis Sukan dan Perubatan Sukan.**

SOALAN NO : 99

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** **BUKAN LISAN**

**DARIPADA** **TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN [ALOR GAJAH]**

**SOALAN**

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sebab mengapa beribu-ribu jururawat tidak dapat mencari pekerjaan selepas graduan sedangkan industri kesihatan sentiasa mengadu kekurangan kakitangan perubatan.**

**Tuan Yang di-Pertua**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini latihan kejururawatan dikendalikan oleh Institusi Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM), Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Swasta (ILS). Melalui ILKKM, Kementerian telah melatih jururawat bagi memenuhi keperluan perkhidmatan kesihatan di KKM. Graduan jururawat dari ILKKM akan dilantik untuk berkhidmat di fasiliti-fasiliti kesihatan KKM.**

**Manakala bagi graduan jururawat dari IPTA dan ILS, mereka mempunyai pilihan untuk mendapatkan pekerjaan di mana-mana hospital swasta atau**

klinik swasta dan tidak semestinya di KKM, memandangkan KKM mempunyai bekalan yang berterusan daripada ILKKM.

Sebahagian kecil jururawat yang belum mendapat pekerjaan adalah mereka yang dilatih di ILS yang tidak mempunyai fasiliti kesihatan mereka sendiri. Antara sebab yang menyumbang kepada kelewatan mendapat pekerjaan adalah seperti berikut:

i. Pihak majikan terutama di sektor swasta yang mementingkan pengalaman bekerja;

ii. Graduan menolak tawaran pekerjaan berdasarkan nilai upah atau gaji yang ditawarkan oleh majikan tidak setimpal dengan beban tugas yang akan dilaksanakan; dan

iii. Sikap terlalu memilih tempat bekerja seperti daerah atau negeri tertentu.

SOALAN NO : 100

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** **BUKAN LISAN**

**DARIPADA** **TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN [ALOR GAJAH]**

**SOALAN**

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan statistik berapa ramai doktor pelatih yang telah berjaya mengharungi 'housemanship' untuk 5 tahun yang lepas serta berapa banyak doktor yang tercicir semasa tempoh ini dan apakah sebabnya.**

**Tuan Yang di-Pertua**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh 5 tahun yang lepas, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melantik seramai 13,490 orang Pegawai Perubatan Latihan Siswazah (PPS) untuk berkhidmat di KKM. Daripada jumlah tersebut, seramai 246 atau secara puratanya 49 orang setahun yang telah tercicir semasa menjalankan** *'housemanship'.* **Pelbagai faktor menyumbang kepada kegagalan PPS menyempurnakan latihan siswazah, di antaranya adalah pegawai meletakkan jawatan, pegawai ditamatkan perkhidmatan, masalah kompetensi, sikap, tidak minat dan juga masalah kesihatan.**

**Sejak tahun 2008, semua PPS perlu menjalani latihan siswazah selama 2 (dua) tahun bagi menjalani 6 posting iaitu O&G, Pediatrik, Ortopedik, Pembedahan Am, Perubatan Am dan Perubatan Kecemasan atau Anestesiologi.**

